

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 22

Rabu

25 Mac 2009

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
(Pindaan) 2009 (Halaman 5)
- Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
(Pindaan) 2008 (Halaman 87)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- Pemberian Insentif kepada Petani dan Penternak
- *Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)* (Halaman 3)

USUL-USUL:

- Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62 (Halaman 1 & 146)

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 2)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

- Akta Tatacara Kewangan 1957 (Halaman 147)
- Akta Kastam 1957 (Halaman 148)
- Akta Cukai Jualan 1972 (Halaman 151)

23 Februari 2009

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri **Datuk Seri Utama** Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semporna) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRB
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
24. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
29. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
36. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. Yang Berhormat Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
27. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
28. “ **Dato’** Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
29. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
30. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
31. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
36. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
37. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
38. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
39. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
40. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
41. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
42. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO

43. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
44. Yang Berhormat Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
45. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
46. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
47. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
48. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
49. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
50. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
51. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
52. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
53. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
54. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
58. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
59. “ Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
60. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
63. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
64. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
65. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
67. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
68. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
70. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
71. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
72. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
73. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
74. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)

6. “ Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ **Dato’** Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
19. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
20. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
21. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
22. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
23. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
24. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
25. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)

12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ **Dato’** Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ **Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)**
11. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)

22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
2. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
3. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi
Sukmawati binti Abdul Rahman
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Fariah binti Mohd. Isa
Nordiyana binti Kamal Ariff
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 25 Mac 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul-usul.

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

10.04 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62(1):

1. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008;
2. Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008;
3. Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008;
4. Rang undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008;
5. Rang undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2008;
6. Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009;
7. Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008;
8. Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008; dan
9. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan)(Pengesahan) 2009;

Yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di No.4 hingga No.12, ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat yang akan datang”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.08 pg.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan:-

1. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009;
2. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008; dan
3. Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008;

Serta usul-usul di nombor 13, 14 dan 15 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PETANI DAN PENTERNAK

10.07 pg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Dengan segala hormatnya, saya dengan ini memberi notis pemberitahu di bawah P.M.18(1) bagi mengemukakan usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada Mei 2008 insentif akan diberikan kepada petani dan penternak bermula dari Jun 2008. Manakala pada bulan Jun 2008 jabatan berkenaan menyatakan bahawa penternak komersial ayam pedaging yang melebihi 20,000 ekor tidak diberikan insentif berkenaan.

Polisi berkenaan telah pun mempengaruhi sebanyak setengah daripada jumlah penternak ayam pedaging di Semenanjung Malaysia dan menyebabkan banyak ladang-ladang ternakan yang beroperasi dengan pendapatan negatif atas kenaikan kos. Tema pemberian insentif ini adalah satu langkah kerajaan untuk menjamin keselamatan makanan negara kita. Sekiranya insentif penternak ayam pedaging ini digugurkan, ia sendiri akan bercanggah dengan dasar kerajaan. Malaysia walaupun tidak mempunyai sumber-sumber makanan haiwan yang mencukupi, industri ternakan ayam pedaging telah menjadi satu sektor yang boleh dibanggakan. Penternak-penternak berkenaan bukan sahaja dapat membekalkan daging ayam yang mencukupi malah ia juga merupakan sumber daging yang termurah.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan dapat memberikan tumpuan yang lebih adil kepada sektor ini. Kenaikan harga bijirin, ubat-ubatan, bahan-bahan binaan dan sebagainya telah meningkat dan kos pengeluaran sektor pengeluaran ayam pedaging dengan begitu nyata. Pengguguran penternak-penternak ayam pedaging dari senarai yang layak menerima insentif tersebut adalah keputusan yang salah.

■1010

Untuk meningkatkan bebanan penternak insentif tersebut seharusnya disalurkan kepada mereka selaras dengan dasar pemberian insentif ini. Ia juga seterusnya dapat menjamin bekalan daging ayam yang mencukupi di pasaran. Pertubuhan Penternak Negeri Johor telah berulang-ulang kali menulis surat rayuan, berjumpa dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani supaya mengadakan sesi dialog tetapi sampai hari ini tiada apa-apa tindakan diambil oleh kementerian berkenaan. Sekiranya kerajaan enggan menyelesaikan masalah tersebut di atas ia akan mengakibatkan banyak ladang ternakan terpaksa berhenti beroperasi. Penternak-penternak juga mungkin akan mengadakan tunjuk perasaan dan seterusnya menjejaskan imej negara.

Oleh itu Dewan ini haruslah membahaskan usul ini supaya polisi insentif berkenaan haruslah diubah bagi manfaat semua pihak. Sekian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bakri hari Isnin 23 Mac 2009. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendak berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, bahawa:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun perkara ini tidak perlu disegerakan kerana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memaklumkan bahawa kementerian telah menerima permohonan dan rayuan daripada penternak ayam daging komersial dan kini sedang meneliti cadangan untuk membayar insentif pengeluaran kepada penternak ayam komersial. Dengan tindakan ini saya berpuas hati bahawa usul ini tidak perlu disegerakan.

Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah usul peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 53 mengenai bacaan kali yang kedua. Rang undang-undang ini semalam baru di bentang untuk bacaan kali yang pertama dan hari ini kita akan baca hari yang kedua tanpa notis yang cukup, yang sepatutnya diberi. Khasnya saya mahu merujuk kepada 53(4) yang berbunyi: “(4) Apabila sesuatu rang undang-undang itu dibacakan kali yang kedua, maka boleh dicadangkan pindaan yang mana telah diberi pemberitahu dengan bersurat sekurang-kurangnya satu hari kepada masalah, “laitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang ” dan berikutnya.

Ini bererti bahawa untuk satu pindaan yang dikemukakan kepada cadangan untuk bacaan yang kedua perlu satu hari notis. Bagaimana? Saya berhasrat juga melihat dan membaca rang undang-undang ini merupakan satu pindaan tetapi mungkin dibuat oleh kerana perlu satu hari notis dan di mana ini bererti bahawa sekurang-kurangnya lebih daripada sehari patut diberikan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebelum satu rang undang-undang dikemukakan untuk bacaan kali yang kedua. Khasnya oleh kerana sangat penting dalam rang undang-undang ini, tidak diberi notis, tidak ada apa-apa *consultation* kepada semua NGOs dan melanggar *Paris Principles* di mana di bawah peraturan ini, rang undang-undang ini dikemukakan – di bawah *Paris Principles* mengenai *consultation* sepenuhnya dengan segala masyarakat madani. Tidak. Bolehkah kita tahu bagaimana melanggar segala peraturan mesyuarat. Bolehkah ini ditunda supaya kita boleh memenuhi kehendak 53(4) supaya kita ada satu hari notis untuk kemukakan pindaan mengikut peraturan ini. Peraturan ini tidak patutlah diketepikan seperti ini. Ini melanggar peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Pihak saya telah meneliti perkara 53(4) ini dan perkara ini juga adalah menjadi pegangan Parlimen. Saya ingin katakan bahawa perkara 54 telah pun dipenuhi sebelum rang undang-undang ini dibacakan sekarang ini. Kita berpuas hati bahawa perkara 54 ini telah pun dipenuhi, Yang Berhormat. Pindaan ini cuma melibatkan beberapa perkara kecil dan saya pasti bahawa pengumuman semalam bahawa rang undang-undang ini akan disenarai utamakan oleh kerajaan mencukupi untuk Ahli-ahli Parlimen untuk membuat persiapan yang seharusnya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, kalau ini perkara pindaan kecil kenapa perlu untuk disegerakan - ketepikan peraturan mesyuarat, ini penting. Tidak boleh kata

ini pindaan yang kecil dan perkara yang kecil, ini perkara yang sangat penting yang melibatkan maruah negara kita di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana kita akan dikeluarkan daripada kategori *International Coordinating Committee* mengenai *National Human Rights Institution*. Kita akan jatuh pangkat daripada A kepada B seperti negara-negara Afrika yang mencabuli hak-hak asasi. Ini mustahak dan memerlukan perbahasan yang sepenuhnya, bukan sahaja Parlimen tetapi negara kita.

Oleh kerana ada perkara 54 itu, semalam sebelum Dewan yang mulia ini diakhiri kita diberitahu bahawa ada satu pengumuman. Ini seperti, *like a thief in the night – come in the night* to mempercepatkan rang undang-undang ini. Ini *the most dishonest!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat. Saya tidak lagi ingin menambah komen saya terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada 53(4) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Memang benar ada banyak perkara di dalam pindaan yang dicadangkan. Kami berminat untuk memindanya. Bagaimana hendak diberi notis? Kalau di sini dikatakan sekurang-kurangnya satu hari pemberitahuan diberi kepada Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya hendak tanya dulu. Semalam kata telah memenuhi, boleh didahulukan rang undang-undang ini tetapi sebelah sini apabila kami hendak memberitahu notis untuk pindaan... Saya rujuk 53(4). Saya harap Tuan Yang di-Pertua baca dulu 53(4), sekurang-kurangnya satu hari. Jadi, satu peraturan dipatuhi, satu peraturan dilanggar oleh Dewan yang mulia kerana Tuan Yang di-Pertua membenarkan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mana ada langgar!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Membenarkan rang undang-undang ini dinaikkan dengan notis yang begitu singkat. Saya harap teliti semula perkara 53(4), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya telah membaca dan telah juga dibaca oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya berpuas hati bahawa tidak ada pelanggaran yang berlaku. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah... Ini mustahak. Ini bukan main-main, ini hari yang terakhir Dewan yang mulia ini. Kenapa ia betul-betul penting. Bukankah ada rang undang-undang yang lebih penting sama ada Jawatankuasa Etika Hakim atau Suruhanjaya Integriti Agensi yang dijanjikan akan IPCMC, janji terakhir untuk reformasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dia letak jawatan. Reformasi ketiga. Bukankah ini lebih mustahak?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tadi kata rang undang-undang ini penting, kenapa tidak hendak bentang pula. Tadi kata penting.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan. Kenapa tidak penting. Kenapa ini mendahului?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat memang semua rang undang-undang penting, Yang Berhormat, tetapi kerajaan mempunyai...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan. Ini IPCMC lebih penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kerajaan diperuntukkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Legasi Perdana Menteri yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Kuasa untuk mendahului mana-mana rang undang-undang yang difikirkan lebih penting oleh kerajaan. Itu ada dalam peraturan mesyuarat, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Maaf. Tuan Yang di-Pertua, bukannya eksekutif mengawal Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) ini baru diberikan semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

■1020

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh sewenang-wenangnyanya aturan rang undang-undang ditukar dengan notis sebegitu singkat dan sesuka hati pihak eksekutif, itu persoalannya. Kami kesuntukan masa mahu serahkan pindaan kepada cadangan untuk pinda rang undang-undang Suruhanjaya tidak mencukupi masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mendengar pandangan Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini dan bukan setakat pihak eksekutif sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini satu perkara...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang fakta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah ini satu perkara di mana Tuan Yang di-Pertua patutlah menolak permohonan Yang Berhormat Menteri untuk mendahului rang undang-undang ini atas *national interest*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidakkah kerusi kata tidak ada hak *to say no*, tidak, *cannot* kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Tuan Yang di-Pertua terpaksa untuk tunduk kepada permintaan Yang Berhormat Menteri supaya rang undang-undang melanggar peraturan mesyuarat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini satu tuduhan. Dia mana ada tunduk.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dengarlah penjelasan kerajaan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I mean the Speaker can say no to Menteri* oleh sebab Yang Berhormat Speaker...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini memang sudah membuang masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Membuang masa lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tidak sabar pergi UMNO *assembly*, pergilah. Jangan buang masa. .

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kata ini penting. Bagilah bahas sekarang.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Batu Pahat duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Biarlah kita *civil* sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan kata UMNO jaga *assembly*. Tidak berminat, pergi sana.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Bagilah kebebasan sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah di mana...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Tuan Yang di-Pertua patutlah menggunakan kuasa untuk tolak permintaan untuk mendahului rang undang-undang ini, *to say no. I mean sure the Chair has the right to say no* oleh kerana tidak ada sebab yang munasabah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya berpuas hati bahawa kerajaan ada kuasa untuk menentukan. Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah sebab Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua hanya kata berpuas hati tetapi apa alasannya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua tidak mesti terima pembangkang punya pendapat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak dengar sebab saya bagi sebab. Biar saya bagi sebab, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya, semalam pada pukul 10.00 pagi semalam saya telah membaca kali pertama rang undang-undang ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila diam, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beri penjelasan ya. Jadi, semalam saya telah membuat bacaan pertama semalam. Apabila ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua bila akan baca kali kedua? Saya kata pada sesi ini juga, bermakna pada hari inilah. Jadi, kalau sekiranya ada apa-apa pindaan yang hendak dibuat saya kira semalam pun sudah boleh buat. Cuma apa yang berlaku ialah sepatutnya rang undang-undang ini mungkin yang ketiga tetapi saya kedepankan kerana penting oleh kerana pertama untuk memberi ruang kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau kita senaraikan sebagai nombor satu, maka kita ada banyak masa untuk berbahas.

Keduanya Yang Berhormat, saya sebut mengapa didahulukan. Pada tahun 2002 SUHAKAM telah diberikan pengiktirafan sebagai Institusi Kebangsaan Hak Asasi Manusia berstatus A oleh *International Coordinating Committee of National Institution for the Promotion and Protection of Human Rights (ICC)*. Pada tahun 2006, ICC telah memutuskan bahawa negara-negara yang diberikan status A akan dinilai semula. Susulan itu SUHAKAM menyerahkan laporan mengenai kedudukannya kepada ICC pada bulan Disember 2007.

Berdasarkan laporan itu, pihak ICC berpendapat bahawa SUHAKAM tidak menepati Prinsip-prinsip Paris yang disebut oleh Yang Berhormat sepenuhnya atas sebab-sebab berikut.

- (i) peruntukan mengenai proses pelantikan dan pemecatan anggota Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 597 adalah tidak jelas dan telus;
- (ii) keperluan pengetahuan atau pengalaman berhubung hak asasi manusia tidak diletakkan sebagai kriteria bagi pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya;
- (iii) tiada peruntukan dalam Akta 597 berhubung penyertaan organisasi awam dan pihak lain dalam proses pelantikan dan pencalonan anggota Suruhanjaya;
- (iv) tiada jaminan diberikan dalam memegang jawatan sebagai anggota Suruhanjaya berikutan kepada tempoh terhad dua tahun yang telah ditetapkan; dan
- (v) SUHAKAM tidak mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti hak asasi manusia antarabangsa di bawah anjuran Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu.

SUHAKAM telah diberi tempoh sehingga 26 Mac 2009 maknanya besok. Seperti yang ditetapkan oleh ICC untuk mempertahankan tarafnya sebagai Institusi Kebangsaan Hak Asasi Manusia berstatus A. Oleh sebab itulah saya bantangkan bacaan kali pertama semalam. Oleh kerana kita diberikan sehingga esok dan rang undang-undang ini pindaannya dibuat untuk memperbetulkan segala apa yang dimahukan oleh ICC. Sebab itulah saya minta kedepankan supaya kita mempunyai masa untuk berbahas.

Jadi kalau Yang Berhormat berhajat untuk melihat supaya kita punya SUHAKAM berada dalam status A, bantulah negara untuk kita meluluskan rang undang-undang ini supaya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No choice.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia bukan *last minute* sebab masalahnya kita bersidang sesi pertama ini. Kita dipenuhi dengan perkara-perkara seperti perbekalan tambahan yang telah dibelanjakan, mini bajet dan kita...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Termasuk bergaduh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...tambah tiga hari. Kita cuma ada tiga hari sahaja. Jadi sebab itu saya cadangkan untuk ke depan supaya kita dapat bahas dengan penuh pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya bercadang untuk...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila dapat notis daripada ICC?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...bahawa saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada pertanyaan dalam peringkat ini, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, bila dapat notis daripada ICC? Baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Macam mana ada dua itu? Satu-satulah, satu-satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh dibahas nanti, Yang Berhormat. Perkara ini boleh dibawa dalam perbahasan nanti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 2008.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 28?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 2008.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Oh! Banyak masa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tahun dahulu dapat notis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi kita hendak pinda perkara-perkara yang disuruh oleh ICC yang saya percaya apa yang ICC...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Speaker, Dewan ini macam sarkas. Semua orang berdiri, apa macam?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini macam mahkamah, bukan sarkas.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Kalau satu orang berdiri, satulah, jangan semua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

10.27 pg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bahawa rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 untuk menjadikan proses pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia lebih telus.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 5 Akta 597 dicadangkan untuk dipinda dalam Fasal 2 rang undang-undang. Dengan pindaan yang dicadangkan, Perdana Menteri dikehendaki untuk berunding dengan jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 11A sebagaimana yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini sebelum memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan dalam fasal 2 juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa anggota suruhanjaya mestilah lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum dan mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara yang berhubungan dengan hak asasi manusia. Sebagai tambahan, anggota akan memegang jawatan selama tiga tahun berbanding dengan dua tahun pada masa ini. Pindaan yang dicadangkan ini turut bertujuan untuk membolehkan Perdana Menteri untuk menentukan mekanisme yang sesuai untuk menilai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Prestasi anggota yang mesti diambil kira dalam pelantikan semula di bawah subseksyen 5(4) dan proses pemecatan di bawah seksyen 10, Akta 597.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa yang akan dirunding oleh Perdana Menteri berhubung dengan pelantikan anggota suruhanjaya sebagaimana yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi Suruhanjaya dan tiga orang anggota lain daripada kalangan orang yang terkemuka yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Orang terkemuka itu bolehlah termasuk bekas hakim dan bekas anggota Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, tiada orang yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan

mana-mana parti politik yang sedang atau pernah menjadi Pegawai Penguat kuasa boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Anggota jawatankuasa hendaklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...mengikut apa-apa tempoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sedang membacakan usul rang undang-undang. Tidak boleh, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya. Pindaan dalam fasal 3 turut mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pendapat, pandangan atau syor jawatankuasa apabila dirunding oleh Perdana Menteri tidak mengikat...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Menyampuk]*

■ 1030

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, Yang Berhormat. Tidak boleh.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fasal 4, bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sedang membacakan rang undang-undang, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Peralihan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan mesyuarat diberi keutamaan. Peraturan mesyuarat diberi keutamaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kepong, duduklah, Yang Berhormat Kepong. Duduk, Yang Berhormat Kepong. Jangan kacau Yang Berhormat Menteri sedang baca. Bahas nantilah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Anggota suruhanjaya yang telah dilantik atau dilantik semula sebelum permulaan penguatkuasaan pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini boleh terus memegang jawatan bagi baki tempoh perkhidmatannya. Bagi maksud pelantikan semula anggota suruhanjaya yang sedang berkhidmat pada masa permulaan kuat kuasa pindaan, layak untuk dilantik semula jika dia tidak pernah dilantik semula sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 597 akan memberikan kesan positif kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam pelantikan anggota suruhanjaya. Dengan

pelantikan anggota suruhanjaya yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hak asasi manusia, maka usaha kerajaan... [Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Peraturan mesyuarat. Saya pun ada peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas ini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat yang dia kata Yang Berhormat Menteri tidak boleh berhenti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...[Disampuk] Supaya dapat menambah baik...[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sedang membaca, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak, tak ada, peraturan mesyuarat!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...[Disampuk] ...Supaya ia menjadi sebuah [Disampuk] ...Yang bebas [Disampuk] ...Hak asasi manusia. Malah...[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan layan Yang Berhormat selepas Yang Berhormat Menteri membaca.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat, Peraturan Mesyuarat 37... [Mengetuk-mengetuk pembesar suara] [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini semua mengganggu.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Ipoh Timur, belajarlah ikut peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana boleh!.. [Dewan riuh] Kita kata bahawa Yang Berhormat Menteri ada kekebalan daripada peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Hak asasi manusia, negara amnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan... [Disampuk]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ini bukan soal kekebalan tapi peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan 37. *No member* selain daripada tidak kata bahawa Yang Berhormat Menteri dikecualikan daripada peraturan mesyuarat. Ini adalah *distortion of* peraturan mesyuarat... [Yang Berhormat Kepong bangun memegang buku peraturan mesyuarat Dewan Rakyat] Yang Berhormat Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur, jadi Speaker kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. Saya akan panggil Yang Berhormat berbahas nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ha, cakaplah.

Beberapa Ahli: Cakaplah, cakaplah. Cakaplah. Ha, cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak berucap?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Batu Pahat, bahas...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat yang mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Peraturan 37(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 27(1)...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Peraturan 37(1), Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan hal ini kerana ini tidak lengkap. Saya nampak itu tidak ada fasal sebab kita memerlukan sedikit masa. Keempat-empat fasal ini tidak mengandungi apa saja untuk mempertingkatkan prestasi suruhanjaya termasuk pengerusi, anggota-anggotanya, berapa mesyuarat yang diadakan dan apakah yang dibincangkan dan sebagainya. Itu masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang ini hendak bahaskah atau peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini bahaskah apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada. Kalau patut ada fasal 5... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Untuk memastikan anggota dan pengerusi suruhanjaya benar-benar bekerja kuat untuk mendapatkan hak asasi... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Cuma ICC saja yang disebutkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Batu Pahat untuk berbahas.

10.33 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyentuh perkara seksyen baru 11(a) ini iaitu Perkara 11(a)(iv). Ini yang saya rasa sebenarnya Yang Berhormat Kepong tidak baca pun. Dia kata tidak ada pembaharuan dan tidak ada peningkatan sedangkan (iv) ini adalah penting iaitu "*Seseorang yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa di bawah perenggan 1(c) iaitu orang yang tidak terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik.*" Bagi saya ini adalah cukup penting untuk memastikan bahawa SUHAKAM ini memang satu suruhanjaya yang bebas yang akan menjamin bahawa hak asasi manusia di negara kita ini khususnya dapat dipertingkatkan dan integritinya dipertingkatkan.

Saya ingin mengulas perkara ini kerana memang betul bahawa suruhanjaya ini mesti dianggotai oleh orang yang tidak mendaftar pada mana-mana parti politik. Namun, yang ingin saya bangkitkan dan persoalkan di sini ialah jika anggota ini mempunyai pandangan politiknya sendiri yang memihak, yang berbentuk partisan ataupun dia memihak walaupun dia bukan anggota kepada mana-mana parti politik, apakah orang ini juga tidak layak untuk duduk di dalam suruhanjaya ini ataupun dilantik untuk berada dalam anggota suruhanjaya ini. Ini kerana sekiranya orang yang ada penglibatan dalam politik ataupun terlibat pada mana-mana parti politik yang berdaftar tidak dibenarkan tetapi ada pula yang tidak menjadi anggota parti politik tapi dia mempunyai sikap yang memihak.

Contohnya yang kita lihat seperti *Bar Council*. Dia kata dia adalah bukan parti politik dan dia tidak berdaftar sebagai parti politik dan dia bukan ahli politik. Akan tetapi tindak tanduknya menunjukkan bahawa dia sebenarnya memihak dan dia tidak bebas. Oleh sebab itu, bagaimana kita hendak memantau perkara seperti ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur kata bahawa...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sekejap ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Sekejap saja.

Kalau kita lihat yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, ternyata bahawa yang menjadi masalah di negara sekarang ini hanyalah persepsi. Persepsi bahawa tidak ada hak asasi manusia di negara kita. Ini persepsi yang cuba diwujudkan oleh pembangkang. Sebab itu saya hairan apabila Yang Berhormat Ipoh Timur cuba menghalang rang undang-undang ini untuk dibaca dan dibahaskan. Di peringkat awal dia kata penting. Kemudian dia kata kurang penting berbanding yang lain. Ini cuma sebenarnya untuk menunjukkan satu persepsi buruk dan inilah perangai...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.* Ini ialah memutar belitkan...

- Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Pakatan pembangkang.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order. Point of Order 36(12).*
- Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya tidak bagi peluang... *[Dewan riuh]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order, point of order!*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat, *point of order.*
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*
- Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Menyampuk]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order. Point of order.* Tidak ada lagi kekebalan. Yang Berhormat Batu Pahat *immune, immune, semua immune! Arrogant of power! Gila! ...Semua gila kuasa!*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat, *point of order. Point of order, point of order.* Sila duduk, ya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya tidak pernah mahu menghalang perbahasan tetapi kata bahawa perlulah notis yang cukup diberi mengikut peraturan mesyuarat. Sebab itu tiada seorang Ahli Parlimen saya percaya, yang ada masa untuk baca dan kaji perkara ini. Saya tahu bahawa semua Ahli-ahli Parlimen UMNO sekarang semua gila mengenai *UMNO General Assembly, election...*
- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Hei, tarik balik yang itu. Tarik balik!
- Seorang Ahli:** Itu tuduhan!... *[Dewan riuh]*
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*
- Dato' Ismail Kasim [Arau]:** *[Bangun]*
- Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*
- Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*
- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** *[Bangun]*
- Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** *[Bangun]*
- Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *[Bangun]*
- Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** *[Bangun] [Dewan riuh]*
- Seorang Ahli:** Jangan main-mainlah!
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini semua untuk dapat undilah... *[Disampuk]*
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan main-mainlah. Jangan hina UMNOlah.
- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** *[Menyampuk]*
- Seorang Ahli:** Jangan Hina UMNOlah!
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Gila kuasa! Gila kuasa sehingga peraturan mesyuarat diketepikan... *[Disampuk][Dewan riuh]* Saya tidak menghalang! Saya tidak

menghalang perbahasan... *[Disampuk]* Saya tidak membuang masa untuk Ahli Parlimen membaca ini dan melanggar hak asasi semua tanpa notis yang... *[Disampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bodoh! Mahu mati sudahlah!... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekejap, Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini semua konco-konco.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timur mengemukakan Peraturan Mesyuarat 36(12)... *[Disampuk]* Saya berpendapat bahawa 36(12), perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat tidak ada kena mengena dengan hak dan kebebasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Peraturan Mesyuarat...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Perkataan “*bastard*” dan “anjing” digunakan oleh... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Awak semua lagi kasarlah. Lagi biadab!.. *[Dewan riuh]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong. Sebentar, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Duduk dulu, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Duduk, Yang Berhormat! Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini bukan pandangan manusia... *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* mencetuskan kemarahan orang tahu? *You* cetus kemarahan orang, *you* menghina orang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Liar punya orang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tidak pernah menghina *you*. Jangan menghina oranglah!... *[Disampuk]* *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Jangan... Yang Berhormat, Yang Berhormat. Jangan sebut macam itu, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Dewan riuh]* Tahun 1969 berlaku Pertumpahan darah kerana penghinaan yang dibuat. Penghinaan sebeginilah yang mencetuskan huru-hara kepada negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dengar. Okey, diam Yang Berhormat! Yang Berhormat Bukit Mertajam, jangan sebut, Yang Berhormat Tanjong, jangan sebut Tuan Yang di-Pertua macam itu. Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti tahu keadaannya tadi bermula apa, Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan, “UMNO gila”...

■1040

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: “Gila kuasa”!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: “Gila kuasa”, Tuan Yang di-Pertua boleh buat *ruling...* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh cakap, tak boleh sebut macam itu Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat tidak mengizinkan perkataan-perkataan yang boleh mengganggu, menyakitkan hati Ahli yang lain... *[Dewan riuh]* Dalam Dewan ini ada orang UMNO, ada orang yang sakit hati.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur mengeluarkan perkataan kesat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... Melahirkan perasaan dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan cakap sembarangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat, tak boleh Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu digunakan untuk *mitigation but it's not an offense...* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai orang UMNO dalam Dewan Yang Berhormat, ramai orang sakit hati, boleh sakit hati... *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu ...

Seri Panglima Haji Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Apa ini liar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup-cukup Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan main-main!

- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa?
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *You* nak apa?
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini anjing, anjing!
- Seorang Ahli:** *[Membuat bunyi seperti anjing menyalak]*
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Don't try, don't try...* *[Dewan riuh]*
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan cakap, jangan cakap. Tuan Yang di-Pertua, kita punya kesabaran ada batas, kita tak pernah nak menghina orang... *[Dewan riuh]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta Yang Berhormat duduk, duduklah Yang Berhormat!
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat!
- Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Peraturan mesyuarat.
- Seorang Ahli:** Betul, betul, betul, betul!
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kalabakan.
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Lepas itu saya ya.
- Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Ipoh Timur menghina UMNO. Jadi perkataan “gila” mesti minta maaf dan tarik balik.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** “Gila kuasa!” Saya tidak kata “gila”.
- Beberapa Ahli:** *You* tak cakap “gila kuasa”, *you* kata “gila”!
- Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Tadi dia tak sebut “gila kuasa”!... *[Dewan riuh]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.
- Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur tarik balik perkataan “gila”.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa ini minta maaf pula, tak ada fasal nak minta maaf!
- Seorang Ahli:** *So* “gila kuasa” tak apa ya?
- Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tarik balik!
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.
- Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Minta maaf dan tarik balik perkataan “gila”, “UMNO gila”!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: “Gila kuasa” pun tak boleh Tuan Yang di-Pertua?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mabuk kuasa!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di bawah peraturan yang mana?

Dato’ Haji Lilah Yasin [Jempol]: Mabuk macam Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduk Yang Berhormat. Selepas peraturan mesyuarat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita sabar, kita sabar tetapi kesabaran kita pun ada batas-batas... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun tidak boleh menahan kesabaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun ada maruah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kalabakan sila duduk Yang Berhormat. Saya dah dengar peraturan mesyuarat yang bawa tadi. Saya setuju bahawa Yang Berhormat Ipoh Timur harus tarik balik dan saya juga memutuskan bahawa perkataan biadab dan sebagainya oleh semua Ahli.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tarik, saya tarik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh kata, saya boleh tahu di bawah peraturan mesyuarat mana saya ada melanggari?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan loyar buruk, jangan nak berdalihlah, *you* tarik balik sudahlah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Gila kuasalah, cakap begitulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh Yang Berhormat, tarik baliklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tarik balik, tarik balik!

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Dia tak sebut “gila kuasa”, dia sebut ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP tak gila kuasa kah? DAP tak gila kuasa kah?... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh sebab UMNO gila kuasa... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Kurang ajarnya Yang Berhormat Ipoh Timur ni.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP pun lagi gila kuasa, *you* tak sedar diri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam pilihan raya yang lalu, ada berlaku *political tsunami*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* tak sedar diri, DAP lagi gila kuasa!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Gila kuasa. Kita mahu tahu Ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan ... [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tariklah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Anjing, dan anjing, dan *bastard*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* tarik dulu, baru kita boleh tarik balik... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: *You* tarik balik dulu, tarik balik dulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sila duduk Yang Berhormat... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Ipoh Timur, perkara 36(9)c, perkataan-perkataan yang harus membangkitkan perasaan sakit hati, bermusuhan-musuhan antara satu kaum dengan kaum yang lain, melanggar mana-mana Peraturan Perlembagaan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini parti, ini bukan kaum!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa ini, salah peraturanlah... [*Ketawa*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Salah peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu sama-sama ikut. '*Out of order to use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation or infringe any provisions of the Constitution or the Sedition Act*'. Mana itu, mana saya ada langgar? Kalau satu parti tidak ada gila kuasa, mana boleh hilang majoriti 2/3 di sini, mana boleh hilang kuasa dalam lima negeri, ini adalah bukti gila kuasa dan teruskan gila kuasa... [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*][*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, 36(4), Yang Berhormat Ipoh Timur mengeluarkan perkataan yang kesat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana satu?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Dalam sini 36(4).

Seorang Ahli: Kurang sopan, kurang sopan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, diamlah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini semua ajaran sesat...
[Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36(4), *'it shall be out of order for Members of the House to use offensive language'*. *Bastard, anjing, tak offensive? Bastard, anjing tak offensive?* Gila kuasa *is a matter of fact, perception...* [Dewan riuh]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: 36(10)c... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, peraturan mesyuarat mengatakan bahawa tidak boleh menyakiti hati yang lain Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, 36(10)c.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Yang menyakitkan hati 36(10)c.

Seorang Ahli: Itu tidak betul, itu perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua seorang ahli UMNO, dan kalau mahu mengadili perkara ini, mestilah Tuan Yang di-Pertua kosongkan Kerusi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya mahu berlaku adil kepada Yang Berhormat, sebab itu saya minta Yang Berhormat Kinabatangan juga menarik balik perkataan "biadab."

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... Anjing, *bastard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, berlaku adil Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ipoh Timur mesti tarik dulu, Yang Berhormat Ipoh Timur tarik dulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Unforgivable ...*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Timur mesti tarik dulu, tarik dulu!

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Ipoh Timur tarik dulu, tarik dulu!.. [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Tak boleh maafkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya ini tak boleh dimaafkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak mahu..., jangan berdegil Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ... Dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lanjutan daripada perkataan, “UMNO gila” dan “gila kuasa” telah membuat provokasi yang menyebabkan keadaan sehingga sekarang ini Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur menarik balik perkataan itu dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Kinabatangan menarik perkataan “biadab.”...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan degil Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak terlibat dalam perkara ini. Saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mengikut arahan tetapi saya mahu tahu di bawah peraturan mana saya melanggar peraturan mesyuarat? Tidak boleh oleh sebab ada orang yang terlalu sensitif, oleh sebab apa yang saya kata itu benar bahawa, “UMNO gila kuasa”, barulah menggunakan..., majoriti, mana boleh? MCA semua itu ketawa, mereka setuju....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Dia tadi sebut, UMNO ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkataan mula-mula bukan “gila kuasa”, perkataan mula-mula *you* tuduh “UMNO gila”...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: UMNO *big bully*, gila kuasa, itu betul... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan berdegil Yang Berhormat Ipoh Timur, saya minta Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan, “biadab” itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau betul saya rela ... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ipoh Timur tarik dulu, baru Yang Berhormat Kinabatangan tarik... [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tarik balik Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tarik baliklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana ada itu... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan, “UMNO gila”.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak kata “UMNO gila”, saya kata “UMNO gila kuasa”.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita dengar, Yang Berhormat Ipoh Timur bohong. [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak kata “UMNO gila”, saya kata “UMNO gila kuasa” dan apa berlaku sekarang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah bohong, bohong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Raja bohong!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkataan mula-mula dia kata “UMNO gila”.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang sangat jelas ialah ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau dia kata “UMNO gila kuasa” okey, kita pun... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur jangan berdegil.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP juga gila kuasa.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Gila kuasa tak apa, gila...

Seorang Ahli: Betul-betul, UMNO gila kuasa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang mereka ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: PAS jangan campurlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Betul apa Yang Berhormat Sri Gading. Memang betul apa, UMNO gila kuasa.... [*Ketawa*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di mana, di mana, peraturan mana?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Sri Gading kata okey, gila kuasa tak apa... [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Peraturan mana? Tak boleh, oleh sebab mereka tidak ada majoriti nak buat begitu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Can you kill, can you kill because you are provoked?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *the Malaysian Parliament is the laughing stock.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya juga menyuruh mereka menarik perkataan, “biadab” Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa nak tarik, Yang Berhormat Kinabatangan sudah tarik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka mesti tarik balik dulu perkataan biadab itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Gila kuasa bukan terhadap seseorang, mengenai ...

Seorang Ahli: Bising, bising!

■1050

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu memang melanggar peraturan dan itu sangat jelas. Itu mesti dihukum dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan berdegil-degil Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tuan Speaker...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada Ahli Parlimen patut...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Biadap *to the highest degree*. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Cannot*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Ipoh Timur tarik dahulu baru Kinabatangan tarik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara ini akan selesai Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *It is not unparliamentary language*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ianya *fall into* perkataan yang tidak sopan. Ia mengeluarkan sangkaan yang jahat kepada Ahli yang lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: UMNO gila kuasa dalam...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak sebut gila kuasa, gilalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam DAP adalah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudahlah! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat tarik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Perkataan yang kesat itu mesti ditarik balik dahulu.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Siapa cakap dahulu dia tarik dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dari mana. 36 mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 36(6). Sangkaan jahat terhadap ahli yang lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada sangkaan jahat kepada UMNO.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Parti, parti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Parti bukan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai ahli UMNO dalam Dewan Yang Berhormat. Ramai ahli UMNO.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ipoh Timur. Faham..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kena baca Hansard serangan terhadap DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkataan itu telah menyebabkan provokasi sehingga sekarang ini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You see. You* nampak tidak. Akibat dari perkataan itu kita berbalah sehingga sepuluh dua puluh minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, oleh kerana ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak bertanggung jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maknanya ada ahli yang terasa dan sakit hati disebabkan oleh sangkaan demikian.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ipoh Timur. Tarik balik.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan. Penjelasan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebagai ahli yang lama dalam Dewan ini Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Shah Alam campur kenapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak mahu mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat tetapi kalau kelakuan degil seperti ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana itu sebenarnya. Mana kesalahan melanggar peraturan mesyuarat. Kalau melanggar peraturan mesyuarat saya hendak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat telah melakukan kesalahan lagi kerana berdegil-degil dengan arahan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Halau keluar.

Seorang Ahli: Arahan Tuan Yang di-Pertua suruh keluar sahaja.

Seorang Ahli: 43.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi dia rehatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah. Kerana berdegil saya tidak ada cara yang lain, tetapi mengeluarkan Yang Berhormat dari Dewan sehingga tengah hari ini. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini satu...*[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Bentara. Sehingga jam satu tengah hari ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan. Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "biadap".

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak mahu tarik balik Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat tarik balik Yang Berhormat perkataan “biadap”.

Yang Berhormat Kinabatangan. Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan “biadap”.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau saya ada berkata, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tarik balik Yang Berhormat. Tarik balik. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau saya ada cakap saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Memang pun Yang Berhormat ada bercakap Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tarik, tariklah. Apa mahu susah-susah. Bukan mahu berdegil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur untuk tinggalkan Mesyuarat sehingga jam satu tengah hari.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semalam saya tidak tidur buat persiapan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: UMNO gila kuasa! UMNO gila kuasa! *[Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) keluar meninggalkan Dewan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cepatlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Pahat. Sila teruskan. *[Dewan riuh]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya meneruskan. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang berani menghalau Yang Berhormat Ipoh Timur ini. *[Tepuk]* Mengaku Ahli Parlimen veteran yang berpengalaman, yang mahukan kepada *world class Parliament*, tetapi menunjukkan perangai dan sikap yang rendah, yang tidak bermaruah sebenarnya. *[Sorak]*

Macam budak-budak sekolah. Inilah bukti bahawa DAP gila kuasa sebenarnya, sebab itu DAP sanggup mengadakan mesyuarat di bawah pokok. Itulah gila kuasa. Memalukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan saya, iaitu saya memang bersetuju bahawa kita memang sebenarnya mempunyai kesungguhan dan komitmen untuk memastikan bahawa hak asasi manusia kita dipertingkatkan. Inilah yang sebenarnya Ahli-ahli Parlimen yang bertaraf rendah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Batu Pahat. Bagi saya laluan. DAP gila, gila kuasa.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mengaku untuk memperjuangkan demokrasi tetapi perangai seperti Ahli Parlimen yang tidak ada pelajaran. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: UMNO gila kuasa!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Keluar, keluarlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta penjelasan. *Point of order* lagi Yang Berhormat. Yang ke berapa Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mana ada lagi peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya tidak tahu nombor berapa, tetapi yang jelas Yang Berhormat Batu Pahat..

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak ada, tidak payah. Duduk. Tidak ada. Sudah tidak ingat. Tidak ingat. Parti Keadilan Rakyat pun gila kuasa juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Ha, keluar, keluarlah. *Bye, bye!*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua. Nampak gaya yang baik pada hari ini Parti Islam. Tahniahlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: PAS pun ikutkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Batu Pahat. Saya minta ahli yang lain duduk dan diam ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini amat penting sebenarnya sebab saya tahu, bahawa kerajaan mempunyai kesungguhan untuk memastikan bahawa hak asasi manusia khususnya di negara kita ini terpelihara. Itulah sebabnya kita mengamalkan satu sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kerana kita tahu dalam sistem demokrasi ini dalam suasana politik sekarang ini, bahawa kita melihat yang nyata sekarang ini ialah sistem yang kita amalkan ini sebenarnya membuktikan hak asasi manusia dan sistem demokrasi dapat dilaksanakan dengan baik melalui Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

■1100

Kita tahu bahawa akhir-akhir ini apa yang berlaku khususnya di negeri Perak dan sebelumnya di beberapa negeri lain membuktikan bahawa raja mempunyai peranan yang cukup penting iaitu untuk mengimbangi dan memberikan pelepasan terhadap konflik yang berlaku

apabila kita mentafsir Perlembagaan Persekutuan kita. Sebab itulah dalam keadaan seperti ini kita melihat bahawa Raja-Raja kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam menentukan konflik politik yang ada berlaku di negara kita. Ini membuktikan bahawa sebenarnya tuduhan yang mengatakan bahawa demokrasi mati di negara kita ini tidak benar kerana apa yang berlaku ialah kita ingin mendaulatkan Perlembagaan Persekutuan kita.

Sebab itulah Raja memainkan peranan dan sebab itulah apabila ada pihak yang mempertikaikan peranan Raja ini, maka sebab itu kita melihat kita terpaksa bertindak. Antaranya ialah menarik balik permit akhbar seperti *Suara Keadilan* dan juga *Harakah* yang cuba mempertikaikan dan menghasut perkara-perkara yang boleh sebenarnya mengganggu pelaksanaan hak asasi manusia di negara kita ini dan inilah yang mengatakan bahawa sebenarnya tidak benar bahawa hak asasi manusia di negara kita ini semakin terhakis, semakin terhapus sebenarnya. Oleh kerana itulah saya fikir bahawa apa yang kita laksanakan ini adalah cukup penting kerana kebebasan tidak bermakna kita boleh menyatakan apa sahaja, membangkitkan apa juga perkara-perkara yang boleh sebenarnya mengancam keselamatan kita.

Kalau kita katakan sebagai contohnya kebebasan akhbar. Kebebasan akhbar tidak bermakna jika sekiranya kita memberikan kebebasan seluas-luasnya permit sesuka hati tetapi mereka sendiri tidak bebas daripada segi mengeluarkan pandangan dan mereka sendiri tidak mampu daripada segi mengartikulasikan pandangan-pandangan tersebut sehingga membangkitkan perkara-perkara yang boleh mencemarkan sistem demokrasi dan Raja Berperlembagaan di negara kita. Oleh kerana itu bagi saya peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di negara kita ini adalah amat penting. Bukan sahaja sebenarnya memastikan bahawa sistem demokrasi di negara kita ini dapat dilaksanakan dengan baik tetapi juga menegur media-media yang sebenarnya sering membangkitkan perkara-perkara yang boleh mengancam keharmonian perpaduan kaum di negara kita khususnya tindakan beberapa media yang digantung selama tiga bulan tadi yang membangkitkan perkara-perkara yang boleh mencemarkan sistem demokrasi dan Raja Berperlembagaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah apa yang berlaku di negara kita sekarang ini ialah lebih kepada persepsi yang cuba dibangkitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Persepsi inilah sebenarnya bagi saya cukup penting diberikan perhatian oleh pihak SUHAKAM ini iaitu bahawa menegur kepada mana-mana pihak yang mengatakan bahawa hak asasi manusia di negara kita ini sudah semakin menurun sedangkan sebenarnya ini adalah perbuatan mereka sendiri yang membangkitkan perkara-perkara yang tidak berasas, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Mikrofon tidak ada, minta penjelasan boleh? Suara saja boleh? Tak masuk dalam Hansard pun tak apa. Boleh dengar? Boleh? Mikrofon tidak ada, suara boleh dengar?

Beberapa Ahli: Tak dengar, tak dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pakai mikrofon sebelah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Saya ingin memohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Tak apa, saya tumpang mikrofon sebelah. Mengenai hak asasi manusia, Yang Berhormat Batu Pahat, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Pahat, saya bersetuju bahawa kepentingan SUHAKAM mempertahankan atau memastikan hak asasi manusia ini diamalkan tetapi penjelasan yang saya mohon daripada Yang Berhormat Batu Pahat ialah sejauh mana sehingga hari ini semenjak penubuhan SUHAKAM, rekomendasi-rekomendasi cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM telah diguna pakai oleh kerajaan. Sama ada itu dalam pengetahuan Yang Berhormat Batu Pahat, kalau tidak tahu pun kata tak tahu, kalau tahu pun tolong jelaskan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Balik Pulau. Yang itu saya serah kerajaan untuk jawablah ya tetapi apa yang ingin saya perkatakan di sini bahawa kewujudan suruhanjaya ini adalah cukup penting kerana ini pun yang dituntut oleh kita selama ini dan apa yang kita lakukan pada hari ini ialah penambahbaikan terhadap akta yang sedia ada. Sebab itulah saya menyokong perkara yang saya bangkitkan tadi 11(C) Perkara 4 ini iaitu bahawa kita tidak mahu orang politik ataupun yang menganggotai mana-mana parti politik menjadi anggota yang dilantik dalam suruhanjaya ini.

Cuma yang saya bangkitkan tadi ialah bagaimana sekiranya orang yang dilantik itu walaupun dia bukan ahli parti politik tapi dia mempunyai pandangan politik yang memihak. Yang ini kita tidak mahu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Sikit boleh?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang ini yang kita kata bahawa kita kena pastikan ianya tidak berlaku dan saya mengambil contoh tentang Bar Council. Bar Council kata dia badan bebas tetapi tindakan dia amat mendukacitakan dan contoh yang paling jelas ialah mereka mengadakan pelbagai forum. Antaranya forum mengenai dengan IFC, forum mengenai dengan isu murtad, forum mengenai dengan *Social Contract* dan yang terbaru mereka mengadakan kajian sikap mengenai dengan penggunaan perkataan "Allah".

Ini bagi saya sebenarnya amat membimbangkan. Sebab itulah kita kalau mahu supaya integriti daripada segi pelaksanaan sistem demokrasi dan hak asasi manusia berjalan dengan baik, maka kita kena pastikan bahawa dalam soal kita meminda ini maka kita kena pantau supaya orang yang duduk di sini adalah orang yang berintegriti, berwibawa dan memang bebas sebab memang kita mahu perkara-perkara ini. Sebab itulah saya tidak mahu maksudnya kita ini bila menyebut soal hak asasi manusia ini, kadang-kadang kita mengikut nafsu kita, suka hati kita iaitu kita tidak berasaskan kepada suasana politik negara kita. Sebab itu saya ingin beri jaminan

kepada Yang Berhormat Balik Pulau, kalaulah saya ini pun ahli pembangkang, saya tetap akan menyokong ISA sebab saya melihat ISA itu daripada segi kepentingan ramai, *masalah amah, masalah umum*. Kepentingan umum, kepentingan ramai. Saya tidak melihat daripada sudut saya dalam parti pemerintah sekarang ini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Penjelasan sikit boleh? Penjelasan sikit saja sebab yang dikatakan oleh Menteri tadi satu sebab akta ini diperbahaskan sebab ada tuntutan daripada ICCPR, *International Covenant on Civil Political Right*. Persoalan saya, kalau yang dipertahankan ISA, saya khuatir impian Yang Berhormat Batu Pahat itu tidak tercapai kerana ICCPR saya rasa boleh didebatkan tetapi saya berpendapat tidak mempertahankan tahanan tanpa bicara, itu satu. Seterusnya mohon penjelasan bahawa saya rasa di Malaysia ini mungkin Yang Berhormat Batu Pahat sebagai seorang pendidik, adakah pelajaran Hak Asasi Manusia ada sedangkan pengamatan saya, tidak ada walaupun di pusat-pusat universiti, walaupun di fakulti undang-undang.

Jadi saya mohon, bagaimana perkara ini dapat dikembangkan kerana yang dikatakan tadi tidak mahu dipolitikkan. Ya, saya bersetuju supaya hak asasi manusia biar hak asasi manusia yang betul, jangan berbau politik tetapi bagaimana dia nak dicapai? Mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagi saya bahawa yang penting di sini bukan sahaja tentang soal *political will* untuk kita mencapai sesuatu matlamat itu tetapi soal kejujuran politik juga penting. Maksudnya bukan setakat kesungguhan politik, *political will* dengan izin Tuan Yang di-Pertua tetapi ialah kejujuran politik tetapi yang menjadi masalah kepada kita sekarang ini ialah kita ada *political will*, kita menuntut supaya negara kita menjadi lebih demokratik dan sebagainya tetapi daripada segi kejujuran politik itulah yang tidak disertakan bersama dengan *political will* kita itu.

Baik di dalam parti kita sendiri. Jangan sebutlah tentang parti orang lain. Ha ini yang saya kata tadi bahawa bila menuduh parti orang lain gila kuasa tapi kita tidak ada kejujuran politik melihat kepada parti kita sendiri iaitu apakah kita ini tidak gila kuasa sampai kita telefon orang, kejar orang sampai ke Taiwan dan sebagainya untuk pujuk untuk masuk kepada Pakatan Pembangkang kita. Ini mana kejujuran politiknya sehingga kita cuba mewujudkan satu persepsi walaupun Yang Berhormat Puchong itu dah digantung setahun, kita bangkitkan lagi juga perkara yang kita tahu tidak berasas sehingga Yang Berhormat Puchong pun dah digantung setahun tapi bangkitkan juga. Mana kejujuran politiknya?

Sebab itu saya kata bahawa di mana hak asasinya jika kita sekiranya membangkitkan perkara menggunakan kekebalan dalam Parlimen ini untuk membangkitkan perkara-perkara yang tidak ada asas, tidak ada bukti, hanya kepada persepsi, hanya kepada tujuan fitnah yang kita kata bahawa kita ini memperjuangkan hak asasi manusia.

■1110

Ini yang saya kata tidak ada kejujuran politik sebenarnya. Dia tahu dia cakap perkara tersebut dia hendak pertahankan juga sehingga terpaksa dikeluarkan, kenapa? Tidak ada kejujuran politik. Ini yang menjadi masalah sebab itulah saya tidak hairan apa pun yang kita hendak cakap dalam Dewan ini sebab kita boleh mengukur di mana kejujuran politik mereka ini sebenarnya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas, okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan tidak ada bukti dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi Yang Berhormat Puchong tidak diberi peluang untuk menjawab itulah masalah kita. Sama ada bukti atau tidak sekurang-kurangnya beliau diberi peluang untuk menjawab dakwaan terhadap beliau. Itulah yang kita minta. Kalau memang tidak ada bukti baru pada masa itu kita boleh katakan Yang Berhormat Puchong tidak ada bukti dan kita boleh hukum beliau. Oleh sebab itu bagi kita hak asasi ini ialah seseorang itu mesti diberi peluang untuk menjelaskan diri atau membela diri. Itu sahaja yang kita minta.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas sebenarnya Yang Berhormat Puchong ini sudah tiga kali dikenakan tindakan atas isu yang sama. Kita juga minta pada dia kalau berani untuk keadilan hak asasi manusia buatlah pertuduhan di luar Parlimen. Jangan gunakan imuniti di Parlimen. Akan tetapi kenapa tidak berani? Kenapa tidak berani tuduh di luar supaya kalau berani kita pergi ke mahkamah. Mahkamah boleh menentukan. Samalah macam di Perak. Kita maksudnya di Terengganu, di Perlis...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya mohon...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bila Sultan buat keputusan kita tidak lawan di mahkamah itu hak kuasa budi bicara Sultan. Akan tetapi kalau di Perak itu kita macam-macam hendak saman dan sebagainya. Akhirnya baru hendak pergi mahkamah. Ini saya kata bahawa kadang-kadang kita *double standard* sebenarnya...

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey saya mendengar hujahan daripada rakan bijaksana saya tadi mengenai hak asasi manusia. Akan tetapi minta maaf ya Yang Berhormat Batu Pahat sebab saya tidak menampakkan banyak elemen hak asasi manusia tadi itu malah kontradiksinya banyak. Mengapa saya cakap begitu? Ini kerana dikatakan tadi mengenai Yang Berhormat Puchong tadi itu kerana saya tahu secara prinsip asas melainkan Yang Berhormat Batu Pahat kata ini bukan prinsip hak untuk membela diri *dual process to fundamental rights* hak asasi manusia.

Seterusnya dalam hujahan Yang Berhormat Batu Pahat seolah-olah Yang Berhormat Batu Pahat menggambarkan bahawa ruang di dalam Dewan ini Parlimen yang ada sekarang ini tidak cukup untuk seseorang itu membela hak asasi manusia. Ini kerana kita ada Jawatankuasa Hak Asasi *privilege* kebebasan dan keistimewaan. Jadi saya ingin memohon penjelasan bagaimana suatu hak asasi seorang Ahli Parlimen dipertahankan di dalam Dewan ini?. Ini kerana semua seperti yang dicadangkan semua kalau tidak boleh sini kita pergi ucap di luar supaya boleh pergi ke mahkamah.

Seolah-olah nampak macam mahkamah kita boleh perjuang hak asasi manusia, di sini kurang. Saya mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya rasa tidak timbul soal hak asasi dia tidak diberi layanan pada hari tersebut. Ini kerana kita tahu dia membangkitkan perkara yang sebenarnya membangkitkan unsur fitnah dan juga sebenarnya tidak memberikan hak asasi kepada orang lain yang cukup jelas jawapan sudah pun diberikan. Bagi saya, saya tahu bahawa sebenarnya apa yang hendak dijawab oleh Yang Berhormat Puchong bukan apa cuma hendak memanjang-manjangkan lagi kekecohan dalam Parlimen seperti mana yang dilakukan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. Itu satu bukti yang jelas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sudah diminta oleh Tuan Yang di-Pertua untuk tarik balik jelas cukup jelas. Tidak mahu juga kemudian hendak berlindung lagi menggunakan perkataan lain. Jadi bagi saya Yang Berhormat Balik Pulau ini saya kata kejujuran politik sebab sudah kali ketiga sudah cuma saya sudah tidak ingat sudah tarikh tersebut. Akan tetapi kali ketiga Yang Berhormat Puchong itu dikenakan tindakan atas perkara yang sama pun. Kalau perkara yang berbeza tidak apa juga. Jadi bagi saya itulah kadang-kadang orang yang mempunyai latar belakang undang-undang yang hebat tetapi sebenarnya menggunakan imuniti Parlimen ini untuk menimbulkan kekecohan. Kita tahu tujuannya apa. Tujuannya kemudian masuk *Youtube*, masuk dalam *website* itu kita tahu tujuan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kemudian dieksploitasikan dengan cerita dan ulasan yang berat sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat sebab banyak pihak keliru kerana kalau bercakap bab ISA ini Tuan Yang di-Pertua saya rasa saya ada *authority* lah sedikit sebagai bekas dua kali tahanan ISA ini. So, saya tahu dalam luar tetapi pokoknya perkataan preventif *detention* tanpa bicara. Selalu yang diungkit ini dikatakan bertentangan dengan hak asasi. Akan tetapi apakah Yang Berhormat sedar walaupun seseorang itu ditahan di bawah ISA tanpa bicara selepas dia ditahan dia boleh membawa kes itu ke mahkamah dengan memohon *habeas corpus*. Perkara ini sudah berlaku ada yang menang termasuk baru ini salah seorang Raja Petra.

Kalaulah kemudian di bawah seksyen saya lupa selepas 60 hari dia terima *detention order* untuk dua tahun dan dalam tempoh 60 hari dia juga dibawa ke Lembaga untuk didengar ada perbicaraan cuma tertutup di mana yang ditahan boleh membawa peguam. Segala prosiding itu direkod jadi tidak timbullah mengatakan mereka ini di *deny* langsung hak dalam konteks kalau dikatakan bahawa ini satu tahanan yang bertentangan dengan prinsip demokrasi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat apakah pengertian hak asasi? Saya tanya menjamin keamanan dan keselamatan untuk diri saya dan untuk rakyat bahawa kita mahu keselamatan dan keamanan untuk rakyat dan untuk diri kita. Apakah itu juga tidak merupakan satu hak asasi? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Oleh sebab itu saya kata bahawa pengertian sesuatu perkara baik hak asasi manusia, baik demokrasi dan sebagainya mestilah mengikut acuan kita. Kita tidak boleh mengikut acuan negara yang barangkali mengatakan bahawa dialah yang memperkenalkan apa pun menjadi bapa kepada demokrasi ini. Ini kerana demokrasi di negara mereka pun belum tentu terjamin mengikut pengertian demokrasi yang sebenarnya. Oleh sebab itu demokrasi mestilah mengikut acuan kita dan kita juga tidak boleh mentafsirkan hak asasi manusia ini mengikut nafsu kita, akal fikiran kita sahaja.

Sehingga akhirnya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas kita terlupa tentang hak asasi orang lain, kebebasan orang lain. Seperti mana yang saya kata bahawa contoh yang paling mudah barangkali ialah soal demonstrasi. Kalau sekiranya demonstrasi itu menyusahkan orang lain maka sebenarnya juga kita mengganggu hak asasi orang lain. Dia hendak pergi pejabat cepat yang kerana rajin hendak masuk pejabat cepat, akhirnya tidak dapat masuk cepat kerana ada demonstrasi yang tidak bertanggungjawab.

Jadi sebab itu saya kata bahawa apa yang penting di sini saya kata bahawa kejujuran politik. Mungkin orang kata saya terlalu idealistik menyebut tentang kejujuran politik. Akan tetapi

inilah komitmen yang dituntut oleh rakyat kepada semua ahli-ahli politik seperti kita ini iaitu tentang kejujuran politik kita ini di mana sebenarnya. Jadi sebab itulah yang menjadi masalah kepada kita sekarang ini ialah perlunya SUHAKAM ini. Kalau sekiranya ISA itu dari segi tindakannya berlaku kezaliman, maka bagi saya SUHAKAM juga berperanan untuk terlibat, menegur, memberi pandangan dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya kata bahawa ISA ini pendirian saya ialah dia perlu cuma jangan disalah guna.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:Jangan disalah guna untuk kepentingan politik kita. Itu yang saya tidak setuju. Ini bagi saya kita tidak boleh berkompromi iaitu hendak bangkang orang semata-mata kerana kita tidak berpuas hati dengan tindakan politik beliau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit boleh penjelasan. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terus *point* tadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey Yang Berhormat Batu Pahat saya makin lama makin Yang Berhormat Batu Pahat hujah saya makin *confuse*. Betul ikhlas saya cakap kerana apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau selepas nanti bolehlah Yang Berhormat berucap.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya sedikit sahaja sedikit sahaja sebab dia takut. Dia ada mengelirukan saya dengan teman-teman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak kan *every sentence you* kena komen Yang Berhormat tidak perlu ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak saya sedikit sahaja tidak, bukan. Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan tadi Yang Berhormat Batu Pahat memang kita memerlukan SUHAKAM betul saya setuju. Saya juga mengatakan SUHAKAM banyak mencadangkan pelbagai aspek terutama aspek hak asasi manusia. Saya menanyakan tadi sejauh mana kerajaan yang bakal dijawab oleh Menteri tadi. Akan tetapi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi aspek demonstrasi, aspek kebebasan bersuara tadi itu amat berbeza bercanggahan dengan apa yang dicadangkan oleh SUHAKAM. Itu masalah saya itu mohon penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak apalah maksudnya kalau sekiranya SUHAKAM ada pandangan dia tentang demonstrasi dan sebagainya. Itu tidak apa kita serah kepada SUHAKAM untuk menentukan apakah demonstrasi itu boleh atau tidak boleh.

■1120

Cuma yang saya katakan tadi bahawa demonstrasi yang sehingga mengganggu ketenteraman awam ini yang kita kata ia tidak ada permit berhentilah. Ikut peraturan, berhenti jangan lagi teruskan macam apa yang berlaku di Ipoh baru-baru ini. Hujah yang digunakan sebab ini ceramah pilihan raya sedangkan penamaan calon belum berlaku. Penamaan calon 29 hari bulan Tuan Yang di-Pertua, dia kata sudah pilihan raya. Ini yang saya katakan tidak betul. Maksudnya cuba menyalah tafsirkan perundangan. Itu juga sebenarnya melanggar yang disebut sebagai hak asasi. Maka ini juga satu kesalahan. Sebab itu saya kata bahawa jangan kita ikut nafsu kita dalam mentafsirkan sesuatu perkara.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak bagi sudah. Sebab saya hendak menggulung. Nanti Yang Berhormat Shah Alam boleh bercakaplah. Itu saya hairan Yang Berhormat Ipoh Timur ini. Dia kata mana ada masa. Tuan Yang di-Pertua, saya pun bertanding Majlis Tertinggi. Esok pun pemilihan tapi saya ada masa lagi hendak membaca dan hendak melihat rang undang-undang ini.

Mana kata tidak ada masa sebenarnya sebab itu saya kata bahawa apa yang dilakukan Yang Berhormat Ipoh Timur itu sebenarnya lebih kepada gimik politik sahaja. Cuba untuk mencemarkan apa yang sudah pun kita persetujuan sedangkan sepertimana yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dia sudah bentang semalam bacaan pertama. Maksudnya kita tahu benda itu hendak dibawa. Maksudnya tidakkanlah yang *simple* macam ini pun susah sangat untuk kita hendak baca? Jadi sebab itu saya rasa itu hanyalah pembohongan sebab ini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hendak memperbesar-besarkan ini. Saya pun tengak sibuk kempen tapi saya masuk juga Parlimen sebab saya tahu ini penting.

Sebab saya hendak menyatakan bahawa kalau sekiranya Yang Berhormat Balik Pulau seorang keliru tidak apa. Jangan rakyat yang keliru. Apa yang berlaku sekarang ini rakyat cuba dikelirukan dengan banyak perkara yang juga sebenarnya tidak adil kepada rakyat dengan mengulang-ulang sesuatu tuduhan yang tidak berasa yang tidak sebenarnya tidak adil. Sebab itu saya katakan bahawa SUHAKAM ini amat penting.

Saya amat setuju bahawa jika SUHAKAM ini mempunyai kuasa yang lebih sebenarnya. Saya ingin memberi pandangan bahawa maksudnya apabila kita melakukan pindaan ini, kita mahu SUHAKAM lebih aktif, lebih bersungguh-sungguh dengan kejujuran untuk memastikan, mengawal, memberi pandangan, menegur dengan berani baik kepada kerajaan pun supaya sistem demokrasi di negara kita ini lebih meningkat, lebih terjamin, lebih baik tetapi kena ikut

acuan kita. Bagi memastikan bahawa hak asasi manusia di negara kita ini dapat kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

11.23 pg.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit berhubung dengan pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya bila bercakap soal SUHAKAM ini saya sendiri secara peribadi agar meragui sejauh mana SUHAKAM ini mampu untuk mempertahankan hak asasi manusia.

Hak untuk berhimpun sebagai contoh, hak untuk bersuara. Saya hendak bagi contoh yang paling mudah yang kami sendiri alami di Kuala Terengganu. Isu tulis menggunakan peluru hidup untuk tembak rakyat yang dikatakan berhimpun dalam perhimpunan haram dalam satu ceramah yang peringkat awalnya dibagi peluang tetapi akhir ditarik balik permit. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila ini berlaku di sebuah negeri yang kita katakan mengamalkan demokrasi, bila rakyat sendiri, polis menggunakan bukan sahaja gas pemedih mata, bukan sahaja *water cannon* dengan izin tetapi peluru hidup.

Ini menjadi satu isu dan saya sendiri yang bertanggungjawab di Kuala Terengganu pada malam itu. Saya tidak ada tempat lain untuk mengadu melainkan kepada SUHAKAM. Akan tetapi bila saya mengadu kepada SUHAKAM, peringkat awal alhamdulillah. Dia datang untuk buat siasatan, menemu bual saksi-saksi yang terlibat termasuk dua orang yang ditembak. Seorang bernama Suwandi, seorang lagi bernama Azman. Sampai tembus dada dan terpaksa dibawa daripada Hospital Kuala Terengganu sampai ke Kota Bharu untuk dibuat *operation*, untuk dikeluarkan serpihan peluru yang menembusi dadanya dan terlekat di tubuhnya. Bila dibuat penyiasatan di panggil saksi.

Selain daripada saksi-saksi orang awam yang dikatakan terlibat dalam peristiwa tersebut termasuk juga polis. Akhirnya polis buat pengakuan bahawa memang berlaku insiden menggunakan peluru hidup bagi meleraikan apa yang dikatakan perhimpunan haram. Jadi bila siasatan dibuat oleh SUHAKAM, saksi-saksi telah dipanggil, pengakuan telah dibuat dan akhirnya SUHAKAM bersetuju untuk membuat satu *public inquiry* di Kuala Terengganu tetapi yang malang dan sedihnya apabila tarikh telah dipersetujui untuk diadakan *public inquiry* oleh pihak SUHAKAM, polis dua malam sebelum tarikh *inquiry* itu dibuat dilakukan menangkap dua orang yang kena tembak ini.

Tengah malam seolah-olah mereka berdua ini sebagai penjenayah. Kepung rumah, tangkap mereka bawa ke lokap. Akhirnya bawa ke mahkamah. Atas alasan cuba hendak mencederakan polis. Mereka berdua yang kena tembak, tetapi mereka berdua yang dituduh untuk mencederakan polis. Ini kami laporkan, pihak SUHAKAM tahu maklumat dengan jelas

tetapi dalam *inquiry* tersebut akhirnya SUHAKAM menarik diri atas alasan kes ini telah menjadi kes mahkamah dan mereka tidak boleh hendak masuk campur kerana sudah menjadi kes mahkamah.

Itu sebabnya bila kita bercakap soal hak asasi manusia, bila kita bercakap soal hak untuk bersuara, hak untuk berhimpun dan bila ada rakyat sendiri menjadi mangsa kepada tindakan yang begitu rupa tetapi SUHAKAM tidak mampu untuk hendak mempertahankan hak rakyatnya sendiri. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kalau sekadar akta ini dipinda sekadar untuk hendak disebutkan tadi oleh menteri untuk menjadikan proses pelantikan anggota suruhanjaya supaya SUHAKAM ini lebih telus. Saya agak meragui kalau sekiranya perkara-perkara lain kebebasan ataupun lebih kuasa yang sepatutnya diberikan kepada SUHAKAM dan memastikan insiden dan kejadian-kejadian yang seumpama itu daripada berulang.

Kalau tidak rakyat hendak mengadu kepada siapa? Hendak mengadu pada polis? Polis yang tembak. Mengadu kepada SUHAKAM? SUHAKAM tidak berani bila sudah terpaksa tarik diri. Habis hendak mengadu kepada siapa? Di mana hak asasi manusia? Apa salah mereka sekadar hendak mendengar ceramah. Hendak dengar ceramah tapi diperlakukan begitu rupa. Ini satu perkara yang cukup sedih. Sampai sekarang tidak boleh selesai dan dua orang saksi masih lagi menderita akibat daripada kesan tembakan yang dilakukan oleh pihak polis. Tidak ada apa-apa tangkapan, tidak ada apa-apa usaha dilakukan bagi mendakwa polis yang terlibat sehingga hari ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Sila.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Soal hak asasi ini, hak yang sebenarnya tidak boleh dinafikan ataupun ditarik balik oleh mana-mana pihak, oleh mana-mana kerajaan kerananya merupakan hak asasi manusia. Dalam soal hak asasi ini adakah ianya boleh dicorakkan mengikut keadaan-keadaan yang berbeza. Seperti contoh sepertimana yang disebut Yang Berhormat Batu Pahat.

Kita hendak kena ikut acuan negara kita. Maka soal hak asasi untuk bersuara kalau bertanya kepada Barisan Nasional dia kata kita setuju tetapi ikut acuan kita. 'Kita' itu siapa? Adakah 'kita' itu rakyat ataupun 'kita' itu kerajaan yang memerintah mengikut sesuka hati mereka. Sepertimana kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu itu. Rakyat biasa ditembak, hadir ceramah mereka tidak bawa senjata.

■1130

Kalau mengikut fahaman hak asasi manusia ini, adakah patut tindakan yang seperti ini di mana polis menembak orang sedangkan mereka sedang berkumpul dalam satu perhimpunan

yang aman hendak dengar ceramah. Ia merupakan hak asasi untuk berkumpul, ia merupakan hak asasi untuk mempunyai pandangan yang berbeza dengan kerajaan yang memerintah. Justeru, ia merupakan satu hak asasi untuk menubuhkan parti, untuk terlibat dalam politik, untuk mencabar kerajaan yang memerintah.

Lalu saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu mengapa keadaan yang seperti ini boleh berlaku? Adakah ia disebabkan kekeliruan yang begitu hebat di kalangan Barisan Nasional sehingga Yang Berhormat Balik Pulau yang sebelum dengar Yang Berhormat Batu Pahat itu cukup jelas, tetapi dengan Yang Berhormat Batu Pahat, dia naik keliru. Adakah kekeliruan yang wujud sehingga orang sudah tidak tahu dah apa maknanya hak asasi. Dengan izin, *what exactly are the fundamental human rights that the democratic system must defense?*

Adakah kita berhadapan dengan masalah ini kerana UMNO Barisan Nasional memang tidak faham? Harap Yang Berhormat boleh jawab.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Itulah sebabnya, saya pun apabila Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan kita kena ada *political will*, kita kena ada keikhlasan. Yang bercakap Yang Berhormat Batu Pahat pun tidak ikhlas itu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Duduk, duduk lah, jangan bangun, jangan bangun lagi. Saya tahu dia hendak pergi ke Persidangan UMNO itu...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: ...Akan tetapi, dia sendiri tidak ikhlas. Depan mata, rakyat di tembak oleh polis pakai peluru hidup, dia masih lagi duduk. Ini realiti yang berlaku. So, di mana rakyat hendak mengadu dalam hendak mempertahankan hak asasi dia? Hendak mengadu di polis, polis tembak. Saya sebutkan tadi. Polis yang tembak, bukan sahaja dengan air, *water cannon*, bukan sahaja dengan gas tetapi dengan peluru hidup. Mengadu ke SUHAKAM, maka SUHAKAM siasat, dia tahu ada kes. Buat panggil untuk *inquiry* tetapi polis, dia sudah tahu dah ini kes berat. Dia tangkap yang kena tembak, seperti yang saya sebutkan tadi. Tengah malam, kepung rumah seolah-olah kawan ini penjenayah besar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi, ini satu benda yang rakyat sendiri memang keliru. Kalau inilah SUHAKAM baik, polis baik, yang menjadi alat kepada parti pemerintah, macam mana kita hendak melaksanakan tugas dengan baik? Macam mana kita hendak bincang soal katakan hendak menjadikan hak asasi manusia supaya kita boleh memperbaiki dan ada ketelusan dan sebagainya. Ini yang rakyat mempertikaikan itu, sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh harap, itu satu contoh, banyak lagi kalau hendak sebut contoh-contohnya. Akan tetapi sekurang-kurangnya apabila kita mempertikaikan, memperkatakan... Yang Berhormat Batu Pahat hendak keluar,

saya, biar dia keluar. Saya ambil alih tugas Tuan Yang di-Pertua sekejap. Dia hendak keluar, biar dia keluar. Nampaknya dia tidak ikhlas.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hak asasi dia untuk keluar.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Dia tidak ikhlas itu, apabila kena atas dia, dia lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu tidak faham peraturan kah?

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebabnya saya hendak bergurau dengan Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum faham Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat belum faham, beritahu saya dengan Setiausaha.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Saya rasa tidak banyak ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan hendak tunjuk orang keluar, itu tidak ikhlas Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Saya gurau sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu pasal lebih kurang tidak ada banyak beza dalam peraturan dalam DUN Terengganu dan juga di Parlimen tetapi yang saya hendak sebutkannya, itu masalah yang ada sekarang, dan realiti yang ada. Jadi, saya sungguh-sungguh berharap apabila kita membicarakan hak asasi manusia dan kita meminda akta ini, kita perlu melihat dengan lebih..., in *the bigger picture* dengan izin, serta dengan gambaran yang lebih luas. Bukan sekadar untuk kita pinda beberapa perkara, tetapi saya harap diberikan kuasa yang lebih, supaya hak asasi rakyat itu sendiri dapat diberikan pembelaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

11.34 pg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya juga ingin mengambil bahagian dalam meluluskan rang undang-undang ini. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun menyambut saranan daripada pihak ICC sebab itu pindaan ini dibuat. Saya yakin ini lebih telus kerana kalau kita lihat seperti yang saya sebutkan tadi dari segi pelantikan ini merangkumi semua bidang atau pun latar belakang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang duduk sekejap.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya kurang jelas Yang Berhormat, kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu dan sebagainya.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, ya duduk Yang Berhormat. Sama ada kes itu masih di mahkamah atau pun tidak. Kadang-kadang kalau kita menyebut kes sahaja Yang Berhormat, ia tidak menjadi masalah. Akan tetapi kalau kita sebutkan fakta-fakta substantif dalam kes itu, ia telah termasuk dalam kes yang dikatakan *subjudice* Yang Berhormat, yang tidak boleh disentuh.

Jadi, ini telah berlalu saya bagi amaranlah kepada Yang Berhormat. Kalau cakap kes-kes yang kita belum ketahui bahawa masih dibicarakan di mahkamah. Kalau SUHAKAM menarik diri, bukan kerana takut. Ini kerana tidak mahu terlibat dengan kes apa yang dikatakan *subjudice* bukan SUHAKAM takut. Sebenarnya, syarat SUHAKAM itu orang-orangnya lebih beretika daripada kita Yang Berhormat. Jadi, sila Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi anggota Suruhanjaya akan dilantik daripada kalangan lelaki, wanita daripada pelbagai latar belakang sama ada agama, politik, dan kaum yang mempunyai pengetahuan atau pun pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sekiranya pihak kerajaan boleh melantik mereka yang benar-benar berpengalaman yang saya yakin boleh diukur daripada latar belakang seseorang, insya-Allah matlamat kita akan tercapai.

Saya juga ingin memohon penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya ciri-ciri seseorang anggota Suruhanjaya itu boleh dilantik berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman praktikal. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana saya yakin keseluruhan rakyat ingin mengetahui tentang latar belakang seseorang sebab ahli Suruhanjaya ini Tuan Yang di-Pertua menjadi satu fokus kepada semua rakyat Malaysia.

Mereka ingin tahu tentang keberkesannya. Jadi, pada peringkat awal, mereka ingin tahu siapakah ahli-ahli Suruhanjaya yang akan dilantik dan latar belakang mereka. Walaupun mereka mungkin boleh akses daripada laman web dan sebagainya, tetapi rakyat ingin tahu secara lebih *detail* supaya insya-Allah rakyat akan lebih yakin dengan peranan SUHAKAM ini.

Tuan Yang di-Pertua walau bagaimanapun, saya setuju dengan pandangan daripada pihak Yang Berhormat Batu Pahat bahawa kebebasan ada batasannya. Akan tetapi, saya juga tidak bersetuju sekiranya ramai berpendapatan dan persepsi sekarang yang melihat kebebasan atau pun perkara-perkara yang dilihat atau pun dibincangkan oleh umum terutamanya parti-parti politik yang menjurus kepada kebebasan untuk menyuarakan pandangan politik. Akan tetapi mereka cenderung kepada menuntut hak untuk berdemonstrasi secara tanpa permit dan sebagainya.

Saya sebenarnya juga bersetuju supaya suara kebebasan itu disuburkan tetapi dalam konteks negara Malaysia Tuan Yang di-Pertua biarlah kita ada batasan kita sendiri. Saya yakin sebagai rakyat Malaysia, kita tidak perlu tunduk dengan desakan-desakan daripada pihak luar

khususnya. Ini kerana, suasana dalam negara kita jauh berbeza dengan suasana yang berlaku di luar negara.

Kita berlatarbelakangkan atau pun selama ini negara kita bangun daripada sejarah yang panjang, daripada iklim yang berbeza, daripada rakyatnya yang berbilang kaum, latar belakang politik yang berbeza, keturunan yang berbeza dan sebagainya. Jadi, saya melihat ini satu perkara yang serius supaya walaupun kita bercakap tentang kebebasan, biarlah kita ada batasan tertentu. Ini supaya kebebasan yang selama ini kita capai atas acuan kita sendiri tidak rosak atau pun tidak musnah di peringkat kita ingin mengejar kemajuan dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang kebebasan yang lebih mendorong atau lebih menjurus kepada hak untuk satu-satu aspek. Misalnya kebebasan demonstrasi dan sebagainya. Akan tetapi, ada kebebasan-kebebasan lain yang kita tidak pernah bincangkan atau mungkin kita lupa kerana kita lebih terdorong kepada satu-satu perkara.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua kebebasan dalam industri muzik. Ini juga perlu dibincangkan, kebebasan media termasuk industri muzik tadi.

■1140

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah kepada Radio Televisyen Malaysia atau RTM kerana RTM telah pun memulakan era digital dan insya-Allah, satu masa nanti era digital di peringkat RTM ini akan berlaku secara keseluruhan. Kita dimaklumkan saluran satu, sekarang belum lagi tetapi akan menjurus kepada saluran maklumat bahasa Melayu sahaja. Kemudian akan ada lagi saluran maklumat dalam bahasa-bahasa lain yang akan dilengkapkan. Maksudnya ada saluran-saluran lain yang juga menganjurkan dalam bahasa lain selain daripada bahasa Melayu. Ada saluran bahasa Melayu sahaja dan ada saluran bahasa-bahasa lain satu masa nanti. Cuma sekarang belum lagi dilaksanakan kerana masih dalam proses pembikinan. Yang ini kita perlu lihat dari sudut yang positif.

Begitu juga dalam industri muzik kerana tadi saya sudah sentuh bab muzik. Sebagaimana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, industri muzik memainkan peranan yang penting dalam negara kita. Saya tidak tahulah siapa yang tidak minat muzik tetapi umumnya rakyat negara kita sukakan muzik tetapi dalam suasana sekarang, ini juga ada kaitan dengan kebebasan hak asasi manusia, rakyat juga terdedah dengan muzik daripada luar dan sebagainya yang akhirnya mungkin kita tidak lagi minat kepada muzik tempatan semata-mata kerana kurang muzik tempatan. Kurangnya inisiatif yang lebih daripada industri muzik tempatan. Industri muzik luar masuk dalam negara kita kerana kita mengamalkan kebebasan. Kita tidak boleh sekat Tuan Yang di-Pertua, kebebasan industri muzik daripada luar ini kerana bukan mudah untuk menyekat dan tidak wajar kalau kita mengadakan satu undang-undang lain untuk kita menyekat industri muzik daripada luar.

Akan tetapi caranya Tuan Yang di-Pertua ialah dengan kita menyuburkan industri tempatan. Saya hendak ucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak RTM. Sekurang-kurangnya RTM telah pun menggunakan satu saluran lain di Astro dengan mewujudkan saluran Muzik Aktif dalam usaha untuk menyuburkan industri muzik tempatan. Saya difahamkan banyak permintaan, banyak juga cadangan daripada masyarakat tempatan supaya industri muzik di saluran 180 ini diperluaskan peranannya dengan memberi ruang kepada pihak penonton supaya boleh berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain sama ada dalam bidang politik ataupun dalam bidang ekonomi, dalam bidang pendidikan, sosial dan sebagainya.

Ini juga adalah satu pendekatan yang baru Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak menyekat kebebasan muzik daripada industri luar. Kita menyuburkan industri tempatan dengan satu kaedah lain tadi seperti yang dianjurkan yang telah diusahakan di saluran 180 Astro tetapi pada masa yang sama industri muzik tempatan yang subur itu digunakan untuk menarik minat orang ramai menonton saluran tersebut dan boleh berinteraksi dengan orang ramai. Ada tuntutan Tuan Yang di-Pertua supaya kita menggunakan kaedah ini supaya rakyat boleh berinteraksi melalui media tetapi caranya biar betul. Tidak semua yang kita boleh salurkan kaedah berinteraksi menggunakan media elektronik ini seperti mana yang berlaku di negara-negara luar.

Pendekatan ini patut kita puji Tuan Yang di-Pertua, sebab kita dapat dua faedah. Industri tempatan kita suburkan, malahan saya meminati muzik-muzik lama Tuan Yang di-Pertua disuburkan semula tetapi pada masa yang sama ada cadangan supaya interaksi...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Menyampuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Apa dia? Tak apalah. Nanti dia boleh bahas kalau dia hendak. Maknanya kebebasan manusia tadi, kebebasan manusia. Sebab itu di peringkat awal tadi saya sebut kita tidak boleh menjurus kepada satu perkara, satu bidang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalan kebebasan ini dia banyak Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dia banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terpujanglah kepada pihak lain, boleh bahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...Yang Berhormat Ledang satu aspek Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang, SUHAKAM hendak jaga kebebasan bermuzik jugakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pada saya sepatutnya Yang Berhormat, selagi ada *infringement of right* itu di bawah SUHAKAM Yang Berhormat termasuk muzik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sudah jawab saya tak perlu ulas lagilah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah, tak payah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak rakan-rakan yang lain supaya tidak hanya menjurus kepada satu aspek sahaja. Saya menghormati pandangan daripada rakan-rakan lain tetapi kita tidak boleh terikat dengan hanya kepada satu perkara yang disebutkan oleh rakan-rakan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi muzik Yang Berhormat itu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Seolah-olah tidak ada kebebasan langsung dalam negara kita. Yang ini perlu kita fahamlah dan perlu kita jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebut tadi ialah sebenarnya kita menghormati tentang kebebasan media ini sama ada melalui media elektronik ataupun kaedah-kaedah lain, kertas dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat dan kita mesti sentiasa berwaspada. Sebab itu saya lebih cenderung kepada ahli-ahli suruhanjaya ini mesti mempunyai latar belakang yang benar-benar kita yakin supaya mereka memahami tentang agenda pihak luar yang menggunakan media tempatan kerana mungkin dia dibayar dan sebagainya. Ada juga cerita-cerita yang begitu yang ingin melihat negara kita jatuh kerana inilah kaedah yang terbaik dalam zaman moden.

Mereka tidak lagi menggunakan kekuatan tentera, mereka tidak lagi menggunakan kekuatan senjata dan sebagainya tetapi mereka menggunakan kaedah lain yang boleh mempengaruhi masyarakat tempatan dan akhirnya ada media yang mungkin boleh digunakan oleh pihak luar dan rakyat tempatan ada yang bersekongkol dengan mereka yang boleh menjatuhkan negara kita.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal tadi saya jelaskan, saya minta supaya latar belakang ahli suruhanjaya ini biarlah telus. Biar semua boleh buat penilaian dan kita yakin dengan latar belakang ahli-ahli suruhanjaya supaya mereka benar-benar memahami mana-mana yang sesuai dengan negara kita dan mana yang tidak sesuai. Yang ini saya perlu tekankan, saya tuntutan pihak kerajaan supaya latar belakang ahli-ahli suruhanjaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Dibuka kepada orang ramai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sependapat dengan Yang Berhormat Batu Pahat tadi supaya jawatankuasa khas yang dirujuk tentang pelantikan ini tidak melibatkan orang politik. Maknanya,

pada peringkat awal tadi saya berfikir kenapa orang politik tidak dilibatkan sedangkan yang hendak dilantik juga melibatkan orang politik. Mungkin ada orang politik yang telah bersara tetapi latar belakangnya politik, aktif bercakap tentang politik, dia memihak kepada satu politik, tidak ada jawatan, yang ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua boleh kita pertimbangkan. Walaupun dia orang politik tetapi dia telah bersara. Cuma dia cenderung kepada satu-satu bidang politik. Yang ini Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ha okey. Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Pihak kerajaan juga dapat mempertimbangkan saranan daripada saya. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas itu hendak mencelah kah hendak bercakap?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya hendak hadkan masa bercakap oleh kerana ramai berdiri. Saya hendak bagi peluang sebanyak mungkin bercakap. Jadi saya minta 10 minit cukup Yang Berhormat. Kebanyakannya politik sahaja. Ya Yang Berhormat? 10 minit seorang. Yang Berhormat Pasir Mas.

11.49 pg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya amat gembira kerana naskhah rang undang-undang ini dalam naskhah bahasa Melayunya penuh, maknanya lengkap. Tidak dicampuradukkan manakala naskhah Inggeris memang dalam bahasa Inggeris tapi naskhah bahasa Melayu boleh dikatakan 100% digunakan bahasa Melayu.

■1150

Saya amat senang hati dan mengucapkan tahniah mengenai dengan Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kerajaan supaya memberi lebih penerangan termasuk pendidikan mengenai dengan pengertian hak asasi manusia. Sebab saya percaya ramai lagi pihak tidak memahami dan keliru dengan apa makna hak asasi manusia. Kerana kefahaman hak asasi sekarang ini dari segi prinsip universal yang diguna pakai sekarang ini amat mengelirukan kerana pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, iaitu sesebuah negara ada undang-undangnya tersendiri, sesebuah negara ada budayanya tersendiri dan sesebuah negara ada agamanya tersendiri dan Malaysia

adalah sebuah negara berbilang kaum, pelbagai budaya dan Islam sebagai Agama Persekutuan. Akan tetapi kadang-kadang makna hak asasi ini pada sesetengah pihak dicampur adukkan sehingga mengelirukan banyak pihak.

Terutamanya kalau kita mengambil pengertian bahawasanya hak asasi manusia selagi mana ianya tidak melanggar, kalau tanya saya sebagai orang Islam dan agama Islam sebagai Agama Persekutuan, tidak bertentangan dengan apa yang terkandung dalam Al-Quran dan juga hadis sahih, junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kalau kita katakan bebas, tidak semestinya hak. Kalau kita sebut hak asasi, seseorang itu boleh melakukan apa sahaja sehingga tidak berpakaian juga dikatakan hak asasi. Akan tetapi hak asasi tidak boleh hak asasi peribadi. Seseorang manusia tidak boleh mengatasi hak asasi kepentingan umum, kepentingan awam. Sebab itu kalau kita mengatakan, pendapat saya bahawasanya kepentingan menjaga keselamatan dan keamanan negara juga merupakan satu hak asasi bagi individu dan rakyat sesebuah negara. Mereka tidak boleh mengatakan itu kebebasan peribadi, itu hak mereka selagi mana ia tidak bertentangan dan mengatasi kepentingan hak awam. Maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, saya tengok anggota Suruhanjaya SUHAKAM amat wajar sekali dilantik ada wakil tokoh ilmuwan Islam, bukan sahaja mereka yang berlatarbelakangkan undang-undang ataupun tokoh-tokoh korporat ataupun bekas pegawai tinggi kerajaan.

Akan tetapi pandangan dari segi sudut agama juga begitu penting dalam memberi pandangan dalam soal hak asasi manusia ini. Kalau ini dibuat nanti, saya percaya ianya dapat diperjelaskan daripada kekeliruan sebab ada sesetengah itu bertentangan dengan agama tetapi mereka mengatakan ini hak asasi manusia. Ini perkara yang pertama. Maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua, penjelasan huraian ini amat penting. Perkara yang kedua ialah menjaga nama baik negara kita di peringkat antarabangsa bersabit dengan hak asasi ini. Saya percaya...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua minta maaf. Tadi saya tertarik sebut tentang wakil tokoh agama yang berwibawa. Mungkin Yang Berhormat Pasir Mas boleh mencadangkan Pengerusi Majlis Fatwa secara automatik duduk dalam jawatankuasa berkenaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sesiapa sahaja boleh dilantik asalkan mempunyai kredibiliti dan mempunyai autoriti dan keilmuannya tidak boleh dipertikaikan supaya bukan sahaja dari segi pengalaman, rekod peribadinya bersih dan mempunyai latar belakang, kalau dilihat dari segi kepentingan hak asasi ini, terutamanya dalam bidang syariah, memahami tentang soal undang-undang Islam itu sendiri. Jadi boleh asalkan mana mereka ini mempunyai latar belakang yang baik dan berwibawa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok sekali dalam soal hak asasi ini yang selalu disentuh oleh pihak antarabangsa semalam, dua hari lepas pun ada taklimat bersabit dengan hak asasi yang dibuat oleh pihak SUHAKAM dan juga oleh agensi Bangsa-

Bangsa Bersatu yang dihadiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya juga hadir, begitu juga wakil-wakil kedutaan asing dan dari segi laporan kita baca.

Satu perkara yang amat menarik ialah sikap pihak Wisma Putra dan kedutaan asing kita supaya mereka lebih proaktif. Saya percaya kalau mereka mendapat gambaran yang jelas mengenai dengan negara kita walaupun ada perkara-perkara yang boleh dipertikaikan dari segi hak asasi di negara kita. Akan tetapi saya percaya ianya tidak seburuk kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Kalau mengambil kira kedudukan negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang kaum. Akan tetapi isu yang pokok selalunya yang dibangkitkan ialah mengenai dengan *preventive detention* iaitu ISA di mana seseorang itu ditangkap tanpa bicara. Akan tetapi diakui juga bahawasanya walaupun tangkapan itu tanpa bicara, tetapi sesudah ditangkap seseorang yang ditangkap itu mempunyai hak untuk menentang kesahihan penangkapan mereka melalui permohonan *habeas corpus* yang juga sudah pun kita lihat ada *precedence* di mana sesetengahnya mereka berjaya.

Begitu juga sesudah mereka menerima *detention order* dua tahun di bawah kuasa Menteri, kemudian mereka boleh membela diri dalam Jawatankuasa Lembaga dan mereka boleh membawa peguamnya dan juga perbicaraan ini direkod, ada butirannya. Jadi tidak timbul masalah apa yang dikatakan begitu *rigid* mengenai dengan ISA ini dikecuali saya mengatakan juga, saya juga ada mencadangkan dalam perbahasan sebelum ini supaya ditambah baik nilai ISA itu di mana kuasa Menteri itu dipinda ke satu jawatankuasa beberapa orang yang berwibawa yang akan menentukan sama ada seseorang ini boleh ditahan ataupun tidak. Saya mempertahankan ISA ini walaupun saya pernah dua kali ISA atas nama keamanan tadi, atas kesejahteraan rakyat. Kita berkorban, hilang sedikit kebebasan tetapi kita mendapat faedah dari segi menjamin keamanan negara. Sebab itu kita mahu ISA ini, kita menyuarakan beberapa kali supaya ianya tidak disalahgunakan untuk kepentingan politik. Akan tetapi undang-undang ini penting yang saya katakan sebelum ini dan bagi pihak-pihak yang melanggar undang-undang, berani buat, berani tanggung.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak bagi jalan sebab masa 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, satu minit tinggal Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tinggal satu minit lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itulah saya mengatakan bahawasanya ISA ini mesti dipertahankan dan mesti diteruskan cuma ditambah baik nilainya. Dalam aspek-aspek lain, banyak Tuan Yang di-Pertua, sehingga kita lihat *blogger-blogger* punya tulisan pun, saya pun tahu kalau kita baca pun ada yang benar, ada yang tidak benar. Maka kebebasan ini dari segi ledakan teknologi maklumat melalui *internet*

dan semua ini sekarang ini sudah tidak terkawal lagi, memerlukan rakyat memikir, membaca dan menggunakan kewarasan dalam menentukan baik buruknya yang sudah tidak terkawal lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan mengenai dengan Suruhanjaya Hak Asasi ini, saya juga minta pihak kerajaan mesti memastikan apabila *representation* dibuat di peringkat antarabangsa, supaya ianya memberi gambaran dan pandangan majoriti, pandangan rakyat yang sesuai dengan kedudukan sesebuah negara itu tadi yang ada agamanya, yang ada budayanya, yang ada undang-undangnya sendiri, apatah lagi kita umat Islam, yang agama Islam juga Agama Persekutuan.

Kalau ini dapat difahami, saya percaya ianya tidak akan timbul banyak kekeliruan. Kerajaan juga mesti bertanggungjawab untuk menentukan sebarang bentuk tindakan, apa pun ISA atau apa sahaja dalam menentukan tindakan. Ianya mesti berasaskan kepada keadilan yang jitu iaitu bukan kerana kepentingan politik, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

11.59 pg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa dihadkan, saya akan membuat rumusan sahaja tentang penghujahan yang hendak saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Tuan Yang di-Pertua, daripada rang undang-undang ini sendiri saya rasa kita tidak peka kepada hak manusia ini sehinggakan seksyen 5 yang hendak dipinda ini kita hanya mengehadkan kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang untuk menjadi anggota suruhanjaya.

■1200

Ingin saya nyatakan di sini bahawa, apabila kita menghujahkan tentang hak asasi ini, kita tidak boleh membeza-bezakan jantina, ataupun agama, ataupun latar belakang seseorang. Bagi saya seksyen ini haruslah ditukar kalau kita hendak memilih mana-mana orang pun, kerana di antara kita ini kadang-kadang ada yang dilahirkan dengan apa yang kita katakan transeksual atau biseksual, ataupun dua kelamin.

Jangan kita menafikan hak kepada mereka yang dilahirkan tidak seperti orang biasa, sebagai lelaki atau wanita. Begitu juga dalam membahaskan hak asasi manusia ini, kita jangan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, kita beza-bezakan agama. Kita mesti ada satu prinsip asas, bahawa manusia ini memang sama. Kita ada darah daging, ada perasaan, ada minda dan telah menentukan hak asasi seseorang itu haruslah kita menganggap semua manusia ini, mempunyai haknya yang tersendiri.

Kalau kita beza-bezakan hak antara seseorang itu berasaskan agama, jantina ataupun latar belakang, kita pun sudah membuat diskriminasi antara kaum manusia itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hak asasi manusia ini, saya ingin merumuskan beberapa perkara yang boleh kita baiki untuk melindungi hak rakyat Malaysia. Kita dapati kejadian yang

berlaku baru-baru ini di dalam negara kita ini, kita dapati ada beberapa hak asasi rakyat Malaysia yang telah dinafikan, terutamanya oleh pihak polis yang di bawah arahan pihak kerajaan yang mentadbir, iaitu Barisan Nasional.

Saya amat rasa kesal kerana kita dapati sungguhpun banyak *gathering* ataupun perjumpaan yang amat aman sekali, juga dianggap tidak boleh diterima oleh pihak polis. Misalnya baru-baru ini di negeri Perak, di mana satu jualan lelong secara amat aman dan teratur telah dijalankan untuk melelongkan serpihan batu tugu demokrasi negeri Perak, selepas lelongan awam itu dijalankan, pihak polis pula telah membuka satu fail untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang berkumpul itu atas alasan, kumpulan ini telah berkumpul secara haram.

Bagi saya tugas utama pihak polis adalah untuk menjaga ketenteraman awam, tugas mereka bukan untuk meniadakan hak rakyat untuk berkumpul, kerana itulah jaminan yang telah diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Jadi dalam perkara ini, haruslah pihak polis memberi keutamaan kepada menghindarkan jenayah, yang kita kata menggunakan kekerasan, ataupun jenayah yang memang berleluasa di negara kita ini, dan kita tidak kata meniadakan hak asasi untuk rakyat berkumpul. Begitu juga daripada pengalaman 20 tahun yang saya berkecimpung dalam politik ini, memang kadang-kadang pihak polis bersimpati dengan ahli politik yang ingin meluahkan suara rakyat, dengan mengadakan demonstrasi yang aman.

Misalnya semasa harga tol naik, kita sebagai ahli politik perlu menyuarakan suara rakyat, dan mengadakan demonstrasi secara aman, tetapi pihak polis telah diarahkan untuk tidak memberikan permit untuk berdemonstrasi secara aman, malah telah diarahkan untuk meleraikan ataupun memastikan kami tidak berkumpul. Dari pengalaman saya, kerana pihak polis pun tahu tindakan mereka itu tidak betul, mereka kadang-kadang pun bersepakat ataupun bersetuju membenarkan kami berkumpul secara aman, untuk buat sementara, tetapi untuk membolehkan mereka menjawab kepada pihak atasan, mereka terpaksa menunjukkan sedikit sandiwara. Mereka cuba mengambil mikrofon kita, ambil gambar kemudian hantar ke Bukit Aman.

Apa yang kita lakukan ini sebenarnya, satu kebebasan asasi manusia untuk menyuarakan ketidakpuasan hati rakyat terhadap kenaikan tol. Tuan Yang di-Pertua, kita juga rasa amat kesal, kerana hak rakyat untuk membaca atau mendengar pandangan yang berlainan daripada pandangan kerajaan pada hari ini pun telah dinafikan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Pada 24 Mac lepas, Suara Keadilan dan Harakah yang merupakan suara pihak Parti Keadilan Rakyat, dan juga PAS telah digantungkan.

Bagi saya hak untuk mendengar pandangan yang berlainan itu satu hak asasi. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri akan dengan serta-merta menarik balik perintah untuk mengantungkan Suara Keadilan dan Harakah ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak polis juga telah tidak menghiraukan undang-undang, kita tahu di bawah sistem demokrasi, rakyat berhak untuk memilih wakil-wakil rakyat

mereka, dan mereka telah diberikan tugas seperti yang termaktub dalam undang-undang, dan telah diberikan perlindungan yang telah dinyatakan di bawah undang-undang.

Akan tetapi pada 3 Mac 2009, adalah menjadi hak dan tugas wakil-wakil rakyat untuk berhimpun dalam Dewan Undangan Negeri Perak, tetapi hak yang telah diberikan kepada rakyat semua, yang dijanjikan oleh Perlembagaan Persekutuan kita, iaitu hak untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, telah dinafikan oleh pihak polis dan mereka enggan membenarkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak untuk berkumpul dalam DUN Perak. Malangnya bukan sahaja dinafikan hak, mereka pula sekarang disiasat kerana dikatakan berkumpul secara haram di luar perkarangan DUN, keadaan itu timbul akibat tindakan yang melanggar undang-undang oleh pihak polis, tetapi orang yang tidak bersalah pula dikatakan bersalah kerana berhimpun secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah penting siasatan dibuat terhadap pihak polis yang telah melanggar undang-undang di bawah Seksyen 124, Kanun Keseksaan kerana ternyata jelas di bawah peruntukan undang-undang tersebut, bahawa tidak ada sesiapa yang boleh menghindarkan mana-mana wakil rakyat untuk menjalankan tugas mereka termasuklah untuk berkumpul di Dewan Undangan Negeri Perak, untuk menjalankan tugas mereka.

Bagi saya kalau hak asasi sedemikian yang telah dinyatakan dengan jelas, yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat tidak dihormati oleh pihak polis, apatah lagi rakyat biasa yang hak mereka akan dinafikan oleh pihak polis. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak dapat Yang Berhormat, tak dapat tawar-menawar Yang Berhormat, oleh sebab kita tidak ada masa Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Gulungkan, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat, habis dah, cukup dah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Last sekali untuk ISA, satu minit saya akan berhenti.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya akan potong jam-jam lain Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu minit. Ada dua, yang akhir sekali berkenaan dengan ISA. Kita tahu sebelum ini undang-undang budi bicara Menteri untuk menahan seorang itu adalah secara objektif di mana budi bicara boleh dipersoalkan di mahkamah tetapi, undang-undang telah dipinda di mana budi bicara Menteri untuk menahan seseorang itu telah menjadi mutlak dan tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Saya ingin mencadangkan agar budi bicara

ini *objective test* kurang sungguhpun saya tidak setuju dengan ISA sekurang-kurangnya kalau pun ada perintah untuk penahanan budi bicara itu mestilah dapat dipersoalkan atau pun dipertimbangkan oleh mahkamah sama ada perintah tersebut dalam mala fide atau pun tidak mengikut undang-undang agar lebih keadilan diberikan kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

12.11 tgh.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha kerajaan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia adalah diperlukan jika kita lihat bagaimanakah hak asasi ini boleh timbul di dalam dunia ini. Pada tahun 1948...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada sepuluh minit Yang Berhormat.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau hendak baca sejarah dia Yang Berhormat panjang sangat.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Selepas peperangan dunia kedua satu deklarasi dibuat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Deklarasi ini yang dinamakan *The Universal Declaration of Human Right* adalah penting sebagai garis panduan akta kita sebagai garis panduan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan hak asasi. Oleh itu, *global expression of rights to which all human being are entitled* dengan izin kebebasan iaitu yang penting di dalam Akta Hak Asasi Manusia di mana-mana sahaja.

Artikel 1 dan 2 di dalam deklarasi tersebut adalah asas kepada prinsip-prinsip yang memelihara maruah, kebebasan dan kesamaan dan persaudaraan. Ini adalah penting kerana maruah manusia adalah asas kepada keadilan dan kedamaian di dalam dunia ini. Oleh itu, Artikel 1 di dalam deklarasi tersebut menyebut bahawa semua manusia adalah di lahir dengan ada kebebasan, dengan sama taraf, dengan ada maruah dan yang penting sekali ada hak asasi.

Artikel 2 juga menyebut yang mengatakan bahawa semua hak asasi dan kebebasan di dalam deklarasi ini seharusnya tidak ada perbezaan di antara hak-hak yang lain. Walaupun Deklarasi PBB ini bukan satu *treaty* namun ianya diterima pakai di seluruh dunia kerana ianya bertujuan untuk memperjelaskan makna perkataan iaitu Dasar Kebebasan dan Hak Asasi. Namun barat sekarang memasukkan banyak isu tentang hak asasi sehingga ianya mengelirukan. Terkini PBB sudah pun mewujudkan satu *treaty* yang bernama *UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* iaitu satu *treaty* tahun 2009. Ianya menggariskan hak-hak asasi orang-orang asli di mana-mana negara di dunia ini.

Oleh itu terjemahan mengikut aliran barat dan kehendak barat yang mana kebudayaan mereka jauh berbeza daripada kebudayaan kita. Janganlah diterjemahkan bahawa ianya sama dengan kebudayaan di negara kita. Oleh itu kita perlu juga mengasingkan aktiviti *journalnya* dan

hak-hak asasi daripada segi undang-undang negara. Jangan kita menyamakan aktiviti-aktiviti jenayah ataupun *insiden* jenayah yang perlu kita buat sebagai hak-hak asasi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya ada sepuluh minit sahaja nanti kalau saya habis saya boleh bagi. SUHAKAM seharusnya mengerti apa sebenarnya kelakuan jenayah dan hak asasi dan kebebasan kita juga seharusnya ada batas Tuan Yang di-Pertua agar apa yang kita melakukan tidak menjadi satu perkara yang *racist*. Jangan kita menyakiti hati orang lain dan kaum lain.

Di dalam pemindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi ini, saya melihat bahawa di dalam seksyen 5, anggota suruhanjaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atau syor Perdana Menteri hendaklah sebelum memberikan nasihatnya berunding dengan jawatankuasa yang dibuat dalam seksyen ini. Ianya seharus terdiri daripada tidak lebih 20 orang dan mereka hendaklah dilantik di kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik, kaum yang mempunyai pengetahuan. Namun jika kita lihat di seksyen 11A ini adalah satu seksyen yang bertentangan dengan seksyen 5(3) kerana Ketua Setiausaha Negara dipilih sebagai pengerusi jawatankuasa dan pengerusi suruhanjaya juga dipilih. Tiga orang lain lagi sebagai ahli-ahli jawatankuasa ini.

Jadi di manakah kalangan lelaki dan wanita daripada latar belakang agama, politik dan kaum yang mempunyai pengetahuan yang berlainan? Di manakah mereka daripada kaum Penan, daripada kaum Bidayuh, daripada kaum Iban, daripada kaum Berawan, Kayan, Kenyan dan sebagainya di Sarawak yang ada 27 bilangan suku kaum kesemuanya. Oleh itu akta ini haruslah mengambil kira bilangan kaum di dalam negara ini yang berlainan latar belakang supaya mereka ini juga akan menjadi ahli mana-mana jawatankuasa dan boleh membawa hak-hak mereka agar diketahui oleh rakyat Malaysia jelata. Sekian, terima kasih.

12.18 tgh.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang memberi sebab memberi peluang mengambil bahagian dalam perbincangan tentang rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ataupun SUHAKAM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mula dengan berkata bahawa rang undang-undang ini telah dikemuka dengan notis tersangat singkat. Ini telah dibangkit oleh Ahli-ahli Berhormat yang lain juga dan Dewan yang mulia diminta membahaskannya secara tergesa-gesa. Ini amat dukacita dan saya rasa wajar kita bangkitkan kenapa kita buat perbincangan ini pada pagi ini terburu-buru. Apakah alasannya? Kita membincang isu hak asasi kita meminda Akta SUHAKAM tetapi pada masa yang sama kita melanggar nilai hak asasi sendiri. [*Tepuk*] Jadi apa yang kita hendak menunjuk kepada dunia dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dan saya harap saya boleh betulkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

■1220

Esok di Geneva, SUHAKAM akan dibincang di Jawatankuasa yang disebut *International Coordination Committee* di Geneve. Apa yang akan dibincang esok adalah cadangan mereka untuk *down grade* dengan izin, SUHAKAM daripada status A kepada kategori B esok. Amaran ini telah diberi satu tahun lebih awal pada April 2008.

Dengan izin saya membaca apa yang disebut. Mereka telah beritahu SUHAKAM pada April 2008 dengan bahasa Inggeris. "*Its intention to recommend to the ICC (International Coordinating Committee) of National Human Rights Institution iaitu to recommend the ICC status B and give the commission the opportunity to provide in writing within 1 year of such notice, the documentary evidence deem necessary to establish its continue conformity with the Paris principles*".

Maksud ini Tuan Yang di-Pertua adalah, inilah satu amaran yang bertulis, satu peringatan yang boleh kita katakan kepada SUHAKAM status anda akan diturunkan kepada kategori B sebab anda bukan satu institusi yang berwibawa lagi. Tidak dianggap dengan *Paris principles* dan SUHAKAM diminta mengambil tindakan untuk memperbaiki status dia dan memberi bukti itu sebelum mesyuarat esok. Jadi adakah sebab itu pada pagi ini, kita terburu-buru mahu meluluskan undang-undang ini supaya esok kita boleh bawa ke mesyuarat itu dan berkata kita sudah membuat satu langkah yang lebih baik untuk menambahkan status SUHAKAM. Adakah itu dia?

Akan tetapi kita melanggar nilai-nilai hak asasi manusia Tuan Yang di-Pertua, itu yang satu amat mendukacitakan. Apa sebab kita tunggu 1 tahun? Satu tahun kita tunggu tiba-tiba pada saat terakhir kita *push through bill* ini pada pagi ini, esok kita pergi sana kita akan bagi tahu. Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua esok dunia akan tahu juga bekas ketua pembangkang telah dihalau daripada Dewan dalam perbincangan ini. Ini semua akan diketahui esok juga pada masa kita beritahu kita sudah luluskan satu akta untuk memperbaiki atau menambah baik kedudukan SUHAKAM. Ini yang telah berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dipersoalkan oleh SUHAKAM di peringkat Geneva adalah cara penubuhan SUHAKAM, cara pelantikan pesuruhjaya tidak ikuti *Paris principles* yang boleh menunjukkan mereka adalah pelantikan yang bebas yang berwibawa. Oleh sebab itu kita melihat kerajaan pada hari ini mencadangkan perubahan kepada proses itu dengan cara menubuhkan satu jawatankuasa. Saya tidak mahu memperlekehkan cadangan ini. Saya tidak berkata cadangan ini adalah satu langkah ke belakang. Mungkin ada sedikit kebaikan tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kenapa kita tidak boleh ikut amalan yang jauh lebih baik di negara jiran? Negara yang saya maksud ialah Indonesia. Indonesia juga ada satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan pada masa lebih kurang yang sama. Undang-undang yang digunakan di sana adalah tahun 2000 dan cara mereka gunakan untuk pelantikan anggota-anggota suruhanjaya mereka adalah jauh lebih baik. Ini yang saya ingin maklumkan di sini dan

ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kita gunakan proses itu dan bukan apa yang dicadangkan di sini.

Apa yang dibuat di Indonesia Tuan Yang di-Pertua adalah di sana proses pelantikan dimulakan oleh Suruhanjaya sendiri. Mereka umumkan pada rakyat umum, mereka menjemput, mereka mempelawa pencalonan daripada masyarakat umum. Selepas itu satu jawatankuasa pilihan, *selection committee* dengan izin yang ditubuhkan oleh suruhanjaya itu. Jawatankuasa ini dibenarkan ruang untuk membuat pilihan secara bebas, nama-nama di *shortlist* kan. Selepas itu nama dipilih dan akhirnya nama ini dihantar ke Parlimen mereka untuk disahkan. Seluruh proses ini dibuat secara telus, setiap calon di bincang secara telus, kelayakan beliau, pengalaman beliau dan sebagainya. Akhirnya seluruh negara tahu kenapa seorang dipilih ataupun seorang ditolak daripada senarai yang dicadangkan. Itulah proses yang digunakan di Indonesia untuk pemilihan anggota suruhanjaya mereka. Kenapa kita tidak boleh fikirkan cara yang begitu serupa dalam Malaysia?. Indonesia...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Subang, mahu penjelasan sedikit boleh?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, silakan

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja. Maknanya apa yang dikaitkan oleh Yang Berhormat Subang tadi berkaitan dengan pendekatan negara..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat masa Yang Berhormat itu singkat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Isu ini penting Tuan Yang di-Pertua saya cuba...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu ia penting Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya cuba Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dibangkitkan ialah pendekatan negara jiran. Baru-baru ini sebelum persidangan ASEAN yang mana isu penting mahu dibincangkan adalah *term of reference* yang akan diputuskan untuk pembentukan mekanisme hak asasi rantau. Apa yang ditekankan ialah *engagement* dengan izin CSO iaitu Civil Society Organization *engagement*, sepatutnya berlaku di kalangan masyarakat madani di rantau ini. Saya mendapat maklumat bahawa perkara itu tidak berlaku dengan baiknya di Malaysia. Mohon Penjelasan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, saya setuju. Itulah pengalaman yang kita kesal di Malaysia bahawa kita melihat amalan untuk berunding untuk masyarakat madani, NGO yang terlibat, yang berminat kurang sangat. Kita tidak perlu rujuk pada negeri barat, hanya kita perlu pergi pada negara jiran seperti Indonesia untuk melihat satu amalan yang jauh lebih bagus yang sekarang kita melihat cara pelantikan mereka gunakan di Indonesia. Mereka ada perundingan yang cukup penuh. Di sini Tuan Yang di-Pertua cara

penggubalan rang undang-undang ini pun kandungannya belum dirunding dengan mana-mana pihak. Saya di fahamkan oleh NGO hak asasi yang minat, mereka tidak tahu langsung dengan cadangan di sini. Ahli parlimen pun baru dapat tahu kandungannya semalam dan dipaksa bincang pada hari ini. Apakah maknanya dalam proses ini? Apakah maksud yang diberikan kepada kemuliaan Parlimen? Kalau ini kita buat dengan rang undang-undang yang penting.

Tuan Yang di-Pertua satu isu lagi yang saya ingin tumpukan adalah tentang pelantikan anggota SUHAKAM ini adalah yang kedudukan sekarang di mana walaupun kita melantik hampir 20 orang, semua adalah apa yang dikata pelantikan *ordinary* ataupun tidak pelantikan sepenuh masa, hanya pengerusi sahaja yang penuh masa. In bermaksud kita sudah menubuhkan satu institusi yang penting. Akan tetapi pada masa yang sama kita tidak memberi kapasiti yang bermakna. Kita hadkan keberkesanan institusi ini. Kalau kita banding dengan negara-negara lain dan saya sekali tidak mahu rujuk pada negeri barat. Tidak perlu kepada Eropah, Amerika dan sebagainya. Kita hanya pergi pada Indonesia, Thailand, Korea dan India. Semua negara ini ada Suruhanjaya Haj Asasi Manusia yang dianggap lebih kurang berwibawa. Saya tidak berkata di sini mereka adalah *perfect*, bukan, mereka pun ada masalah tetapi dianggap lebih berwibawa daripada SUHAKAM di Malaysia tetapi perbezaan yang penting adalah anggota suruhanjaya mereka semua adalah *full time*.

Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu perbezaan yang cukup besar, jadi inilah satu cadangan yang saya ingin bawa kepada kerajaan. Kita mesti berubah daripada amalan sekarang di mana kita meletak ramai orang yang tidak boleh buat kerja yang berkesan. Lebih baik kita melantik lima, tujuh, sembilan orang yang berwibawa, yang bebas, ada pengalaman dalam hak asasi yang bergerak secara bebas daripada pengaruh institusi kerajaan tetapi kita bagi mereka gaji penuh masa. Kita melantik sebagai pelantikan sepenuh masa dan bagi tempoh khidmat yang cukup panjang juga. Sekarang kita melihat kita sudah panjangkan daripada 2 tahun sehingga 3 tahun. Ini pun disebabkan amaran yang diberi oleh *International Coordinating Committee* yang melihat bahawa dalam tempoh 2 tahun ini dalam akta yang asal tidak selaras dalam *Paris principle* sebab tempoh yang singkat tidak memberi kekuatan kepada kebebasan mereka.

■1230

Jadi Sekarang ini kita sudah pergi kedua sampai tiga tetapi itu pun bagi saya adalah kurang memuaskan. Lebih baik kita beri tempoh lagi panjang tetapi yang lebih penting adalah kita melantik orang yang boleh menumpukan perhatian mereka sepenuh masa kepada kerja mereka. Jadi inilah yang telah dibuat di rantau ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya akan tamatkan sekejap lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita akan tamatkan perbincangan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Setengah minit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk habiskan *point* saya tegaskan sekali lagi, saya ingin cadangkan bahawa kita kaji semula apa yang dicadangkan di sini. Kita tidak perlu pergi jauh untuk belajar daripada amalan baik negara-negara lain. Marilah kita ikuti apa yang dibuat di negara jiran Indonesia, daripada *selection process* mereka dan cara mereka menggunakan *full time appointment* untuk menubuhkan satu institusi yang berkesan dan berwibawa. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta Menteri menjawab

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dah bagi tahu, Yang Berhormat subang pun kata dah hendak tamat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Saya mengucapkan berbanyak-banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat ...boleh mencelah dan bertanya dengan Menteri

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat yang mengambil bahagian...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua saya membantah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Di dalam perbahasan yang diadakan berkenaan dengan rang undang-undang ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya, Tuan Yang di-Pertua saya membantah ya. Ramai Ahli yang masih ingin membahaskan pindaan yang begitu penting.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang pertama, Yang Berhormat Batu Pahat telah bertanya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya dengar Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Adakah sekiranya seseorang itu yang memberikan apa-apa pandangan politik yang berbentuk *partisan* tetapi dia itu tidak berdaftar dengan parti politik. Adakah orang ini tidak layak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bertanya kepada Menteri apa-apa soalan yang hendak dibangkit.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tanya dengan Menteri Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Untuk dilantik menjadi anggota suruhanjaya di bawah seksyen 11A(4). Fasal 11A(4) adalah untuk pelantikan anggota jawatankuasa untuk dilindungi oleh Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...ini hak saya juga Yang Berhormat, hak asasi saya. Saya pun mempunyai hak juga Yang Berhormat, jika begini lah caranya kita tidak ada hak lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap Yang Berhormat ada hak, saya pun ada hak. Lord Denning kata Yang Berhormat, *your* hak habis apabila hak saya bermula dalam satu kes 81.

Seorang Ahli: Ya, Ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi minta tolong Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat tolong duduk, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Yang Berhormat Shah Alam. Minta tolong duduk Yang Berhormat, dengar Menteri dan tanya dengan Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tahu bagaimana Tuan Yang di-Pertua menggunakan hak Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tidak boleh dinafikan hak untuk berbahas. Apabila Tuan Yang di-Pertua menggunakan hak untuk menghentikan perbahasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ketiga iaitu anggota Suruhanjaya hendak lah dilantik daripada kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum yang mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua ramai ahli yang masih berminat untuk berbahas Akta Cukai Pendapatan, pindaan begitu kecil mengambil masa sehari lebih. Tuan Yang di-Pertua saya mohon...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah membuat keputusan Yang Berhormat

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah membuat keputusan Yang Berhormat

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat boleh bercakap, saya tidak akan mengubah keputusan saya

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Pahat bertanya adakah orang yang tidak berdaftar tetapi mempunyai sikap memihak boleh dilantik. Mereka boleh dilantik, yang tidak boleh dilantik...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa peraturannya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak dengar...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, 57(2) apabila rang undang-undang ini dibahaskan pada hari ini. Yang pertama tidak memberikan ruang untuk kita membawa apa-apa pindaan. Kedua selepas mengejutkan semua ahli Parlimen di sini dengan tergesa-gesa membawa rang undang-undang ini sekarang kami difahamkan tidak ada masa untuk membahaskan. Apa makna membawa rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua? *We become a laughing stock of the nation, human rights* Tuan Yang di-Pertua dengan *highest respect to the chair..*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi ini *Paris Principles* dan yang sebagainya. Kita pergi baca macam kuda bodoh semalam, malam-malam pergi baca, sekarang *there is no relevant*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *This is the more important* Tuan Yang di-Pertua, *human rights*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *What we are doing to the human rights [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Don't you think so? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, saya ada dengar Yang Berhormat itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...Akan tetapi saya rasa, pagi ini saya ada bertanya kepada Menteri kenapa baru sahaja ingin membawa rang undang-undang ini hari ini. Satu tahun dulu kerajaan telah mendapat notis daripada *International Coordinating Committee*, kenapa baru sahaja sekarang. Ini tergesa-gesa, ini kesalahan Kementerian dan Menteri, bukan kita kenapa kita dianehkan. *Why are we being discriminated?**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Paris Principles*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ada dengar

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Paris Principles says to publicize human rights and effort to combat all form of discrimination in particular racial discrimination by increasing public awareness. Apa public awareness can you bring* bila kita tidak boleh berucap di Dewan yang mulia ini. Saya malu Tuan Yang di-Pertua, saya malu, saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat okey...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak, *I don't want* Tuan Yang di-Pertua pun terperangkap dengan semua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak terperangkap Yang Berhormat. Saya tidak terperangkap, duduk Yang Berhormat, saya melihat 7 orang yang sudah berucap. Semua ucapan-ucapan itu tadi tidak menuju kepada perundangan selain daripada Yang Berhormat Subang sahaja Yang Berhormat sebenarnya

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak perlu bersoal-jawab dengan saya, selain daripada Yang Berhormat Subang. Yang lain itu semua soalan-soalan yang tidak ada kena mengena juga.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hak ini amat besar maknanya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana dengan kami yang lain, kami yang lain ada berkaitan dengan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 53(3) kita boleh bahas baik-buruk rang undang-undang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Semua ada benda Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita ada buat *research* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Pahat bertanya adakah orang yang tidak berdaftar tetapi mempunyai sikap memihak boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa. Mereka boleh dilantik, yang tidak boleh dilantik adalah orang yang berdaftar sahaja dengan mana-mana parti politik. Sebagai contoh Ahli Majlis Peguam yang tidak berdaftar dengan mana-mana parti politik boleh dilantik walaupun mereka mempunyai pandangan politik secara partisan. Yang Berhormat Batu Pahat, bagi maksud pelantikan anggota Suruhanjaya orang yang akan dilantik mestilah orang yang berintegriti.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai mana yang diperuntukkan di bawah fasal 5(2) dan 5(3) iaitu pelantikan anggota suruhanjaya hendaklah dilantik oleh YDPA atas syor Perdana Menteri yang hendaklah sebelum memberikan nasihatnya hendaklah berunding dengan Jawatankuasa di bawah fasal 11A. Dan anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum yang mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi.

Oleh yang demikian berdasarkan peruntukan di atas adalah jelas bahawa pelbagai faktor yang hendaklah diambil kira dalam pelantikan anggota Jawatankuasa bagi memastikan anggota Jawatankuasa yang dilantik itu memiliki kriteria yang positif termasuklah berintegriti dan berupaya untuk menyumbang kepada pembangunan hak asasi manusia di negara ini. Yang Berhormat Ledang bertanya apakah hak dan ciri-ciri yang akan kerajaan gunakan dalam pelantikan anggota SUHAKAM sebagai mana subseksyen 5(3) yang dicadangkan. Antara kriteria yang digunakan adalah seorang yang mempunyai:

- (i) pengetahuan seperti kelulusan pendidikan seperti dalam bidang perhubungan antarabangsa dan undang-undang antarabangsa sebagai contoh.
- (ii) Sumbangan seseorang dalam mempromosi, mempertahankan dalam isu berkaitan wanita dan kanak
- (iii) morally outright
- (iv) competence in their own profession dengan izin

- (v) has served the public in various capacity, law, welfare, education dan lain-lain

Yang Berhormat Kuala Terengganu bertanya sejauh manakah SUHAKAM telah mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM mempunyai fungsi yang penting terutamanya untuk mendidik dan mempromosi hak asasi dan menyiasat aduan berhubungan pelanggaran hak asasi manusia. Bagi fungsi menyiasat, mandat SUHAKAM membenarkan SUHAKAM menyiasat selagi mana aduan tidak diputuskan atau dibawa ke mana-mana mahkamah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: SUHAKAM juga banyak menjalankan aktiviti untuk mempromosikan hak-hak termasuklah hak wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya. SUHAKAM akan mempertahankan isu-isu hak asasi seperti mana yang diwartakan dalam Akta 597. Yang Berhormat Batu Gajah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk Yang Berhormat

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, hari ini Yang Berhormat lain macam betul. Apa sikap ini? mungkin ini kali terakhir Yang Berhormat duduk dalam Parlimen ini. Jadi sikap mesti berubah sikit, hari ini lain macam. Saya ingin membangkitkan berkenaan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

■1240

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Balik Pulau, apakah tindakan bercanggah dengan prinsip demokrasi. Segala tindakan dan cadangan SUHAKAM adalah berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi sejagat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Adalah tidak benar sekiranya dikatakan SUHAKAM bertindak tidak berlandaskan demokrasi kerana prinsip demokrasi adalah *the integral* Parlimen dalam prinsip hak asasi. Yang Berhormat Balik Pulau bertanya mencelah, sejauh manakah sejak penubuhan SUHAKAM syor ataupun *recommendation* SUHAKAM diguna pakai oleh kerajaan?

Semenjak penubuhan SUHAKAM, antara syor yang telah dipertimbangkan oleh kerajaan adalah:

- (i) Reformasi Badan Kehakiman, penubuhan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008;
- (ii) Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Selaras dengan cadangan SUHAKAM agar membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol dan penderaan bagi mengurangkan trauma ketika proses siasatan dan pemberian keterangan di mahkamah; dan

- (iii) Akta Anti Pemerdagangan Orang, bagi menghapuskan segala bentuk penyeludupan wanita dan kanak-kanak perempuan. Selaras dengan kewajipan Malaysia sebagai negara pihak kepada konvensyen penyingkiran semua segi diskriminasi terhadap wanita ataupun SIDOR atau Orang Kurang Upaya sebagai mekanisme efektif untuk melindungi hak-hak Orang Kurang Upaya, selaras dengan pemerhatian SUHAKAM bahawa OKU berhad menikmati kehidupan dan melihat peluang dan penglibatan yang sama rata.

Kerajaan juga telah memberikan maklum balas atas syor-syor SUHAKAM dalam laporan tahunan SUHAKAM 2000 hingga 2002 telah dimuatkan dalam laporan tahunan SUHAKAM 2003. Maklum balas kerajaan atas syor SUHAKAM dan laporan tahunan SUHAKAM 2003 juga telah dimuatkan dalam laporan tahunan SUHAKAM 2004. Bagi 2007 kerajaan telah menerbitkan satu buku berasingan mengenai syor-syor SUHAKAM pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mambong bertanya mengenai keanggotaan jawatankuasa di bawah fasal 11A adalah bersifat diskriminasi. Peruntukkan fasal 11A tidak berhasrat untuk mewujudkan diskriminasi tentang pelantikan anggota jawatankuasa. Jika mana-mana anggota jawatankuasa itu sebagai contoh Ketua Setiausaha Negara adalah wanita, maka sudah tentulah dia akan dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa. Anggota jawatankuasa akan berkhidmat dengan jawatankuasa bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

Secara amnya kerajaan tidak pernah menggubal undang-undang yang bersifat diskriminasi, malah setiap undang-undang yang digubal mestilah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu khususnya fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Mengenai semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Beruas, pelaksanaan hak asasi manusia di Malaysia.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Penjelasan [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerajaan berpandangan bahawa isu-isu hak asasi manusia perlulah diuruskan secara holistik dengan mengambil kira ke saling

bergantungan *interdependence* dan saling berkait *indivisibility*. Hak-hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia juga mengambil kira *character* negara yang unik yang terdiri daripada pelbagai budaya, agama dan etnik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia sihat Yang Berhormat. Duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Semua ini diambil kira dan memastikan perpaduan, kestabilan dan keselamatan negara dipertahankan terus terpelihara dalam kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia. Yang Berhormat Beruas juga bertanya hak berkumpul di luar Dewan Undangan Negeri Perak dikatakan berhimpun secara haram, polis patut dikenakan tindakan. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan adalah dijamin oleh Perlembagaan. Walau bagaimanapun, hak ini boleh disekat melalui undang-undang jika hak itu menggugat kepentingan, keselamatan Persekutuan, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan yang bertujuan untuk melindungi Parlimen mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukkan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan tentang hak asasi manusia [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Menentang penghinaan mahkamah, fitnah ataupun penafian *insegment to any offence*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa-apa kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah fasal 2A perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Beruas juga bertanya mengenai hak untuk berkumpul dan kebebasan media. Hak untuk berkumpul dan kebebasan media di Malaysia adalah dijamin dengan selaras dengan Perlembagaan Malaysia dan undang-undang yang tertentu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hak untuk berkumpul dan kebebasan media bukan merupakan hak mutlak dan ia tertakluk kepada had-had atau sekatan-sekatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, jangan ini bukan tempat macam itu Yang Berhormat. Dia bagi atau tidak itu soal dia Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seperti diperuntukkan di bawah undang-undang sebagai contoh untuk menjamin keselamatan, ketenteraman awam dan moraliti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini berperangai peliklah. Dia tidak bagi, dia tidak bagi!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Had-had dan sekatan ini adalah selaras dengan prinsip Undang-undang Hak Asasi Antarabangsa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini penting untuk negara.*[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak mahu dengar. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Beruas adalah bertanya fasal 53 adalah bersifat diskriminasi dengan merujuk kepada perkataan lelaki dan wanita. Sepatutnya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak. Saya tidak hendak dengar peraturan mesyuarat ini. Tidak dengar cakap saya macam mana saya hendak cakap tuan-tuan sekalian? Yang Berhormat, saya cakap Yang Berhormat tidak dengar. Duduk!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Menggambarkan tidak wujud diskriminasi sama ada dari segi jantina, agama, politik mahupun kaum. Bagi maksud pelantikan anggota Suruhanjaya. Selagi seseorang itu layak untuk dilantik kerana memenuhi kriteria berpengetahuan atau berpengalaman praktikal perkara dalam hak asasi, itu boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya.

Yang Berhormat Pasir Mas bertanya pelaksanaan hak asasi manusia mestilah mengikut acuan negara. Seksyen 4 (4) Akta 597, memperuntukkan bahawa dalam konteks fungsi dan

kuasa Suruhanjaya perhatian hendaklah diberikan kepada *Universal Declaration of Human Rights 1948*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat yang tidak relevan Yang Berhormat tunjukkan itu!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selama mana ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, prinsip dan peruntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah sentiasa dijunjung dalam mempromosi dan melaksanakan hak asasi di Malaysia. Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri saya hendak dengar ini dahulu. Kalau tidak betul Yang Berhormat saya akan suruh Yang Berhormat keluar.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan Riu]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau hendak mengugut tidak payah, tidak payah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengugut, tidak payah mengugut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak payah mengugut Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey saya tarik balik ugut. Saya tidak mengugut. Saya hanya bagi mesej.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hanya mahu mainkan peranan sebagai. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai memekik, melolong macam apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu penjelasan daripada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri ada hak bagi ataupun tidak bagi ruang. Okey, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai duduk. Okey Yang Berhormat Batu Gajah apa peraturan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan Peraturan 37(1) (a) dan (b). Apabila seorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap, kecuali jika dia hendak minta penjelasan mengenai apa perkara yang dikeluarkan oleh yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh pengerusi. Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada peraturan mesyuarat ini. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, boleh maklumkan Yang Berhormat Menteri yang sedang bercakap tidak berhenti-henti apabila ada seorang ahli mahu bangun minta penjelasan untuk menarik perhatian Menteri tersebut. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh tidak mengendahkan Ahli Yang Berhormat yang sedang bangun itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia tidak pandang langsung ke hadapan. Dia asyik membaca sahaja ucapan. Dia tidak tahu kita sedang bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu itu 37(1)...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon untuk bangun minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah dengar, saya sudah tahu, saya faham, saya sudah baca. Tunggu Yang Berhormat. Apabila seseorang bercakap seorang lain minta kebenaran untuk mencelah. Apabila orang bercakap tidak bagi ruang ataupun peluang untuk dia mencelah. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh mengarah dia duduk. Itu peraturan asas dia. Yang Berhormat jadi kerja saya tidak ada kerja lain memang baca peraturan. Saya jadi tidak payah Yang Berhormat tunjukkan kepada saya. Sila Menteri teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Subang. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum, belum Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Buat cadangan supaya anggota Suruhanjaya dilantik secara sepenuh masa. Kerajaan menyambut baik cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang supaya anggota Suruhanjaya berkhidmat sepenuh masa.

■1250

Dengan berkuat kuasa rang undang-undang ini kerajaan akan mengkaji cadangan ini dalam usaha untuk memastikan SUHAKAM adalah satu badan hak asasi manusia yang berwibawa. Yang Berhormat Subang juga bertanya mengapa kerajaan hanya sekarang mahu meminda Akta 597 sedangkan tarikh penentuan status adalah 26 Mac 2009. Untuk makluman, cadangan bahawa kerajaan sedang mengkaji Akta 597 dan Akta 597 yang akan dipinda telah dimaklumkan oleh Tan Sri Abu Talib Osman kepada *Sub-Committee of Accreditation* pada 17 Disember 2008 yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Dewan riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Jangan mempertikaikan apa yang saya sebut Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Terengganu, duduk, *[Disampuk]* Yang Berhormat Kuala Selangor. Kalau tidak mahu diubah nama jangan diubahkan kuasa saya di sini Yang Berhormat. Duduk.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya kata boleh mencelah kalau Yang Berhormat Menteri tidak beri pencilan, saya tidak bagi arahan. Tidak boleh. *[Dewan riu]* Yang Berhormat, okey.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa ini Yang Berhormat kena duduk. Kalau tak setuju, kamu boleh diambil tindakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui. *[Dewan riu]*

Beberapa Ahli: Peraturan mesyuarat! Peraturan mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa peraturan Yang Berhormat? *[Dewan riu]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk. Duduk Yang Berhormat! Duduk! Dengar saya punya *ruling* Yang Berhormat. Dengar saya punya *ruling* Yang Berhormat dahulu. Yang Berhormat marah macam ini tidak dengar peraturan Yang Berhormat. *[Dewan riu]* Okey, okey, dengar dahulu. Saya dengar belah bahagi itu Yang Berhormat. *[Dewan riu]* Duduk dahulu, duduk, duduk dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, laksanakan belah bahagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik, baik Yang Berhormat. *[Disampuk]* Tidak, tidak. Duduk dahulu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Peraturan yang saya mahu kemukakan ialah 26(1)(c), "...*usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan.*" Sebelum Yang Berhormat Menteri habis, saya cuba bangkitkan peraturan mesyuarat 26(1)(c) di mana usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan. Saya ingin usulkan. Sekarang Yang Berhormat Menteri sudah habis dan Tuan Yang di-Pertua sudah mengingkari hak saya untuk membuat usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hei, Yang Berhormat, tarik balik perkataan ingkar itu Yang Berhormat! Tarik balik. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey saya tarik balik. Maksud saya telah mendahului, *bypass*. Maksud saya *bypass*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey saya setuju apa Yang Berhormat sebut. Yang satu lagi Yang Berhormat Pokok Sena sudah ada dahulu Yang Berhormat datang di sini. Tahulah peraturan. Peringkat ini kalau Yang Berhormat hendak minta belah bahagi, berdirilah 15 orang, belah bahagi. *[Dewan riuh]*. Tidak payah memekak, memekik, melolong Yang Berhormat. Tidak payah memekik melolong. *[Dewan riuh]* Okey belah bahagi. Belah bahagian.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekarang saya maklumkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 45. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 36. *[Tepuk]*

Lebih undi yang bersetuju. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU:

45

YANG TIDAK BERSETUJU:

36

[Nama Ahli-ahli yang bersetuju dan yang tidak bersetuju akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Rang undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, untuk mendapat penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini anggota-anggota yang dicadangkan. Oh, sudah *time* makan. [*Dewan riuh*] Makan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Makan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat sesi pagi ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.07 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

2.32 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mungkin tidak ada kuorum ini. Tuan Pengerusi, boleh saya ambil bahagian fasal 2 iaitu mengenai anggota suruhanjaya dan tempoh jawatan. Bila kita meneliti apa yang tertera di klausa ini, nampaknya ini adalah dibuat seperti yang telah dihuraikan oleh Dato' Seri Menteri sebelum ini bahawa ini adalah untuk *to comply* kepada arahan yang telah diberi oleh International Coordinating Committee (ICC) dan mengikut apa yang dikehendaki oleh Paris Principles. Sebenarnya saya tidak dibenarkan dan dilucutkan hak saya untuk berbahas pagi ini.

Di antara perkara yang saya ingin bawa untuk perhatian Dewan yang mulia ini termasuk Yang Berhormat Menteri, adalah prinsip-prinsip Paris Principles. Satu di antaranya adalah kita tidak boleh melucutkan hak seseorang. Ini termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang

Berhormat Ipoh Timur juga. Pada pagi ini bila saya baca dengan teliti, di antara perkara-perkara tertera di dalam Paris Principles.

Soalan saya adalah, apakah yang telah ditulis oleh ICC kepada kerajaan untuk apa yang perlu dibuat sebelum ia dapat boleh dikatakan kualifikasi untuk berada dalam (a)? Itu soalan saya yang pertama. Nombor dua...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pada peringkat ini kena spesifik Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, spesifik. Saya boleh..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Clause by clause* ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, *clause*. Itulah sebabnya Tuan Pengerusi, saya hanya pada setakat ini bangun untuk membahaskan *clause 2* sahaja. Saya tidak ingin pergi ke *clause 3* kerana *clause 3* pun ada banyak yang saya hendak cakap. Kalau kita tengok macam anggota suruhanjaya hendaklah dilantik dari kalangan lelaki dan wanita dari pelbagai latar belakang.

Nampaknya Tuan Pengerusi, ini adalah kerana nampaknya *on the face of it* dengan izin, adalah merangkumi apa yang dikehendaki oleh prinsip-prinsip Paris Principles. Apa yang saya hendak tanya, apa yang khusus yang telah ditanya oleh ICC di dalam hal ini? Itu nombor satu. Yang keduanya, saya difahamkan Tan Sri Abu Talib iaitu Ketua Suruhanjaya Hak Asasi sekarang berada di Geneva dengan beberapa anggota *commissioner*. Begitu juga saya telah difahamkan bahawa surat telah dihantar kepada kementerian lebih kurang satu tahun dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan saya yang berkaitan Yang Berhormat Sri Gading, adalah kenapa ia telah mengambil masa satu tahun untuk menyiapkan rang undang-undang ini dan membawa ia sebegini lambat ke Dewan Rakyat? Kalau kita baca fasal 2 Tuan Pengerusi, nampaknya di antara kehendak yang ada spesifik di fasal 2(3), "Anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia."

Ini yang saya hendak sentuh Tuan Pengerusi. Setakat ini pada pengetahuan saya, 18 orang yang telah dilantik menjadi anggota Suruhanjaya Hak Asasi di negara ini. Di antara latar belakang kalau kita tengok Tuan Pengerusi, adalah orang-orang yang tidak ada kena-mengena langsung dengan hak asasi.

Sebenarnya mereka adalah anti hak asasi dan ini saya kawatir walaupun pada tahun 1999, kita ada prinsip-prinsip Paris Principles dan sebagainya. Kenapa ia tidak diimplementasikan? Itu soalan susulan saya dan saya hendak tahu dengan adanya rang undang-undang ini dengan '*speedy gonzales*' ia dibawa ke Dewan Rakyat hari ini, adakah kita akan mengikuti dan mengimplementasikan semua kehendak prinsip-prinsip Paris Principles? Di

antaranya saya rasa adalah 3(a) ke (g) di mana *racial discrimination by increasing public awareness*, dengan izin saya baca, “*to publicise human rights and its efforts to combat all forms of discrimination in particular, racial discrimination by increasing public awareness especially through information and education and by making use of press organs*”.

Tuan Pengerusi, saya kluatir prinsip Paris Principles ini. Walaupun hajat rang undang-undang ini adalah untuk merangkumi kehendak Paris Principles ini. Akan tetapi *we are short of it*. Di antaranya macam katakan, *press freedom* di mana seperti Harakah dan Suara Keadilan yang telah diberhentikan untuk mengeluarkan surat-surat khabar tersebut. Bukankah ini bertentangan dengan prinsip-prinsip Paris Principles? Saya kluatir, walaupun kita ada rang undang-undang yang akan diluluskan hari ini, ia akan bertentangan dan ini adalah soalan saya yang khusus. *What is the real meaning* dan akibatnya dalam hal ini? Akhir sekali Tuan Pengerusi, boleh saya dapat kebenaran Tuan Pengerusi? Saya hanya akan berhujah mengenai fasal 2. Fasal 3 saya akan hujah sekejap lagi kerana tidak *to confuse* Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan yang menyeluruh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sekali Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal 1 hingga 4, sekali ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, tidak mengapa. Kalau sekali banyak lama Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tapi kerana spesifik Yang Berhormat. Kita dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, saya pun spesifik. Kalau perlu kerana saya rasa (i), (ii) itu semua pun ambil masa. Kalau kita tengok dalam Tamil, Chinese itu lain tetapi itu pun perlu. Kalau kita perlu dalam spesifik, *I can go specific to (i)*. Kalau kita baca (i), itu *different*. Dalam English punya artikel itu lain, Tamil itu lain.

■1440

Jadi, itu antara perkara yang perlu Yang Berhormat Menteri ambil kira. Kalau sedemikian saya akan masukkan dengan penuh. Saya juga difahamkan, adakah bukan benar bahawa rang undang-undang ini dibawa tergesa-gesa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu yang tidak spesifik, Yang Berhormat. Itu terlalu luaslah, Yang Berhormat. Kita pergi kepada perkara, contohnya tadi perkara 3, 2(3), 6 sepatutnya begitu. Kalau ada cadangan Yang Berhormat untuk mengubah perkataan dan menambah perkataan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: No. Pada masa ini, Tuan Pengerusi dengan *respect*, itu mendapat *intention of Parliament*. Jadi kita perlu hujahkan apa yang tertera di sini supaya kalau...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau pada peringkat dasar Yang Berhormat boleh menyentuh lebih luas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan pada peringkat dasar, pada peringkat *Committee*, Tuan Pengerusi, supaya memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menghuraikan, apakah asasnya rang undang-undang ini terutamanya pada fasal-fasal ini.

Saya akan masuk sekali lagi iaitu panel penilaian yang diambil kira oleh Perdana Menteri memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong. Tuan Pengerusi, ini bercanggah dengan fasal 3. Fasal 3, Ketua Setiausaha Negara akan menjadi Pengerusi. Siapa itu Ketua Setiausaha Negara? Dia adalah *right-hand man* kepada Perdana Menteri. *He is the main man - administrative man*. Macam mana dia boleh menjadi seorang Pengerusi walhal *committee* dia yang akan membuat keputusan dan saya difahamkan proses itu sedang dijalankan sekarang!

Sebenarnya ada lobi-lobi yang tertentu, yang selalu berjumpa dengan Perdana Menteri untuk mendapat jawatan-jawatan sebagai *commissioner* dalam Suruhanjaya Hak Asasi ini. Soalan saya adalah, kenapa hingga sekarang hanya 18 orang sahaja yang dilantik bukan 20 orang dan bukan orang yang betul-betul terlibat dalam hak asasi. Kita ada ramai di antara *commissioner* yang tidak ada kena-mengena dengan hak asasi yang telah dilantik. Adakah selepas rang undang-undang ini diluluskan ini semua akan mengikut bukan sahaja kehendak *the coordinating body ICC*, tetapi juga *Paris Principles*.

Saya akan habiskan ini buat sementara dan saya akan masuk balik, jika perlu untuk berhujah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

2.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya merasa sangat kesal bahawa perbahasan ini, satu rang undang-undang yang begitu mustahak dijalankan begitu tergesa-gesa tanpa masa yang cukup untuk bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga NGO-NGO masyarakat madani untuk timbang, kaji dan memberi input. Ini melanggar prinsip bukan sahaja hak asasi tetapi juga *Paris Principles 1991* yang kita cuba dalam rang undang-undang ini untuk dipenuhi, oleh kerana adalah amaran daripada *International Coordinating Committee of National Human Rights Institutions*, satu badan Bangsa-bangsa Bersatu yang memberi satu tahun amaran bahawa Suhakam akan *downgrade* daripada kategori A kepada kategori B, oleh kerana tidak memenuhi kehendak *benchmarks* dalam *Paris Principles*.

Kalau inilah tujuan rang undang-undang ini dan peruntukan fasal-fasal di peringkat Jawatankuasa, apa yang kita buat hari ini ialah menentang tujuan ini tentulah kerana cara kita meluluskan rang undang-undang ini tanpa menghormati semangat hak asasi, tanpa mengikut semangat *Paris Principles* akan diambil kira oleh *ICC National Human Rights Institutions*, apabila buat kajian sama ada *downgrade* SUHAKAM daripada kategori A kepada kategori B atau tidak. Ini menunjukkan bahawa kita langsung tidak ada niat atau tidak ada *political will* untuk

mengadakan satu suasana (*environment*), di mana hak asasi mengikut Akta SUHAKAM untuk memberi perlindungan dan untuk memajukan hak-hak asasi.

Saya rasa ini sangat dikesalkan. Sungguhpun saya ada buat banyak *homework*, tetapi oleh kerana kita di peringkat Jawatankuasa, saya tidak boleh dan tidak mahu bangkit banyak hal dan isu yang pokok mengenai hak asasi. Sebenarnya setelah 10 tahun Suhakam diwujudkan, kita dalam perbahasan ini sepatutnya dilengkapkan dengan satu laporan prestasi SUHAKAM dalam memajukan dan melindungi hak asasi di Malaysia sama ada kita buat kemajuan atau sebalik. Akan tetapi satu perkara sahaja dan saya pun ada bangkitkan, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Oleh kerana kalau kita tidak boleh jawab, ini menunjukkan apa guna kita memberi kelulusan rang undang-undang ini kalau kita tidak berhasrat untuk melaksanakan apa yang diisikan dalam rang undang-undang ini. Ini ialah mengenai perkara ataupun seksyen 21 dalam Akta Suhakam bahawa dengan izin: "*The Commission shall not later than the first meeting of Parliament of the following year, submit an annual report to Parliament of all its activities during the year to which the report relates*".

Hari ini ialah hari yang terakhir untuk Laporan Suhakam 2008 dikemukakan, dibentangkan dalam Parlimen. Kenapa ini berlaku? Bukan oleh kerana Suhakam tidak buat laporan, sudah buat laporan! Sudah kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri! Saya dapati Yang Berhormat Menteri ambil pendirian laporan itu tidak diluluskan oleh Kabinet. Makna kata dalam Akta Suhakam bahawa Laporan Suhakam perlulah diluluskan, diberi kebenaran oleh Kabinet barulah dibentangkan dalam Parlimen! Ini melanggar dengan hasrat dan kehendak rang undang-undang kita, akta yang diluluskan. Kalau inilah contohnya, apa guna kita meluluskan rang undang-undang di hadapan kita kalau tidak ada kehendak, kemahuan pihak kerajaan untuk mematuhi isi kandungan dalam rang undang-undang ini?

Saya harap Yang Berhormat Menteri, boleh berikan jawapan. Adakah dia sekarang menjadi halangan utama kenapa Laporan SUHAKAM tidak dibentangkan. Sungguhpun dia bertanggungjawab mengenai portfolio hak asasi, nampaknya dia sudah menjadi satu musuh hak asasi, oleh kerana tidak mahu membentangkan Laporan SUHAKAM di Dewan yang mulia ini. Sampai sekarang sudah sembilan tahun Laporan SUHAKAM yang setiap tahun dibentangkan tidak pernah ada masa diperuntukkan bagi satu perbahasan. Itulah antara sebab kenapa kedudukan tahap Suhakam akan *downgrade* daripada A kepada B. Ini adalah kerana prestasi Suhakam yang menunjukkan bahawa ia bukan satu badan yang berwibawa, bukan sahaja dalam isi soalan dari pelantikan keanggotaan, tetapi *mandat*nya tidak ada kebebasan mengenai kelancaran urusan Suhakam.

Di sini saya mahu – pagi saya ada kata bahawa oleh kerana masa yang begitu pendek untuk perbahasan ini, saya ada bercadang untuk buat beberapa pindaan. Saya mahu kemukakan beberapa pindaan di sini.

Pertama ialah satu pindaan dan saya akan sebut sebagai subseksyen baru 1A yang meminda seksyen 2 Akta Ibu, Tafsiran mengenai hak asasi manusia seperti yang berikut, dan saya baca, "*Batalkan bahagian ayat selepas perkataan "merujuk kepada kebebasan asasi bagaimana" dan digantikan dengan "...dan dijamin di bawah Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan atau yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian, konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya..."*"

Bolehkah saya beri satu *copy* oleh kerana sungguhpun mengikut peraturan perlulah notis satu hari, tetapi Tuan Pengerusi ada kuasa untuk mengecualikan kehendak itu kalau keadaan memerlukan. Inilah keadaan memerlukan oleh kerana begitu pendek bagaimana kita ada masa untuk kaji dan mendalami rang undang-undang ini.

■1450

Ini mustahak oleh kerana mengenai *mandate*, mengenai sama ada kita mahu berjaya. Apa guna kita tergesa-gesa meneruskan pindaan ini kalau akhirnya di Geneva, ICC National Human Rights Institution menolak dan akhirnya ke tahap SUHAKAM *downgrade* daripada A kepada B. Ini menunjukkan kita gagal, sia-sia sahaja. Sebab ujian ini dibuat oleh kerana yang pertama, komposisi proses pelantikan tetapi juga mandat bahawa definisi hak asasi tidak cukup komprehensif yang perlu termasuk semua konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya dan ini mustahak.

Kalau tidak, apa guna kita melanggar *Paris Principle*, semangat hak asasi dan juga tradisi-tradisi Parlimen tergesa-gesa luluskan undang-undang ini akhirnya di Geneva kita ditolak. Saya harap bahawa ini akan ditimbang dengan serius. Saya pun ada cadangan yang kedua bahawa seksyen baru 1B yang meminta seksyen 4 akta ini. Saya ada *copy* di sini dan saya ingin meminda seksyen 4 akta ini. Kalau boleh letakkan ayat selepas perkataan "pengisytiharan sejagat..."

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh baca tetapi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, itu kedua.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dengar dulu. Yang Berhormat boleh baca tetapi saya tidak akan putuskan bahawa Yang Berhormat boleh kemukakan dalam bentuk seperti dikecualikan berpuas hati bahawa pengerusi tidak dapat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak puas hati ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak menggunakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak puas hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh baca tetapi soal untuk tidak memberi notis tidak wujud dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu perlu satu hari notis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sungguhpun Yang Berhormat Menteri tidak satu hari notis pun. *I mean* patutlah *has the right to say no* kepada pihak pembangkang. Patut pun ada *right to say no* kepada Menteri oleh kerana dia memohon memendekkan masa notis supaya tergesa-gesa mahu luluskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, memohon untuk menggesa-gesa meluluskan dan membawa tidak berbangkit, Yang Berhormat. Saya telah putuskan pagi tadi bahawa usul ini tidak ada bercanggah dengan peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: Tidak bercanggah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Usul pagi tadi tidak bercanggah dan yang diputuskan pagi tadi ianya menurut peraturan dan tidak bercanggah dengan peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya kemukakan dulu. Yang kedua, meminda seksyen baru 1B, meminda seksyen 4 Akta Ibu seperti yang berikut, peletakan bahagian ayat selepas perkataan "*pengisytiharan sejagat hak asasi manusia 1948*" dan digantikan dengan "*dan kebebasan-kebebasan asas yang termaktub di dalam perjanjian konvensyen-konvensyen serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang mana Malaysia merupakan sebahagiannya.*"

Ini mustahak oleh kerana saya sebut tadi *mandate*. Berlaku dalam minggu ini, apa yang berlaku di Bukit Selambau di mana pihak polis menembak *tear gas*, *chemical-laced water cannon* terhadap rakyat, bukan orang ramai. Siapa FRU? FRU nampaknya sudah menjadi satu unit untuk mencetus rusuhan dan bukan untuk mencegah rusuhan dan *mandate* dengan latar belakang ini dan kes-kes yang lain, mengenai pengharaman Suara Keadilan, Harakah selama tiga bulan di mana ada wakil-wakil internet *media* tidak dibenarkan, tidak diizinkan untuk menghadiri Perhimpunan UMNO dan lain-lain. Di mana Yang Berhormat Bukit Gelugor didakwa kes *sedition*, Yang Berhormat Puchong digantung satu tahun daripada menghadiri Dewan yang mulia ini. Semua ini menunjukkan bahawa tidak hormat langsung hak asasi.

Sebab itu apa guna kita ada rang undang-undang ini untuk harap bahawa ICC *International Coordinating Committee* mengenai *National Human Rights Committee* apabila dalam kajian boleh terus mengekalkan tahap Kategori A. Tentu tidak akan berjaya. Sebab itu apabila kita bincang mengenai rang undang-undang untuk menyesuaikan kita supaya SUHAKAM bolehlah dapat Kategori A, ini semua sangat relevan dan perlulah pindaan-pindaan ini mengenai komposisi keahlian mengenai mandat, mengenai kebebasan.

Ketiga, saya ada seksyen yang baru ialah seksyen baru 2B meminda seksyen 3 Akta Ibu dengan penambahan yang berikut selepas perkataan "*kaum yang dibuktikan integriti serta kebolehannya dan pernah terlibat dalam aktiviti-aktiviti perlindungan dan pemupukan hak asasi manusia serta bukannya orang yang pernah menjadi calon untuk kedudukan pemilihan dalam pilihan raya sebelumnya yang terdekat.*"

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ada kemukakan 10 tahun dahulu. 10 tahun dahulu apabila kita bahas Akta Ibu SUHAKAM, saya ada cadangkan kalau diterima, hari ini

kita tidak menghadapi masalah bahawa SUHAKAM mungkin *downgrade* daripada Kategori A kepada Kategori B oleh kerana kriteria-kriteria yang perlu memuaskan kajian ICC sudah wujud tetapi sungguhpun kita buat cadangan, ia sangat baik, tetapi ditolak oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu satu SUHAKAM yang bebas, berwibawa yang berkesan dan sekarang kita ada pindaan di sini.

Anggota-anggota kita tidak mahu sahaja, apa yang kita ada di sini yang dicadangkan ialah dengan izin, bahawa "*Members of the commission shall be appointed from amongst men and women of various religious, political and racial background, has knowledge or practical experience in human rights.*" Akan tetapi apa yang kita perlu ialah terlibat dalam aktiviti-aktiviti perlindungan dan pemupukan hak asasi manusia, *involved and have a reputable background...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa sudah habis 10 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada 10 minit untuk... Saya ada lagi mahu cakap. Nanti saya boleh berdiri oleh kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Spesifik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, spesifik. Oh ya, saya ada satu lagi pindaan. Nanti saya akan bangkit oleh kerana ada Ahli boleh bercakap lebih daripada satu kali dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 57(2). Tuan Pengerusi, sebelum ini Yang Berhormat Ipoh Timur telah kemukakan tiga cadangan. Saya harap cadangan ini diberi perhatian yang penuh dan ada yang tertera di dalam surat tersebut. Memandangkan kalau kita baca 57(2), dengan *first reading*, dengan izin, "*At least one day's notice of any proposed amendments shall be given. Any proposed amendments of which notice has not been given shall be handed to the Chairman in writing and shall not be moved unless the Chairman is satisfied that in the circumstances it was not practicable to give such notice.*"

Sebenarnya Tuan Pengerusi, semalam lebih kurang pukul 10 pagi baru rang undang-undang ini dibawa ke Dewan ini dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang itu tidak berbangkit lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berbangkit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sekarang perkara Yang Berhormat bawa ialah cadangan pindaan yang dibuat oleh Ipoh Timur.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini adalah berkait, susulan kepada rang undang-undang tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berbangkit. Yang itu telah pun diselesaikan, Yang Berhormat. *The fact that* kita sedang membincang perkara ini maknanya perkara itu memenuhi peraturan mesyuarat rang undang-undang itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, jadi bersangkut paut dengan rang undang-undang itu adalah cadangan pemindaan ini. Maka ini suntikan masa adalah disebabkan kerana kekurangan masa diberi kepada kami di sebelah sini. *It's not the fault of us* kerana Tuan Pengerusi, *with the highest respect*. kementerian telah menerima satu surat daripada ICC lebih daripada satu tahun. 364 hari tidur, bangun pada hari ke 365, bawa ke sini....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap ini diberi perhatian dan saya ingin berbahas mengenai perkara tersebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya telah....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...kerana saya ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya telah putuskan tadi, saya tidak gunakan kuasa saya untuk mengecualikan cadangan Ipoh Timur ini dibuat tanpa melalui notis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: So tiga cadangan pindaan semua ditolak sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak menolak. Yang Berhormat boleh baca tetapi saya tidak anggap itu sebagai satu cadangan tanpa notis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu kemukakan kepada Dewan supaya diputuskan, adakah ini dibenarkan? Dan saya beri notis tadi.

■ 1500

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *I cannot understand*, Tuan Pengerusi. Kalau ini bukan suntikan masa yang dimaksudkan dalam peraturan mesyuarat, apa lagi situasi?. Kalau negara kita dalam peperangan, mungkin itu satu situasi yang lain. *I cannot understand any other situation*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu keputusan saya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak tahu apa kedudukan tiga pindaan yang saya kemukakan. Adakah ia dibenarkan atau ditolak?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak menerima itu sebagai satu usul tanpa notis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sekarang saya dengan rasmi kemukakan cadangan dan meminta bahawa keperluan satu hari dikecualikan oleh kerana keadaan yang khas di mana Yang Berhormat Menteri sudah menyalahgunakan kuasa peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya telah buat keputusan, Yang Berhormat bahawa cadangan Yang Berhormat itu adalah sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak. Saya bercadang mengemukakan sebagai usul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dan saya tidak berhasrat untuk mengecualikan usul ini dalam bentuk tidak perlu notis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan ditolaklah? Tuan Pengerusi telah menolak cadangan ketiga-tiga pindaan daripada saya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menolak dari sudut ia perlu dalam bentuk notis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Macam boleh beri notis kalau....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa takut undi? Akan *corrupt? Division*. Perlu *division*kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah, Yang Berhormat. Tidak payah pertikaikan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri tidak bagi satu hari notis pun. Macam mana boleh ada satu hari untuk bagi notis?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, macam mana? Kita tidak dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, di sini memerlukan budi sekiranya jika Tuan Pengerusi berpuas hati bahawa tidak dapat dikeluarkan pemberitahuan. Bermakna, usul tanpa pemberitahuan jika Tuan Pengerusi berpuas hati. Saya putuskan bahawa saya perlu pemberitahuan satu hari notis daripada usul.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri dapat tanpa satu hari notis. Macam mana ada satu hari notis?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah pertikaikan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, *with the highest respect we will be the laughing stop of our country* Tuan Pengerusi. Seluruh dunia. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu tanggapan Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukankah di sini *Minister* dapat *special treatment*. Dia boleh dikecualikan. Akan tetapi di sini oleh kerana *special treatment* kita tidak boleh dikecualikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berbangkit, Yang Berhormat. Peraturan rang undang-undang dibaca. Saya telah putuskan pagi tadi yang mengundi peraturan. Saya juga tidak pernah menggunakan budi bicara saya memenuhi peraturan. Tidak payah

bangkit. Mungkin sudut pandangan Yang Berhormat berbeza daripada saya tetapi itulah keputusan saya, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau ini boleh minta penjelasan, bagaimana kalau sesuatu itu kurang daripada satu hari notis kita hendak buat apa-apa pindaan. Bagaimana boleh memberi satu hari notis. Boleh bagi *[Disampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Humanly impossible. Humanly impossible.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh bagi penjelasan supaya kita boleh ikut dan akur kepada Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis, Yang Berhormat. Saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab, ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Keputusan sudah dibuat. Tidak boleh diubah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada. Tuan Pengerusi, sebagai Tuan Pengerusi mesti beritahu cara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada lagi isu, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beritahu cara bagaimana ia boleh dibuat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Pagi ini bila saya keluar dari Dewan. Ada orang mengatakan dengan sengaja rang undang-undang ini dipercepatkan pagi ini kerana untuk mengelakkan Yang Berhormat Ipoh Timur berbahas dan membawa pemindaan rang undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *We should not give impression of that nature.* Saya khuatir ada rakyat negara ini akan mendapat persepsi tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nampaknya sekarang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Rakyat bebas membuat persepsi mereka.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak boleh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu berbeza. Satu daripada persepsi yang akan dibuat oleh rakyat, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Persepsi....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Satu daripadanya. Banyak lagi persepsi yang lain boleh dibuat, ya. Sekarang peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, ini soal penjelasan Tuan Pengerusi, penting dalam kes ini iaitu Yang Berhormat Menteri patut memberi penjelasan. Kita bentangkan pindaan rang undang-undang. Notis diperlukan oleh Tuan Pengerusi satu hari. Sekarang ini kalau dibentangkan, kita tidak dibenarkan bawa apa-apa pindaan tanpa satu hari

notis. Jadi maknanya, cadangan Yang Berhormat Menteri itu harus diterima mutlak atau ditolak mutlak. Jadi saya hendak tanya peraturannya macam mana? Bagaimana kita hendak *resolve* keadaan yang pada kami mungkin buntu?. Jadi kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Notis satu hari. Semalam, pukul 10 pagi, saya ada buat *first reading* semalam. Pada pukul 10 pagi, *first reading* berkenaan dengan rang undang-undang ini. Apabila ditanya oleh Tuan Pengerusi yang pada ketika itu Speaker bertanya bilakah bacaan kali kedua dan ketiga, saya kata dalam sesi ini iaitu semalam. Kalau kita ada akal, kita tahulah ia akan dibincangkan pada hari ini.

Jadi, sepatutnya apa-apa pindaan yang hendak dibuat boleh dihantar pada petang semalam dan ia cuma lima muka surat sahaja. Bukannya sampai tiga puluh, empat puluh ataupun satu akta yang baru. Cuma lima muka surat. Saya tidak fahamlah kalau lima muka surat perlu sampai tujuh hari, apakah kualiti Ahli Parlimen kita?. Jadi sebab itu pada saya notis cukup diberi. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak hantar semalam, itu bukan salah saya. Notis telah diberi satu hari dan ia akan dibahas atau dibentang pada hari ini. Jadi sebab itu bagi menjelaskan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, notis satu hari yang memang mencukupi telah pun diberi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.* Bukankah benar bahawa Yang Berhormat Menteri pernah membuat satu jaminan terbuka atau *publicly* bahawa dalam Parlimen yang baru ini tidak akan mengadakan rang undang-undang dikemukakan tanpa sekurang-kurangnya dua minggu notis? *In public!* Dalam perkara mungkin meluas, *special circumstances* tapi bukannya ini patutlah membenarkan pindaan dikemukakan supaya kita boleh bahas untuk kebaikan negara supaya kita boleh dapat nama baik di Geneva.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Notisnya bahawa rang undang-undang ini akan dibahas pada hari ini. Semua tahu, ya. Itulah notis yang kita beri dan pada saya tujuan yang saya tarik ke atas sebenarnya adalah untuk memberi kita masa untuk membahaskan perkara ini. Kalau ia disenaraikan yang ketiga, itu sudah *towards the end* kita punya *session*. Oleh sebab itu saya letak nombor satu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat menghabiskan masa dengan *point of order*, itu bukan salah saya. Saya hendak bagi ruang yang luas untuk kita bahas. Lima muka surat saja. Tidak perlu sampai tujuh atau empat belas hari, ya.

Jadi sebab itulah kalau masa yang telah saya harapkan digunakan untuk perbahasan yang bermakna dihabiskan dengan *point of order* yang tidak ke mana, itu bukan salah saya. Jadi sebab itu saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong duduk dulu Yang Berhormat Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...akan perjelaskan apa yang dibangkitkan dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya berkenaan dengan apakah sebenarnya sebab kita membawa rang undang-undang ini. Apakah yang dikatakan oleh ICC sehinggakan kita terpaksa meminda. Saya amat *apologetic*. Memang sebagai warga *United Nation* kita kena akur dengan apa yang dikehendaki oleh *United Nation*, ICC. Oleh sebab itulah kita pinda. Kalau kita tidak pinda, Yang Berhormat marah juga. Tidak ikut apa yang dikehendaki oleh ICC. Bila kita ikut pun marah juga.

Cara bertanya kepada saya seolah-olah menunjukkan. Itu bukan menolong. Saya tengok itu lebih kepada hendak mengatakan kita kena *warning*lah. Tidak mengapa. *Warning* atau amaran tidak mengapa.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kira yang memberi amaran kepada kita ini ialah *United Nation*, maka kita akurlah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah yang hendak kita pinda dan Yang Berhormat tanya apakah isi kandungan surat itu. Dia mengatakan pihak ICC berpendapat bahawa SUHAKAM tidak menepati prinsip-prinsip Paris sepenuhnya atas sebab-sebab berikut.

- (i) Peruntukan mengenai proses pelantikan dan pemecatan anggota suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 597 adalah tidak jelas dan telus. Menerusi pindaan inilah kita hendak jadikan dia sebagai jelas dan telus;
- (ii) kita tidak menepati kerana keperluan pengetahuan atau pengalaman berhubung hak asasi manusia tidak diletakkan sebagai kriteria bagi pelantikan seseorang anggota suruhanjaya. Itulah yang kita masukkan dalam pindaan rang undang-undang ini. Iaitu keperluan kepada pengetahuan dan pengalaman berhubung hak asasi manusia. Kita masukkan;
- (iii) tiada peruntukan dalam Akta 597 berhubung pernyataan organisasi awam dan pihak lain dalam proses pelantikan dan pencalonan anggota suruhanjaya. Itu juga yang kita masukkan; dan

- (iv) tiada jaminan diberikan dalam memegang jawatan sebagai anggota suruhanjaya berikutan kepada tempoh terhad dua tahun yang telah ditetapkan. Itu juga kita masuk untuk memberi jaminan.

■1510

Jadi ini semua perkara-perkara yang ...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, nak bagi laluan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini semua ialah kerana di atas kehendak ICC supaya untuk kita dapat mempertahankan SUHAKAM di peringkat gred A, mesti dibuat, inilah yang kita buat. Jadi apa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Tidak bawa rang undang-undang, dua bulan dulu, satu bulan dulu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita telah, apabila mereka telah memberi notis kepada kita iaitu pada bulan April yang lepas, maka kita telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan mengenai isu ini dan kertas pertimbangan mengenai cadangan oleh SUHAKAM berkaitan pindaan dan pandangan dari agensi-agensi kerajaan telah dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri pada 13 Oktober. Ini memakan masa.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lima muka surat sahaja makan masa satu tahun, lima muka surat saja!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Proses dia, proses dia...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lima muka surat saja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Proses dia bukan apabila bagi bulan April, terus boleh buat, Yang Berhormat pun tahu juga. Kita pilihan raya tahun lepas kan, 2008 kita pilihan raya. Kemudian lepas pilihan raya kita ada proses baru nak menyiapkan rombakan Kabinet dan macam-macam semua.

Seorang Ahli: Macam-macam.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Patutlah Kabinet lemah ni.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mesyuarat yang pertama bagi Parlimen yang kita buat ialah pada bulan Mei atau Jun kalau tak silap saya. Ini semua, Yang Berhormat bukan tak tahu, kalau kita sedia awal pun untuk nak bawa rang undang-undang ke Dewan Rakyat, sidang kita banyak masa dihabiskan dengan titah ucapan Agong, perbahasan, perbekalan tambahan, ini memakan masa. Sehingga kan pada hari ini pun, kita cuma ada tiga hari sahaja. Yang Berhormat bukan tak tahu, rang undang-undang kita banyak. Ia mesti mengikut giliran yang mana perlu didahulukan. Jadi inilah sebabnya mengapa ia terlewat

sehinggakan pada tahun lepas kita tidak ada masa sebenarnya untuk membahaskan perkara ini. Jadi sebab itu ia tidak boleh dilihat

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cakap tak cukup masa, tak ada masa cerita tentang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia tidak boleh dilihat sebagai...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kalau maknanya surat hantar bulan Mac, dalam sesi pertama tahun lepas boleh dibuat sudah, tidak begitu? Tidak begitu? Jadi sebab itu...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu hari ini, ini hari yang terakhir, kita tidak ada pilihan, kita kena bawa dalam sidang ini juga. Jadi itulah yang berlaku yang saya perlu perelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian Yang Berhormat ...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya mahu bahas nanti ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah jawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya rasa macam cadangan-cadangan, walaupun terlewat tetapi kepada saya, saya ingin menyatakan kalau sekalipun dia...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, *point of order*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau sekalipun ia boleh diterima, saya ingin nyatakan bahawa ...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *point of order* Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah dia duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Saya ingin nyatakan bahawa apa Yang Berhormat cakap tadi itu sebenarnya tidak disuruh oleh ICC.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah arah Yang Berhormat, saya boleh aturkan Yang Berhormat, tak payah arah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita ikut apa yang ICC minta kita lakukan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu menunjukkan tak ikhlas.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia kurang dengar Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau sekiranya macam ada cadangan-cadangan yang dirasakan kita boleh terima, tidak ada masalah kalau ianya ialah untuk kebaikan rang undang-undang.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat Balik Pulau, *point of order* dari Yang Berhormat Bukit Gelugor. Ya *point of order* mana satu Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, ini adalah 36(12), Menteri ini mengelirukan Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlulah Yang Berhormat, ini tidak melibatkan hak dan kebebasan. Tidak perlu Yang Berhormat, 36(12).

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jawapan dia Tuan Pengerusi, kami belum habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu rujuk, tidak ada berkaitan untuk dirujuk Menteri kepada hak dan kebebasan kerana dia tidak mengelirukan Dewan dan tidak perlu dirujuk.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, perbahasan ada ditamatkan atau belum lagi? Dia jawab sebelum ditamatkan, bolehkah dia buat demikian?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *don't argue standing of point of order* Yang Berhormat, *you are on Point of Order 36(12)*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *That's right.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, jangan gunakan untuk bertanya sama ada perkara lain, 36(12) tidak berkaitan. Yang Berhormat sudah siap Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah jawab Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, bukan, mahu bahas ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, penjelasan daripada jawapan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu terserah kepada Menteri untuk ..

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, *human right is not a monopoly of a government.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kita mahu bahas di sini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Human right is about...*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kalau melanggar undang-undang pun ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita cuma ada perkara 1 dan 4. Yang telah dibaca tadi ialah perkara 1 dan 4 sahaja Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya telah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah habis jawab ya?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mahu bahas fasal 1 hingga fasal 4.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah berhenti, sudah habis jawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tiba-tiba berhenti.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jawapannya memerlukan perbincangan, jawapannya sendiri menimbulkan kekeliruan, jawapannya kita hendak tanya penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kecuali Menteri mengizinkan untuk mencelah dan penjelasan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Mood* dia hari ini tidak beri, apa-apa dia tidak beri. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah ...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya membantah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ... rang undang-undang. Dah habis, dah habis Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kenapa tiba-tiba? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, saya akan tanya Menteri sama ada Menteri dah menjawab habis soalnya. Yang Berhormat Menteri, ada lagi yang perlu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, fasal dia 1-4 khusus, yang dibangkitkan perkara yang tidak khusus. Jadi saya tidak perlu jawab yang lain-lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, sudah habis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Khusus, khusus, khusus, fasal 2, fasal 3, dasar tak boleh bahas, jawatankuasa tak boleh bahas. Parlimen apa? *[Dewan riuh]* Tuan Pengerusi, dengar tak Tuan Pengerusi, ini sangat khusus, fasal 2, fasal 3.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berbangkitlah Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Menteri dah jawab habis. 26(1)(c) tidak berbangkit dalam hal ini. *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka, maaf-maaf. *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan berapa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belah bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Division*, ambillah undi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: 15 orang bangun ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada kah? *Have you brought all your generals and army men?*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih dari 15 orang bangun untuk meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

■1520

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah:

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 50. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju berjumlah 39. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU:

50

YANG TIDAK BERSETUJU:

39

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2008**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 atau Akta 555 telah mula dikuatkuasakan pada 31 Disember 1997.

■1530

Penguatkuasaan akta ini adalah bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Di dalam akta ini telah digariskan antara lain prosedur penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pendidikan tinggi swasta atau IPTS. Selain itu, akta ini turut memperuntukkan kuasa kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Perkembangan sektor pendidikan tinggi swasta telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan modal insan negara. Sehingga 31 Disember 2008, terdapat seramai 399,852 orang pelajar yang mengikuti pelbagai peringkat pengajian di IPTS manakala seramai 403,009 orang pelajar di institusi pengajian tinggi awam atau IPTA. Bagi tempoh sehingga akhir bulan Februari 2009, terdapat 506 buah IPTS yang berdaftar iaitu 19 bertaraf universiti, empat kampus cawangan universiti luar, 18 bertaraf universiti kolej dan 465 institusi atau kolej. Dari sudut lain pula, sektor pendidikan tinggi swasta mendukung tugas yang penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan khususnya melalui pengambilan pelajar antarabangsa.

Berdasarkan maklumat sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 70,259 orang pelajar antarabangsa sedang mengikuti program pengajian di negara ini. Daripada jumlah itu, seramai 49,916 orang berada di IPTS dan selebih 20,343 orang di IPTA. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, sektor pendidikan tinggi swasta telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan serta memajukan bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi berpandangan bahawa

sektor ini perlu terus diberi perhatian serius dan perkembangannya perlu dipermudahkan lagi bagi menyokong pembinaan daya saing sektor pendidikan tinggi swasta.

Oleh yang demikian, pindaan kepada akta sedia ada adalah diperlukan untuk memperkemas peruntukan sedia ada khususnya bagi memenuhi keperluan semasa sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Selain memperkemas peruntukan akta sedia ada, keperluan untuk meminda Akta 555 ini juga didorong dengan hasrat untuk mengukur dan memperjelaskan lagi bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi sebagai organisasi yang bertanggungjawab ke atas urusan kawal selia hal-hal berkaitan pengajian tinggi swasta. Langkah ini adalah selaras dengan penstrukturan Kementerian Pendidikan Tinggi kepada dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2004.

Di bawah penstrukturan tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi telah dipertanggungjawabkan ke atas semua aspek berhubung pendidikan tinggi dan skop tugas yang lebih berfokus. Ini memerlukan Kementerian Pengajian Tinggi memperkemas semua proses kerja berkait dengan pendidikan tinggi termasuk di sektor pendidikan tinggi swasta. Justeru, pindaan akta ini akan membantu Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan proses kerja yang lebih teratur dan berkesan bagi memastikan sektor pendidikan tinggi swasta terus berkembang tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan yang ditawarkan. Satu lagi faktor penting yang mendorong Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengusulkan pindaan ini adalah berikutan pemansuhan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 Akta 556 atau yang telah dikenali sebagai LAN.

LAN telah digantikan dengan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, Akta 679 ataupun MQA yang telah dikuatkuasakan pada 30 Ogos 2007. Di bawah Akta MQA ini, beberapa peruntukan baru telah diwujudkan yang mana turut memberi kesan kepada peruntukan sedia ada di bawah Akta 555. Antara perkara yang dimasukkan adalah peruntukan berhubung keperluan mendapatkan perakuan akreditasi bagi setiap program pengajian yang ditawarkan serta pelaksanaan audit institusi di mana telah melibatkan perubahan besar dalam prosedur kerja di Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia ataupun singkatannya MQA iaitu *Malaysian Qualification Agency*, dengan izin. Bagi memastikan pindaan yang dicadangkan ini dapat memenuhi keperluan *stakeholders*, Kementerian Pengajian Tinggi telah mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya wakil persatuan-persatuan IPTS dalam pengubalan pindaan ke atas Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini.

Melalui permuafakatan ini, beberapa sesi perundingan telah pun diadakan dan semua pihak telah diberi peluang menyuarakan pandangan serta berkongsi idea di dalam menyediakan cadangan pindaan. Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini akan mendorong kepada pencapaian lima matlamat utama iaitu:

- (i) memperkemas dan memperluas skop akta;

- (ii) pengurangan kerenah birokrasi;
- (iii) mempertingkatkan ketelusan;
- (iv) mempertingkatkan sistem *governance* IPTS; dan
- (v) memantapkan kebajikan dan tatacara kelakuan pelajar.

Beberapa tafsiran dalam Akta 555 perlu dipinda bagi memperkemas dan memperjelaskan skop akta. Tafsiran-tafsiran tersebut juga perlu dipinda selaras dengan penguatkuasaan Akta MQA atau Akta 679 contohnya tafsiran kursus pengajian perlu dipinda agar ianya selaras dengan akta tersebut. Beberapa perkataan baru juga perlu dimasukkan dalam pindaan Akta 555 berikutan dengan perkembangan teknologi semasa yang antara lainnya melibatkan penggunaan media elektronik. Pindaan Akta 555 juga akan menetapkan bahawa orang perseorangan tidak boleh mengemukakan permohonan untuk menubuhkan IPTS seperti yang sedia ada tetapi ianya hendaklah dibuat oleh syarikat yang diperbadankan.

Ini adalah bagi memastikan agar pemohon akan lebih serius dalam cadangannya untuk menubuhkan IPTS. Selaras dengan perkembangan beberapa bahasa antarabangsa dan juga bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di IPTS, pindaan Akta 555 juga akan memberi kelonggaran kepada IPTS untuk menggunakan lain-lain bahasa sebagai bahasa pengantar selain daripada bahasa Malaysia tertakluk kepada kelulusan Menteri. Walau bagaimanapun, bahasa Malaysia akan dijadikan mata pelajaran wajib sekiranya IPTS menggunakan lain-lain bahasa sebagai bahasa pengantar. Pindaan Akta 555 juga akan memberi *fleksibiliti* kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menetapkan mata pelajaran wajib yang perlu diajar di IPTS berbanding dengan peruntukan yang sedia ada yang menetapkan mata pelajaran wajib secara khusus.

Cadangan pindaan yang berkaitan dengan perkara ini akan memudahkan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menentukan mata pelajaran wajib berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa. Ia juga akan memberi *fleksibiliti* kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyeragamkan mata pelajaran wajib antara IPTS dan IPTA daripada semasa ke semasa. Selaras dengan matlamat untuk membantu memudah cara, rang undang-undang ini juga mencadangkan pengurangan proses kerja dan kerenah birokrasi melalui penurunan kuasa meluluskan permohonan bagi mengendalikan kursus pengajian daripada Menteri kepada Ketua Pendaftar. Amalan ini juga memberi ruang kepada IPTS mengemukakan rayuan ke peringkat Menteri sekiranya permohonannya ditolak oleh ketua pendaftar. Selain itu, tempoh masa untuk mendaftarkan sesebuah IPTS juga dipendekkan kepada tiga tahun berbanding lima tahun pada masa ini.

Ini adalah untuk memastikan agar pengusaha IPTS benar-benar serius untuk terlibat dalam sektor pendidikan dan tidak melengahkan operasinya. Ke arah mempertingkatkan ketelusan dalam proses membuat keputusan, rang undang-undang ini menetapkan agar ketua pendaftar memaklumkan kepada IPTS alasan-alasannya apabila setiap permohonan IPTS

ditolak. Penetapan ini akan menghindar daripada timbulnya persoalan-persoalan negatif yang mungkin dikaitkan apabila keputusan penolakan dibuat oleh Ketua Pendaftar.

■1540

Selain itu ia juga akan membantu IPTS untuk memperbaiki kekurangan atau kelemahan mereka berdasarkan kepada alasan-alasan penolakan yang dinyatakan secara telus. Pindaan akta ini akan mempertingkatkan lagi sistem *governance* IPTS. Peranan dan bidang tugas Ketua Eksekutif dalam mentadbir IPTS akan dinyatakan dengan lebih jelas berdasarkan kepada peruntukan dalam akta sedia ada yang akan dipinda. Dari semasa ke semasa Kementerian Pengajian Tinggi akan menjalankan audit ke atas IPTS seiring dengan audit institusi yang dijalankan oleh MQA. Melalui proses audit status pencapaian IPTS dipantau secara berkala dan fokus audit akan bergantung kepada keperluan.

Antara aspek yang akan diteliti ialah pengurusan IPTS seperti yang termaktub dalam perlembagaan IPTS berkenaan. Audit juga bertujuan menggalakkan IPTS untuk membuat penilaian sendiri bagi penambahbaikan. Unsur ini merupakan salah satu kriteria yang akan dijadikan syarat bagi memastikan IPTS menepati perancangan dan tujuan asal ditubuhkan. Dan sekali gus ia merupakan senarai semak pada pelan menyeluruh yang dikemukakan pada awal penubuhan sesebuah IPTS. Sehubungan ini Kementerian Pengajian Tinggi perlu diberikan kuasa untuk melaksanakan aktiviti audit ke atas IPTS.

Cadangan pindaan Akta 555 turut mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan pelajar dan tatacara kelakuan mereka. Pindaan Akta 555 akan menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh IPTS berkaitan dengan urusan disiplin pelajar. Melalui pindaan tersebut proses tindakan disiplin ke atas pelajar akan dilaksanakan secara lebih telus dan hak asasi pelajar untuk mendapatkan keadilan dalam sesuatu prosiding tatatertib turut diperjelaskan seperti berikut:-

- (i) hak untuk diberitahu alasan sesuatu tindakan disiplin diambil ke atasnya,
- (ii) hak untuk diwakili oleh mana-mana pekerja atau pelajar lain semasa kes perbicaraan,
- (iii) hak untuk membuat representasi secara lisan atau bertulis,
- (iv) hak untuk membuat rayuan bertulis kepada Ketua Pendaftar; dan
- (v) hak untuk diberitahu keputusan sesuatu perbicaraan dan rayuan.

Rang undang-undang ini juga memperjelaskan penglibatan pelajar IPTS dalam persatuan dan organisasi. Di mana ditetapkan supaya perlembagaan sesebuah IPTS tidak boleh mempunyai larangan untuk belajar menjadi ahli sesuatu pertubuhan, persatuan atau organisasi sama ada di dalam atau di luar negara. Walau bagaimanapun pelajar adalah dilarang untuk terlibat dengan entiti-entiti berikut:-

- (i) parti politik sama ada di dalam atau luar negara,

- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh Ketua Pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Ketua Eksekutif dalam konteks ini bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada pelajar senarai pertubuhan yang tidak sesuai yang telah ditetapkan oleh Ketua Pendaftar. Meskipun terdapat larangan ke atas pelajar untuk berpolitik namun rang undang-undang ini masih memberikan pengecualian. Kuasa untuk memberi pengecualian ini adalah dilaksanakan oleh Ketua Pendaftar. Dalam menjalankan kuasa tersebut Ketua Pendaftar atas permohonan pelajar boleh memberi kebenaran untuk terlibat dalam parti politik. Ini akan membolehkan seseorang ahli politik yang bergiat dalam mana-mana parti politik mendaftar sebagai pelajar di IPTS tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya.

Ia juga membolehkan mana-mana pelajar matang untuk terlibat dengan parti politik. Pindaan yang dicadangkan menerusi rang undang-undang ini juga akan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya. Pelajar juga adalah dibenarkan untuk memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya. Dengan syarat seminar atau simposium tersebut tidak di anjur atau ditaja oleh entiti-entiti berikut:-

- (i) parti politik sama ada di dalam atau di luar negara,
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh Ketua Pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Rang undang-undang ini akan turut memperkenalkan peruntukan berhubung penggantungan pelajar yang menghadapi tuduhan atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubung dengan penahanan. Dalam hal ini Ketua Eksekutif dibenarkan untuk mengguna budi bicara sama ada untuk menggantung seseorang pelajar yang didakwa atau mengambil tindakan tatatertib terhadap pelajar yang disabitkan atas kesalahan boleh daftar. Iaitu kesalahan jenayah yang berat seperti mencuri, merogol dan sebagainya.

Rang undang-undang ini juga akan turut menyediakan peluang kepada pertubuhan pelajar yang telah diberikan notis oleh Ketua Pendaftar untuk digantung atau di bubar mengemukakan rayuan bertulis kepada Menteri bersabit dengan keputusan Ketua Pendaftar. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat yang telah saya sebutkan tadi Kementerian

Pengajian Tinggi telah mengenal pasti 45 seksyen untuk dipinda bagi memperkemas, memantap, merombak dan memansuh beberapa peruntukan sedia ada serta menambah peruntukan baru.

Kementerian Pengajian Tinggi menaruh kepercayaan tinggi bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat memantapkan lagi sistem tadbir urus IPTS, mengurangkan kerenah birokrasi serta mempertingkatkan ketelusan. Ia juga akan memberi kebebasan berorganisasi dan bersatu kepada pelajar IPTS dalam spektrum yang dibenarkan. Mewujudkan budaya ilmiah di kalangan pelajar dan menjaga hak dan kebajikan pelajar supaya selaras dengan undang-undang hak asasi manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian Pengajian Tinggi juga berkeyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menjadi landasan dan seterusnya mahu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa. Justeru Kementerian Pengajian Tinggi berharap agar pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Lipis.

3.47 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya berbahas dalam Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. Kita semua tahu bahawa pendidikan merupakan sektor penting kepada negara sejak dahulu kerana ia menyediakan modal insan yang diperlukan bagi pembangunan dan kejayaan. Modal insan terdidik dan terlatih juga menjadi negara lebih mudah menghadapi sebarang cabaran mendatang seiring dengan peredaran masa, pelaburan besar dalam bidang pendidikan kini menjadi antara faktor penyumbang kepada kejayaan negara.

Saya melihat kerajaan memberi penekanan serius terhadap kepentingan pendidikan sebagai penjana kemajuan negara apabila turut memberi galakan dan dorongan kepada penyertaan sektor swasta dalam bidang pendidikan. Penyertaan sektor swasta dalam bidang pendidikan ini sebenarnya bukanlah baru. Mengimbas kembali sejarah perkembangan pendidikan swasta di negara ini sejak 50 tahun lalu kewujudannya bermula atas sebab khusus. Sebelum merdeka kewujudan kebanyakan institusi pendidikan swasta lebih berbentuk institusi keagamaan seperti sekolah pondok, agama dan mubaligh.

Ketika itu institusi pendidikan swasta mempunyai dua peranan iaitu menyediakan pendidikan agama dan mengadakan kelas malam bagi membantu pelajar tercicir atau yang tidak

lulus peperiksaan *Malaysian Certificate of Education* dan *Higher School Certificate*. Bagaimana pun peranan itu berubah sejak tahun 1970-an apabila pengusaha pendidikan swasta mula menawarkan kursus pra universiti dan kemudiannya berkembang pada dekad berikutnya dengan pengendalian kursus pengajian peringkat sijil, diploma dan kelayakan profesional. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pendidikan swasta semakin pesat selepas pengubalan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta pada tahun 1996 juga.

■1550

Kini selepas 50 tahun negara merdeka, penilaian semula patut dibuat untuk melihat sama ada sektor pendidikan swasta terutama institusi pengajian tingginya, secara keseluruhannya mempunyai wawasan dan hala tuju yang selari dengan cabaran terkini, serta masih relevan dalam konteks sekarang supaya institusi itu dapat terus memainkan peranan lebih besar sesuai dengan tuntutan dan keperluan negara.

Institusi pendidikan swasta terutamanya IPTS sebenarnya boleh memainkan peranan membangunkan ekonomi negara menerusi pembangunan modal insan. Jadi saya melihat pertumbuhan IPTS sebenarnya menyediakan peluang sama rata untuk rakyat mendapat akses dan ekuiti dalam pendidikan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti ekonomi negara. Walau bagaimanapun selepas 50 merdeka masih banyak lagi isu pendidikan yang perlu ditangani. Apatah lagi dengan perubahan fokus terutama bidang pendidikan yang bukan sahaja membabitkan isu akses dan ekuiti, malah pendekatan modal insan untuk mempertingkatkan ekonomi serta isu globalisasi yang perlu dihadapi. Lebih-lebih lagi dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia hab kecemerlangan pendidikan. Dalam hal ini saya berharap IPTS memainkan peranan memacu pengantarabangsaan pendidikan dengan memperluaskan pelaburan ke luar negara dan pada masa sama menarik pelaburan pendidikan dari negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fakta amat penting ialah pendidikan memainkan peranan cukup bermakna dalam proses integrasi masyarakat di Malaysia selama ini. Memandangkan hampir separuh pelajar yang mengikuti pendidikan *tertiary* ketika ini berada di IPTS, maka penting untuk melihat semula peranan yang boleh disumbangkan oleh institusi berkenaan dalam proses integrasi antara kaum.

Ini kerana seolah-olah wujud keadaan di mana majoriti pelajar di IPTS, terdiri daripada kaum-kaum tertentu sahaja. Demikian juga di IPTA. Bagi menangani cabaran ini, penyatuan fikiran di kalangan pembuat dasar kerajaan di Kementerian Pengajian Tinggi diperlukan. Ini kerana tanpa keseragaman dasar untuk IPTA dan IPTS matlamat untuk integrasi ini sukar dicapai.

Seperkara lagi ialah cabaran dalam pembangunan IPTS, iaitu pembabitan institusi pendidikan bumiputera yang bertaraf global. Walaupun ramai usahawan bumiputera menceburi sektor pendidikan ketika ini, tetapi hasil kejayaan masih belum begitu besar. Dalam konteks ini

ada tiga perkara penting perlu difahami mereka yang bercadang menjadi usahawan dalam sektor pendidikan, terutamanya apabila orang perseorangan sudah tidak boleh lagi mendaftar dan pendaftaran mesti dibuat melalui syarikat.

Pertamanya ialah pendidikan bukan satu sektor yang boleh memberi pulangan dalam jangka pendek. Oleh itu usahawan sektor pendidikan perlu mempunyai perspektif jangka panjang. Jangan terikut-ikut dengan apa yang popular pada masa ini. Kalau kita lihat sekarang bila popular bidang kejururawatan, maka berlumba-lumbalah pengusaha-pengusaha IPTS membuat kursus-kursus kejururawatan dan mereka mengharapkan agar mendapat sokongan atau bantuan kewangan daripada kerajaan. Kesannya wujud lambakan dari segi siswazah dalam bidang kejururawatan ini. Selalunya gimik atau glamor yang dibuat ialah bidang-bidang jururawat daripada institusi-institusi IPTS ini biasanya laku di luar negara.

Mereka kadang-kadang mengenakan fi yang tinggi untuk mengikuti kursus jururawat. Kadang-kadang pihak kementerian juga harus melihat kerana ada semacam *cartel*, atau pakatan daripada pihak IPTS ini mengenakan sesuatu fi supaya tidak kurang daripada sesuatu bayaran. Kalau fi sebenarnya mungkin RM24,000 sahaja atau RM20,000 tetapi mereka sengaja mengenakan RM40,000 atau RM48,000 dan kalau ada IPTS lain yang hendak membuka kursus yang sama, mereka memberi tahu finya jangan kurang daripada beberapa ribu. Ini kerana kalau kurang, tajaan ataupun mungkin pinjaman dan sebagainya daripada pihak tertentu akan menjadi kurang.

Jadi ini menyebabkan pengusaha ini hanya memikirkan jangka panjang dan kesannya adalah kepada pelajar, kerana mereka kadang-kadang meminjam dan terpaksa membayar balik pinjaman. Jadi pinjaman yang dibuat itu tinggi dan kadang-kadang tidak tercapai atau tidak mampu oleh golongan yang tidak berada. Keduanya saya mengharapkan supaya diadakan satu skim khas disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan usahawan bumiputera ini menceburi sektor pendidikan terutamanya dalam IPTS. Ini kerana kalau kita lihat mereka ini kebanyakannya hidup segan mati tidak mahu, IPTS bumiputera.

Jadi oleh itu mesti ada satu *road map* yang merangkumi kesepaduan polisi sebenarnya yang membabitkan semua pihak terutama di dalam KPT sendiri dan perlu ada pelan strategi untuk mencapai objektif yang dikehendaki itu. Ketiganya operasi sektor pendidikan menuntut faktor modal insan. Pengusahanya mestilah mempunyai kelayakan setara, kesabaran minat dan kecintaan terhadap bidang ini. Sehubungan itu komitmen mesti sentiasa dipertingkatkan sejajar dengan cabaran yang semakin besar dari semasa ke semasa.

Jadi saya mahu IPTS terus memainkan peranan yang semakin besar dan penting dalam sistem pendidikan Malaysia pada masa depan. Berasaskan pada perkembangan sekarang yang menyaksikan perubahan persepsi masyarakat dan majikan terhadap IPTS jelas membuktikannya ia bukan lagi sekadar pelengkap kepada bidang pendidikan sedia ada, sebaliknya memainkan peranan penting yang setara dengan institusi pendidikan lain. Jadi apa yang saya harapkan pihak

KPT terus melihat perkara-perkara ini dan bagi saya perubahan-perubahan yang dibuat, pindaan-pindaan yang dibuat dalam rang undang-undang ini adalah sangat bertepatan pada masanya. Dengan itu saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

3.57 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ringkasnya membangkitkan beberapa perkara di bawah rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa IPTS menyumbang banyak kepada pembangunan pendidikan dan kerajaan juga ingin menjadikan Malaysia sebagai hab pusat pendidikan cemerlang.

Apa yang saya risau Tuan Yang di-Pertua adalah, apakah pihak kementerian ada membuat pemantauan. Sebab kita nampak banyak kolej, universiti-universiti, institut-institut pengajian di mana ia tumbuh seperti cendawan apabila lepas keputusan peperiksaan SPM atau STPM. Ada banyak institusi atau kolej akan mengirim risalah-risalah atau membuat *advertisement*, dengan izinnya dalam surat khabar menawarkan pelbagai kursus serta biasiswa-biasiswa. Jadi yang merisaukan saya, apakah pihak kementerian ada memantau?

Apakah institusi atau kolej IPTS ini mempunyai kualiti tertentu di mana tenaga pengajarnya adalah terlatih. Kemudahannya adalah disediakan dan saya risau juga sebab sebelum ini ada banyak laporan menyatakan, di mana ada kolej-kolej yang tidak mendapatkan pendaftaran. Apabila pihak kementerian membuat *raid*, dengan izin akan mengambil tindakan ke atas kolej tersebut yang gagal didaftarkan atau kursus yang tidak didaftarkan pelajar akan menjadi mangsa. Ke mana boleh pelajar ini mengadu dalam situasi demikian apabila kolej tidak didaftarkan, pihak kementerian mengambil tindakan.

Sebelum ini saya pernah terlibat dalam kes di mana ada kolej-kolej tempatan menggunakan nama kolej menawarkan, di mana pihak kementerian memberikan kebenarannya menawarkan kursus kepada pelajar-pelajar asing dari negara China. Apabila mereka sampai ke kolej, nampaknya kolej tersebut bukan sebenarnya menawarkan kursus pendidikan atau menekan pemberian pendidikan atau kursus tersebut, tetapi lebih cenderung sebagai satu pintu masuk untuk pelajar atas nama 'pelajar' kepada individu-individu asing ini untuk aktiviti yang lain. Jadi ini pernah berlaku, apabila perkara ini diexpose dengan izin, pelajar-pelajar asing yang benar-benar hendak belajar mereka terperangkap.

■1600

Banyak duit telah dibayar, kolej didapati bukan sebenarnya menjalankan tanggungjawabnya sebagai pusat pendidikan tetapi untuk tujuan yang lain. Jadi, *what is safety net* dalam aspek yang sedemikian. Ada kes di mana pernah diadukan. Ada pegawai pihak kementerian nampaknya enggan mengambil tindakan. Dia kata kalau kami pergi menutup, apa yang terjadi kepada pelajar-pelajar asing ini atau pelajar-pelajar tempatan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Kalau mereka diminta untuk dipindah ke kolej yang lain, akan timbul berbagai-bagai masalah. Jadi, ada pelajar di mana dikatakan akan ditawarkan biasiswa. Apabila didapati kolej ini sebenarnya tidak didaftarkan atau ada masalah tertentu, pelajar itu *abandon* dengan izin. Sebab *all this one*, dia berdasarkan biasiswa di kolej tersebut. Jadi, berbagai-bagai masalah yang timbul, yang akhirnya menjadi mangsa adalah pelajar.

Kita menggalakkan lebih banyak kolej tumbuh tetapi bagaimana pula dengan pihak kementerian menjalankan pemantauan? Pada masa yang sama, ada banyak suara sebelum ini kedengaran termasuk di dalam Dewan ini mengatakan bahawa kebanyakan IPTS adalah pelajar-pelajar bukan bumiputera. Ada suara-suara yang mengatakan bahawa bagaimanakah kerajaan akan memastikan lebih pelajar bumiputera di dalam IPTS.

Saya rasa, mungkin ini adalah satu peluang untuk pihak kementerian menjelaskan atau memaklumkan dalam Dewan ini apakah sebabnya mengakibatkan IPTS menjadi tumpuan kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera. Pada pendapat saya kerana mereka tiada pilihan. Bukannya mereka mampu. Ada ramai di antara mereka, ibu bapa yang terpaksa membuat pinjaman. Pinjaman dengan menggadaikan rumah mereka ke bank untuk mendapatkan pinjaman untuk membolehkan anaknya yang mencapai keputusan yang cemerlang untuk melanjutkan kursusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana, IPTA tidak menawarkan tempat untuk mereka.

Jadi, dalam aspek di mana IPTS lebih tertumpu, lebih ramai pelajar bukan bumiputera dan mungkin pihak kementerian boleh maklumkan IPTA bukankah lebih banyak bumiputera. Jadi, dalam aspek ini, pihak kementerian boleh menjelaskan bukannya kerana pelajar-pelajar bukan bumiputera minat sangat pergi ke IPTS. Ini adalah kerana, Tingkatan 6, dua tahun. Mereka tidak larat kerana ia peperiksaan yang paling susah di dunia ini, mengambil masa dua tahun. Mereka hendak masuk matrikulasi tetapi tidak boleh diterima kerana mereka bukan bumiputera dan adalah kerana kuotanya terhad. Ada juga matrikulasi yang khasnya untuk bumiputera sahaja.

Jadi, saya harap kementerian boleh menjelaskan. Dalam aspek ini, di mana ada pelajar bukan bumiputera tertumpu di IPTS bukannya pilihan mereka, mereka tidak ada pilihan.

Pada masa yang sama PTPTN. Saya amat terkejut, saya ada satu kes Tuan Yang di-Pertua di mana pelajar ini mengikuti bidang perubatan, pelajar yang amat cemerlang mengikuti kursus perubatan, lima tahun. Tiga tahun di India, dua tahun di Manipal College Melaka. Beliau memohon bantuan PTPTN untuk tahun terakhir sahaja sebab bapanya telah meninggal. Akan tetapi, permohonan telah ditolak. Berbagai-bagai alasan diberi oleh PTPTN. Kata kerana tidak memenuhi syarat, kerana tidak ambil subjek Fizik. Kalau kursus perubatan ini telah diakui oleh

kementerian, mengapakah PTPTN tidak boleh memberikan bantuan kewangan ini? Ini bukan biasiswa, dia pohon bantuan sahaja, pinjaman.

Jadi, dalam aspek ini, mungkin pihak kementerian boleh meneliti semula, meminta PTPTN mengemukakan atau melonggarkan syarat sebab kalau niat baik PTPTN adalah untuk membantu pelajar yang tidak berkemampuan, saya rasa pihak kementerian ada niat itu juga, mengobjektifkan itu juga. Jangan impian pelajar ini tidak dapat dicapai disebabkan oleh masalah kewangan. Jadi, harap perkara sedemikian pihak kementerian boleh mengambil perhatian. Saya juga kesallah sebab selepas pindaan AUKU yang mengehendkan kebebasan pelajar untuk menyertai parti politik, untuk bersuara, sekarang juga akan dimasukkan dalam pindaan ini.

Saya rasa itu akan menghalang kreativiti dan fikiran *analytical* oleh pelajar-pelajar yang belajar di institusi swasta pada masa kelak seperti yang sedang berlaku di IPTA. Oleh itu, saya memohon perkara-perkara ini diberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

4.06 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Pindaan) 2008. Apabila kita melihat rang undang-undang ini, sesungguhnya peranannya jelas membuktikan bahawa pendidikan swasta di negara kita ini dari segi perkembangannya dalam dekad sekarang ini memang sangat pesat membangun dan perlu dimajukan.

Inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam meminda rang undang-undang ini adalah baik dan kita alu-alukan. Akan tetapi, yang paling penting ialah kita berharap supaya pihak kementerian dapat mengkaji dari segi peranan yang dipertanggungjawabkan dalam rang undang-undang ini terutamanya ia menjurus kepada memperbaiki lagi dari segi pentakrifan beberapa perkara yang berhubung kait untuk pengambilan pelajar dan juga menegaskan bagaimana dengan rang undang-undang pindaan ini bahawa bahasa Malaysia itu akan menjadi teras utama juga dalam pendidikan swasta di negara kita.

Ini memang selaras dan sesuai dengan dasar pendidikan negara ini yang menekankan untuk menjadikan bahasa Malaysia itu sebagai bahasa utama. Sudah tiba masanya juga kita melihat dengan memperkenalkan rang undang-undang seumpama ini. Segala kekurangan yang terdapat dalam pendidikan dan struktur pengurusan pendidikan swasta ini, jika dibiarkan ianya tidak ditadbir melalui rang undang-undang yang teratur dan tersusun. Ini akan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu yang mengusahakan untuk memajukan pendidikan swasta ini sebagai sesuatu bidang yang hanya bertujuan untuk mengaut keuntungan.

Ini kerana saya melihat sejak akhir-akhir ini, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar sebagai contohnya, banyak ejen-ejen daripada pendidikan tinggi swasta ini datang untuk merekrut atau pun mengambil pelajar yang berada di kawasan luar bandar untuk mengikuti kelas dan mengikuti pendidikan yang diajar oleh kolej atau pun institusi yang ditawarkan oleh mereka.

Sebagai contohnya, beberapa tahun yang lepas di kawasan Parlimen saya beberapa orang pelajar yang telah diambil oleh pendidikan tinggi swasta ini untuk belajar di salah sebuah institusi pendidikan swasta di Negeri Sembilan.

Akhirnya, ramai di kalangan pelajar yang mengikuti kelas pendidikan swasta tersebut balik ke negeri Sabah dengan tidak ada diploma, sijil atau pun keputusan yang mereka perolehi dan tidak diiktiraf oleh agensi-agensinya tenaga kerja sama ada di pihak kerajaan atau pun di pihak swasta itu sendiri. Disebabkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada para pelajar yang mengikuti bidang yang mereka pilih kononnya diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara kita, ramai yang tersasar. Jadi, dengan memperkenalkan rang undang-undang ini, kita berharap supaya dapat kita perbaiki dan semua institusi pendidikan tinggi swasta di negara kita ini dapat didaftar dan dipastikan dari segi kualiti yang mereka perkenalkan, subjeknya dan aktiviti kokurikulum oleh para pelajar dalam institut pengajian mereka dapat kita pantau dan sesuai dengan aspirasi negara kita.

■1610

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian di samping inisiatif untuk mengurangkan kerenah birokrasi untuk mendapat tempat di institusi pengajian swasta ini. Apakah mekanisme-mekanisme yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian untuk merekrut ataupun mengambil pelajar di kawasan yang terpencil daripada kawasan bandar. Ini kerana saya melihat secara umum di sini bahawa kementerian hanya bercadang untuk mengurangkan kerenah birokrasi tetapi mekanisme untuk memastikan supaya mudah capaian itu diperolehi ataupun didapati oleh penduduk yang bukan hanya tinggal di kawasan bandar. Kalau kita rujuk sebagai kawasan di Sabah dan Sarawak terutamanya dan jarak sesuatu tempat itu daripada pentadbiran daerah memang terlalu jauh.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dalam mengurangkan kerenah birokrasi ini supaya dapat mewujudkan pejabat bergerak bagi memastikan ianya dapat sampai ke matlamat yang dirancang dan dihasratkan oleh kerajaan. Untuk jangka masa panjang juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dalam rang undang-undang ini. Iaitu mengambil inisiatif agar mewujudkan satu badan dalam pengurusan pentadbiran ataupun birokrasi Kementerian Pengajian Tinggi ini mewujudkan satu badan *think tank* ataupun pemikir yang boleh memastikan bahawa pendidikan swasta di negara kita ini dari semasa ke semasa akan dapat dikaji dari segi kualiti dalam semua aspek. Ini supaya ia dapat dimartabatkan dan dapat diantarabangsakan bukan hanya pelajar itu tetapi juga di kalangan kita rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Sudah tiba masa juga sebenarnya kita perlu berusaha dengan cara kita sendiri dengan pengiktirafan dari pihak antarabangsa bahawa pendidikan di negara kita ini institusi pengajiannya iaitu dari segi pendidikan awam dan swasta akan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Ini kerana kita melihat dalam aspek pembinaan tenaga kerja dalam abad sekarang ini yang

menjurus kepada yang berasaskan kepada ilmu. Kita juga mahu melihat modal insan yang akan keluar daripada pengajian tinggi swasta di seluruh negara kita ini akan dapat diterima dan mempunyai kemahiran dari segi praktikal dan sebagainya. Kita tidak mahu lagi melihat kurikulum ataupun subjek yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui institusi pengajian tinggi swasta ini berbentuk teori kebanyakannya dan saya melihat terdapat kekurangan yang dijalankan oleh pihak kementerian dari segi pemantauan pergerakan ataupun pelaksanaan modul-modul ataupun mata pelajaran yang diperkenalkan oleh institusi pengajian tinggi swasta di seluruh negara. Apatah lagi kalau cawangan pusat pengajian swasta jauh daripada pusat pentadbiran, maka pemantauan itu jelas ada banyak kekurangan dan kelemahannya sehingga disiplin para pelajar yang mengikuti kelas di institusi pengajian swasta ini tidak begitu dihiraukan. Akhirnya mereka ini menjadi manusia yang bila keluar ke pasaran kerja tidak ada satu kualiti yang menampilkan diri mereka itu berupaya menjadi seorang mahasiswa yang boleh diberi kepercayaan untuk menjalankan tanggungjawab.

Jelasnya kita melihat ramai di kalangan lepasan pelajar daripada institusi pengajian swasta ini mungkin hanya tinggi sedikit daripada taraf perkeranian. Jadi kita tidak mahu dalam kualiti ini akan menyebabkan ramai rakyat Malaysia akan menjadi dari segi tenaga kerja itu tidak ada bezanya dengan pelajar-pelajar daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menyebutkan di sini iaitu pindaan dalam akta ini yang menegaskan bahawa beberapa dokumen yang berkaitan dengan sijil-sijil yang diperkenalkan ataupun diploma yang akan ditawarkan ataupun diberikan kepada setiap pelajar yang akan tamat daripada setiap pendidikan tinggi swasta ini diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Ini suatu tindakan yang baik yang diperkenalkan oleh pihak kementerian. Sesungguhnya suatu salinan kunci kira-kira teraudit akaun untung dan rugi dan laporan terbaru ini perlu dan sebaik diperkenalkan oleh pihak kementerian dalam memastikan segala apa yang akan dihubung kait dengan pendidikan swasta ini, akan menjadi suatu yang kita semua terima dan percaya serta yakini. Saya berharap juga supaya pihak kementerian dapat mengambil satu inisiatif iaitu dari segi tenaga pengajar yang akan diberikan peluang untuk memberi pendidikan kepada anak bangsa kita yang mengikuti institusi pendidikan swasta ini.

Kalau ada kalangan profesional seperti doktor yang sama ada mereka ini telah bersara ataupun yang ada kaitan dengan pendidikan ini supaya diberi peluang untuk mengajar di institusi-institusi pendidikan swasta di seluruh negara. Saya juga mahu menggalakkan supaya pihak kementerian membiarkan pengurusan pendidikan swasta ini mengambil tenaga pengajar yang mengajar di pusat-pusat pengajian swasta di seluruh negara yang terdiri dari segi latar belakang pendidikan mereka tidak begitu baik. Ini sangat penting bagi memastikan segala kebaikan dan kualiti apa yang akan disampaikan oleh pensyarah itu kepada para pelajar kita yang berada di pusat pengajian tinggi swasta ini sama tarafnya dengan pendidikan awam. Ini bagi memastikan

segala yang kita berikan itu adalah yang terbaik bagi melahirkan satu tenaga manusia yang boleh relevan sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sebarang kelemahan dan kekurangan dalam rang undang-undang ini perlu dari semasa ke semasa pihak kementerian mengambil inisiatif untuk memperbaiki dan memastikan cadangan awal saya tadi untuk mewujudkan satu badan yang akan sentiasa memantau akan keberkesanan pelaksanaan dan perancangan yang melibatkan pendidikan tinggi swasta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat sila.

4.17 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peluang ini saya akan gunakan sebaiknya sebagaimana rakan-rakan yang lain untuk bersama-sama membahaskan satu pindaan pada Akta Institusi Pendidikan Tinggi yang telah pun disebutkan dengan panjang lebar oleh rakan-rakan saya sebentar tadi.

Di sini saya ingin pertamanya meminta supaya suatu kajian menyeluruh dapat diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya beberapa aspek di dalam pindaan ini benar-benar dapat menepati apa yang dikatakan dan saya sangat bersetuju walaupun disebut oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Lipis tadi, Yang Berhormat silam dan juga Yang Berhormat Batu Gajah. Bahawa apa yang pentingnya ialah sama ada kolej-kolej ataupun universiti ini adalah merupakan satu kilang untuk melahirkan modal insan yang bakal kita bekalkan kepada negara.

Di sini saya suka untuk bertanya adakah pihak kementerian sebenarnya telah meneliti dengan serius tentang perkembangan pendidikan dalam negara kita khususnya di peringkat pengajian tinggi. Ini kerana saya cukup kesal dengan rakan saya walaupun tak ada di sini dan akan meninggalkan Pemuda UMNO. Pada zaman beliau sepatutnya ada penyata Hishammuddin kerana saya telah rasakan bahawa telah sampai masanya suatu pendekatan baru, satu *approach* yang lebih dinamik dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan serius sama ada oleh Kementerian Pelajaran mahupun Kementerian Pengajian Tinggi tentang bagaimana kita melihat keberkesanan pendidikan dalam negara kita.

■1620

Kerana kita tidak boleh lagi melihat masalah pendidikan di dalam negara kita ini secara sampingan semata-mata tetapi mestilah di dalam satu pendekatan holistik supaya hasrat kita untuk melahirkan modal insan ini dalam era yang ada pada hari ini benar-benar dapat menepati kehendak dan cita rasa negara kita dalam menghadapi cabaran pada masa yang akan datang. Kalau kita masih lagi terikat, kita masih lagi terbelenggu dengan sistem dan pemikiran dan pendekatan yang lama, saya cukup bimbang bahawa hasrat untuk kita melahirkan modal insan ini hanya tinggal pada nama sahaja. Oleh itu sama ada Kementerian Pelajaran ataupun

Kementerian Pengajian Tinggi ini mestilah datang dengan satu laporan baru, satu penyata baru. Kita cuma ada Penyata Razak, Laporan Rahman Talib. Itu sudah zaman 50-an, 60-an, 70-an dahulu. Manakala cabaran masalah yang dihadapi untuk dunia pendidikan pada hari ini telah jauh berubah.

Saya selalu menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini masyarakat, negara, perundangan ini adalah satu perkara yang sangat dinamik dan ianya memerlukan satu perubahan. Yang mana mungkin kita akan dapat mencapai tahap ini kalaulah makna kita masih lagi bergantung dari segi falsafah itu sendiri dengan penyata yang dibuat dua atau tiga dekad yang lalu. Maka mesti ada satu laporan yang baru, satu penyata baru, satu semakan yang lebih terkini tentang sistem pendidikan di dalam negara kita. Maka dengan itu kita melihat, apabila lahirnya banyak IPTS pada hari ini yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa lahir bagai cendawan yang tumbuh selepas hujan dan menawarkan pelbagai kursus di peringkat diploma dan ijazah. Adakah kita melihat tentang keperluan, tentang relevansi, kursus-kursus yang ditawarkan. Hari ini disebut tentang kursus jururawat.

Marketnya macam mana? Kita telah dapat untuk menyatakan pada hari ini kursus dalam bidang *business study* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *business administration* dengan contoh. Hari ini kita melihat lambakan para-para graduan ini di pasaran yang tidak dapat untuk menempatkan diri mereka akibat daripada tidak adanya kekosongan untuk menampung kumpulan ini. Demikian juga kita menghadapi satu isu dahulu isu dengan izin *mismatch*. Kita tidak dapat untuk menyesuaikan kursus yg sedia ada ini dengan pasaran kerja yang ada pada hari ini. Ini semua, adakah ada satu kajian yang menyeluruh daripada pihak kementerian? Pendekatan ini tidak boleh lagi kita membuat secara *ad hoc* secara serpihan, secara terasing begitu sahaja. Mestilah ada satu pendekatan yang lebih serius dalam bentuk laporan-laporan yang lebih komprehensif yang berdasarkan kepada perkembangan *human development* itu sendiri yang ada satu pendekatan yang lebih serius dalam bentuk laporan-laporan yang lebih komprehensif yang berdasarkan kepada perkembangan *human development* itu sendiri dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan sebab itulah kita melihat pada hari ini disebut oleh rakan saya tadi, saya sangat bersetuju kepada Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Silam bahawa adakah kita akan banyak IPTS banyak IPTA, tetapi manusianya bagaimana? Manusiawinya bagaimana? Kita memang perlu ada sijil, ada diploma, ada ijazah di peringkat *Masters*, peringkat PhD, tetapi manusianya bagaimana? Kita menyebut tentang modal insan, kita mesti memahami dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan sebab itulah kita melihat pada hari ini disebut oleh rakan saya tadi, saya sangat bersetuju kepada Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Silam bahawa adakah kita akan banyak IPTS banyak IPTA, tetapi manusianya bagaimana? Manusiawinya bagaimana?

Kita memang perlu ada sijil, dada diploma, ada ijazah di peringkat *masters*, peringkat PhD, tetapi manusianya bagaimana? Kita menyebut tentang modal insan, kita mesti memahami falsafah kepada melahirkan insan itu bagaimana? Kita jangan lupa ia lari daripada *track* ini. Maka sudah tentu kita tidak mahu melihat manusia itu yang mempunyai ijazah, mempunyai PhD, tetapi korup jika diberikan amanah. Berlaku penyalahgunaan kuasa walaupun ada ijazah ada PhD dan seumpamanya. Ini kita tidak akan mencapai falsafah melahirkan insan yang kita bekalkan kepada negara ini. Maka dengan sebab itulah saya suka mencadangkan supaya mesti ada satu laporan baru, mesti ada satu penyata baru kerana ini tahun 2009, ini ialah abad yang ke-21 di mana negara kita pada hari ini menghadapi pelbagai cabaran dan sistem pendidikan kita yang ada pada hari ini tidak lagi boleh bergerak maju ke hadapan hanya berdasarkan kepada dua laporan tadi yang saya sudah sebut ketinggalan tiga atau empat dekad yang lalu. Mesti ada laporan yang baru yang lebih dinamik, yang lebih *contemporary* dari segi pendekatan.

Kalau tidak ia benar kita akan melahirkan ribuan para diploma, ribuan para graduan ada ijazah dan seumpamanya, tetapi kita tidak dapat melahirkan manusia yang benar-benar manusiawinya menepati kehendak keperluan negara pada masa akan datang. Saya rasa peringkat ini kita harus boleh bersetuju sama ada di pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan bahawa kita perlu memikirkan perkara ini secara serius. Apabila kita mengkaji secara mendalam tentang aspek pembangunan manusia, kita semua faham yang ada di hadapan saya, rasa para intelektual daripada kementerian daripada IPTA, manusia ini tidak hanya bergantung kepada nilai intelek sahaja. Sijilnya sahaja, ijazahnya sahaja, ataupun disebut hanya bergantung dilahirkan ke dunia ini hanya bergantung kepada IQnya sahaja tetapi ada lagi komponen-komponen yang lain yang membantu manusia itu yang menjadi pelengkap kepada manusia itu untuk dia berdiri, tumbuh besar, dewasa bagai seorang manusia yang layak digelar manusia yang mempunyai manusiawinya.

Saya rasa ini perkara yang kita kena harus kita fikirkan. Maka dengan sebab itulah saya melihat bahawa saya cukup kesal bagaimana pada hari ini adakah dari segi falsafah pendidikan negara itu sendiri, kalau kita hendak fikir tentang falsafah wujudnya manusia tentang falsafah apa tujuan manusia untuk melahirkan ke dunia itu mungkin terlalu besar dan mungkin terlalu jauh. Saya hendak sebut tentang falsafah pendidikan negara itu sendiri. Adakah dengan penubuhan IPTS ini dan bertambahnya bilangan mereka ini, adakah kita boleh bersetuju pada hari ini secara kolektif bahawa penubuhan ini telah benar-benar mencapai falsafah pendidikan negara kita itu sendiri. Saya rasa kita mesti menjawab dengan jujur, adakah dia telah mencapai. Kita lihat tentang bagaimana seriusnya tentang memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri Tuan Yang di-Pertua. Adakah kita serius?

Adakah kita benar-benar menunjukkan iltizam kita? Ya, kita menghantar ramai para graduan kita ke Jepun dan Korea, lihat. ada kursus penyediaan untuk mereka di sini ataupun di sana, setahun atau dua tahun. Mesti boleh berkomunikasi dalam bahasa Jepun atau Korea.

Belajar di universiti mereka menimba ilmu, mengambil teknologi mereka. Ya, jawapannya mereka serius tentang bahasa mereka. Akan tetapi di IPTS kita bagaimana? Adakah kita serius dalam kita menyatakan tentang bagaimana kita hendak memperjuangkan bahasa Melayu itu sendiri? Adakah kita serius? Jangan cerita lagi tentang bagaimana hari ini tidak keluar lagi keputusan, berdolak-dalik tentang keputusan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Sekarang ini masalah IPTS yang di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Adakah kita serius bagaimana negara lain serius tentang bahasa mereka.

Kalau kita hendak bercakap tentang memartabatkan bahasa kita sendiri. Jadi IPTS macam mana? Adakah kiat serius tentang bagaimana kita membentuk jiwa anak muda yang belajar di IPTS ini yang akhirnya yang di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Adakah kita serius bagaimana negara lain serius tentang bahasa mereka. Kalau kita hendak bercakap tentang memartabatkan bahasa kita sendiri. Jadi IPTS macam mana? Adakah kiat serius tentang bagaimana kita membentuk jiwa anak muda yang belajar di IPTS ini yang akhirnya keluar sebagai mereka yang dikatakan dengan izin, *made in Malaysia*. Adakah kita ada jati diri tentang anak Malaysia, adakah ini satu kilang satu institusi, satu kolej atau satu universiti yang benar-benar melahirkan yang kita dirikan di atas tanah air kita ini yang melahirkan manusia yang dia ini boleh kita bangga sebagai jati dirinya anak Malaysia. Adakah ada komponen-komponen kurikulum yang menjurus kepada itu?

■1630

Ya, saya setuju tentang apa jua bidang saya hormati dalam bidang yang kritikal seperti kedoktoran, kejururawatan, dalam bidang perniagaan, dalam bidang *architecture* dan seumpamanya. Ya, kita hormat disiplin ini yang mesti kita bekalkan, tapi yang lain macam mana? Saya cukup kesal kalau saya ingin nyatakan di sini, berapa peratus kah daripada jurusan yang menempatkan peluang tentang pelajar-pelajar dalam bidang sastera? Sebagai contoh, yang hari ini semacam golongan yang minat dalam bidang sastera ini, dipinggirkan begitu sahaja.

Jadi, saya mengharapkan perlu ada suatu penyemakan kembali bagaimana penggabungan di antara kurikulum itu sendiri yang boleh membina kepada jati diri seorang anak muda yang lahir, keluar daripada IPTS ini yang boleh kita banggakan diri mereka itu sebagai anak Malaysia. Kemudian akhir sekali saya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada fokus perbahasan ini tentang memang saya cukup kesal lagi tentang pindaan seksyen 47. Sekali lagi AUKU ini, hantu AUKU ini ataupun puaka AUKU ini juga diheret dan dijelmakan *nightmare* mimpi ngeri ke bawah IPTS pula.

Saya rasa Yang Berhormat Lipis dulu masa bersama saya dalam sesi 2004 dulu tidak ada doktor. Sekarang ada doktor, Alhamdulillah. Saya selalu meyakinkan anak-anak muda bahawa pembelajaran seumur hidup ini mesti menjadi satu perkara yang kalau boleh menjadi etika kepada kita semua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua malangnya, ada orang politik yang mendaftarkan diri mereka untuk buat Masters ataupun PhD di IPTA yang mendapat surat tunjuk

sebab. Ini satu perkara yang cukup jakun, saya hendak sebutlah ini satu pemikiran yang *we are 50 years behind times*.

Kenapa ini harus berlaku? Sekarang IPTS pula. Adakah Tuan Yang di-Pertua, profesion kita ini sebagai ahli politik ini cukup bangsat? Paria kah kita semua ini? Orang politik tidak boleh menimba ilmu iaitu tidak boleh untuk melanjutkan pelajaran kita, kita tidak boleh untuk meneruskan kecemerlangan dan tradisi ilmu kita. Kalau dalam IPTA tak boleh, diheret pula kembali ke IPTS ini apa cerita ini? Di mana kita sebenarnya? Kalau kita faham benar-benar tentang tradisi ilmu, kalau kita menghormati apa yang dikatakan nilai intelektual, kalau kita menghormati apa yang dikatakan sebagai pembinaan manusia yang menuju kepada manusia-manusiawinya. Kita mahu menjadikan falsafah melahirkan modal insan ini sebagai suatu perkara yang penting bagi generasi akan datang. Kenapa ini semua harus dibuat? Tidak boleh.

Tidak bolehkah seorang wakil rakyat melanjutkan pelajarannya mengambil suatu inisiatif untuk dia mendapat Master dan PhD nya. Paling tidak pun dia boleh berbangga dengan anaknya, menaikkan status keluarganya, tentang bagaimana perit jerihnya kita di samping berpolitik, ada masa yang kita ruangkan untuk menimba ilmu, tetapi sekarang tidak boleh. Diambil tindakan, diberikan surat tunjuk sebab, berapa ramai?

Cuba tunjuk pada saya hari ini dan kalau boleh Timbalan Menteri yang ada pada hari ini. Boleh memberikan kepada saya berapa ramaikah di kalangan orang politik ini yang masuk IPTA, menghuru-harakan ataupun menghara-hurkan IPTA ataupun IPTS? Kenapa kita ada budaya seperti ini? Tidak adil bagi kita kepada sendiri, kepada golongan ini. Kalau macam itu masuk politik *put a full stop, no more* apa yang dikatakan *continuous learning* ini tidak ada, tidak payahlah.

Hapuskan semua jabatan ataupun ada fakulti, ada *school* yang dikatakan PJJ ini, tutuplah dan tidak payahlah. Jadi saya rasa jangan kita membuat perkara yang seperti ini yang kita hendak belajar lagi. Kita hendak meneruskan dan meningkatkan keilmuan kita ini. Namun, sekarang ini dengan pindaan ini di mana lagi kita nak belajar? Di mana lagi kita hendak meletakkan diri kita untuk kita menambahkan ilmu yang ada pada kita? Jadi saya rasa ini perlu kita teliti dan perlulah kita fikirkan.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua pun lebih arif daripada saya mungkin ada lebih banyak pengalaman waktu melanjutkan pelajaran dulu. Kita lihat di UK sendiri. Saya pernah pergi lawatan kerja saya di sebuah universiti yang terkemuka di London, bertemu dengan seorang pensyarah. Di biliknya itu ada gambar calon daripada Parti Buruh yang waktu itu Parti Buruh itu adalah parti pembangkang dalam Parlimen di Britain. Tidak ada apa-apa, tidak ada masalah apa-apa.

Ini kita hendak belajar, hendak mendaftarkan diri sudah separuh jalan sudah menulis tesis kita. Kemudian dapat surat tunjuk sebab bahawa kamu didapati bersalah dan jawab surat ini dalam tempoh beberapa hari kerana terlibat dalam politik. Ini saya rasa satu perkara yang

cukup, saya hendak gunakan jakun betullah. Jangan kita kembali balik ke zaman-zaman yang penuh dengan pemikiran-pemikiran purbakala ini. Sila Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat kalau hendak minta penjelasan itu. Mintalah Yang Berhormat tapi jangan berhujah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian membangkitkan isu unsur-unsur politik di dalam kampus-kampus kita. Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan sebuah universiti di sebuah negeri di Pantai Timur iaitu di Terengganu. Di Terengganu ada dua universiti salah satu dan berada dalam salah satu kawasan Parlimen iaitu Kuala Nerus. Kita dimaklumkan pegawai nombor dua yang tertinggi di universiti tersebut adalah juga Ketua Penerangan UMNO Bahagian dan sedang dipertimbangkan untuk menjadi Naib Canselor Universiti sedemikian.

Bagi kita kalau kita hendak berfikir terbuka, adakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju itu cara yang terbuka? Akan tetapi dalam satu sudut ia *double standard* kepada parti-parti politik yang lain. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat saya daripada Kuala Krai. Kalau dari segi dan falsafahnya saya setuju, tidak apalah peganglah. Akan tetapi kalau ia berlaku pula ada di kalangan pegawai ataupun pensyarah yang dikatakan kononnya ataupun terlibat dalam politik parti pembangkang apa salahnya ini demokrasi. Saya rasa Yang Berhormat Kuala Krai boleh setuju dengan saya kalau hendak bercakap dalam laras bahasa. Kalau kita ini duduk dalam Parlimen ini dan kalau kita benar-benar hendak menjadi seorang yang demokrat yang tulen. Maka bercakaplah, kita berfikirilah dan kita bertindaklah kita dalam laras bahasa seorang demokrat yang tulen.

Saya kagum dengan Yang Berhormat Kuala Lipis sudah ada Doktor Alhamdulillah. Universiti mana saya tidak hendak tanyalah nanti kalau jawab universiti IPTA boleh pula, itu tidak boleh. Akan tetapi atas prinsip yang saya pertegaskan tadi yang saya bertahan sampai ke saat ini maka izinkan tidak apa. Saya pernah forum di UIA sebulan lepas pelajar tanya dengan saya apa pendapat Yang Berhormat sebagai ahli panel kalau Puteri UMNO kah, UMNO kah hendak berkempen di universiti, saya kata silakan. Saya tidak pernah rasa kecil hati.

Akan tetapi dalam masa yang sama berilah juga hak kepada kami *that's fine* tidak ada masalah. Jadi oleh itu, balik kepada apa yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua untuk mengakhiri ucapan saya ini bahawa saya mintalah supaya apabila kita hendak maju ke hadapan. Kita hendak bercakap tentang falsafah pendidikan negara, kita hendak bercakap tentang falsafah melahirkan modal insan ini. Maka tunjukkanlah dan buktikanlah tentang kewarasan kita dan iltizam kita. Ini untuk kita membina generasi ini pada masa yang akan datang.

Bukannya kita membuat satu keputusan ataupun tindakan yang melihatkan kita kembali surut ke belakang. Ini menjadikan kita sebagai boleh dikatakan suatu yang malang bagi anak-anak muda kita yang kita mahu mereka ini menjadi generasi pemimpin pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1640

4.40 ptg.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang faham tujuan utama kerajaan untuk mengadakan IPTS iaitu untuk menghasilkan tenaga pekerja yang mahir dan profesional di negara kita. Namun daripada bilangan IPTS yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi tadi, saya rasa bilangan ini terlalu banyak. Apa kerja kita mahu? Adakah kita ingin melahirkan modal insan yang apabila mereka kononnya sudah layak untuk bekerja, sudah mendapat sijil, adakah mereka ini akan bekerja dengan baik, akan tahu apa yang mereka buat? Ini adalah persoalan sekarang di dalam sektor swasta kerana mereka ini yang keluar daripada IPTS tidak tahu pun bagaimana hendak bekerja.

Jadi ini adalah satu masalah. Saya lihat masalah ini dari sudut pertamanya tenaga pengajar. Terlalu banyak IPTS. Terlalu banyak IPTA sedangkan di dalam IPTA tenaga pengajar pun belum mencukupi. Kerajaan sentiasa mewujudkan IPTA baru lepas itu, seorang pensyarah pula daripada IPTA lama pergi ke IPTA baru untuk menjadi Dekan, untuk menjadi VC. Jadi semuanya ini berpusing dan berpindah-pindah daripada IPTS ataupun IPTA yang lain. Silakan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Mambong. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang banyaknya institusi pendidikan tinggi swasta yang tumbuh terutama dalam bidang perubatan dan juga kesihatan. Akan tetapi sebenarnya mereka tidak mencukupi kakitangan terutamanya pensyarah- pensyarah. Jadi diambil daripada IPTA tidak juga salah tetapi mungkin di situ dari segi kualiti pengajarannya, disebabkan oleh tidak cukupnya pensyarah- pensyarah ini menyebabkan kualiti pengajaran di institusi pendidikan swasta itu mungkin tidak sampai kepada standard yang sepatutnya. Apa pandangan? Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Itulah yang saya tekankan tadi bahawa pengajar berpindah-pindah kepada satu institusi ke institusi yang lain. Maka kualiti pengajar *affected*, yang tidak berkesan. Oleh itu pelajar yang keluar nanti tidak mendapat ajaran yang sepenuhnya dan berkualiti. Jadi bagaimanakah mereka hendak bekerja? Lebih-lebih lagi di bidang perubatan. Kalaulah mereka nanti keluar dan bekerja kerana bermain dengan nyawa manusia, ini adalah satu masalah besar.

Jadi itulah yang saya sebut tadi. Tenaga pengajar hanya berpindah daripada satu institusi ke institusi yang lain. Yang berkaitan dengan ini juga adalah kelayakan pengajar mengajar di IPTS itu. Adakah mereka ini benar-benar layak? Adakah mereka ini mempunyai

pengalaman yang mencukupi untuk menghantar *knowledge* kepada pelajar-pelajar? Ini juga penting kerana kalau mereka tidak cukup *knowledge* ataupun ketiadaan *knowledge up to date*, ini adalah satu kesulitan. Sedangkan kita di sini sebagai ahli politik, di dalam bidang kita sendiri kita sentiasa meng *update* kan *knowledge* kita, membaca buku, kita mencari pengetahuan di dalam internet dan sebagainya. Jadi ini adalah penting. Oleh itu, tenaga pengajar memainkan peranan yang amat penting tetapi yang sebenarnya yang memainkan peranan yang penting sekali ialah Agensi Kelayakan Malaysia.

Agensi ini seharusnya mengawas dan mengawal semua yang berlaku daripada segi akreditasi kelayakan di semua IPTS kerana banyak IPTS sekarang, ianya hanya mengadakan kursus *twinning* ataupun ambil sahaja kursus daripada universiti yang lain dan bawa ke sini. Kursus daripada universiti luar negara pada kebiasaannya mungkin adalah lebih *strict* daripada kelulusan. Oleh itu, pelajar-pelajar kita sendiri, pelajar-pelajar negara kita sendiri kalau memang sudah tidak dapat mengikuti kursus itu mereka akan gagal dan akhirnya menanggung beban hutang. Hutang pinjaman daripada PTPTN ataupun hutang pinjaman daripada bank kerana kalau mereka keluar mereka gagal tidak ada sijil, bagaimana? Inilah nasib mereka pelajar warga negara kita.

Bagi pelajar-pelajar asing pula mereka ini menimbulkan masalah sosial. Memang kita sudah tahu sudah banyak insiden masalah sosial yang berlaku kerana pelajar-pelajar asing. Di surat khabar hari ini, *The New Straits Times*, pelajar Nigeria dipenjarakan 15 bulan kerana menipu seorang yang bernama Buang Md. Sayuti, kononnya Buang ini sudah menang USD1 juta dalam *lucky draw*. Pelajar ini yang bernama Peace Okotie, 26 tahun minta bayaran USD2,750 sebelum USD 1 juta ini dapat diproses. Ini hanyalah satu contoh tetapi banyak lagi contoh yang lain yang tidak dilaporkan dalam surat khabar.

Inikah peranan IPTS di negara kita? Saya memang berterima kasih kepada kementerian kerana ada satu seksyen 46 yang berkaitan dengan tatatertib. Saya harapkan seksyen ini kementerian boleh melaksanakannya dengan berkesan. Kalau tidak, masalah sosial akan terus berlaku di kalangan pelajar dan lebih-lebih lagi di kalangan pelajar-pelajar asing daripada IPTS yang ada di negara kita kerana apa yang kita mahu adalah ketidakhakisan *academic standards* di IPTS di dalam negara kita.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara lain, kemasukan ke universiti-universiti sama ada universiti kerajaan ataupun universiti swasta adalah dari segi meritokrasi.

■1650

Siapa yang layak, dia boleh masuk tetapi siapa yang layak dan masuk di dalam pengajian yang tertentu. Tidak bermaknanya dia akan lulus, dia akan keluar dengan satu sijil, tidak, kerana itu adalah berkaitan dengan prestasi semasa mereka belajar di universiti. Kalau seorang pelajar yang malas tetapi layak masuk ke universiti, dia malas belajar, dia sudah tentu akan gagal dan akhirnya tidak dapat sijil apa-apa. Oleh itu meritokrasi dan *performance* adalah

penting bukan sahaja di IPTA tetapi juga di IPTS dan ini adalah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi untuk melihat bahawa meritokrasi ini diamalkan untuk kemasukan di dalam IPTA ataupun di IPTS. Sekian. Saya mohon menyokong.

4.51 ptg.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut membahas Rang Undang-undang Akta Pindaan IPTS ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu perkara sahaja berkaitan dengan IPTS ini iaitu berkaitan dengan penggunaan IPTS sebagai lubang untuk membuat duit khususnya melalui PTPTN. Saya merujuk sebagai contoh khususnya kolej yang saya diberi maklumat di sini seperti Kolej Universiti Masterskill sekarang ini.

Jawapan kepada soalan Parlimen yang saya kemukakan dijawab bahawa Masterskill mempunyai lebih kurang 8,500 pelajar yang kebanyakannya mendapat bantuan PTPTN dan bagi tahun ini jumlah bantuan PTPTN yang disalurkan kepada Masterskill adalah lingkungan RM490 juta. Apa yang mengejutkan saya di sini ialah duit PTPTN yang sepatutnya di bayar kepada pelajar-pelajar ini untuk membayar yuran dan lain-lain perbelanjaan pengajian untuk tempoh 3 hingga ke 4 tahun dibayar secara *advance* kepada kolej seperti ini. Setelah wang itu dibayar, maknanya apa yang berlaku sekarang ini, contohnya Masterskill dia ada 8,500 pelajar yang mereka ini akan belajar ke 3 hingga 4 tahun atau 5 tahun, PTPTN akan bayar wang yang hendak digunakan dalam 4 hingga ke 5 tahun itu sekarang. Bermakna kolej seperti Masterskill akan mendapat *advance*. Dalam jawapan Parlimen yang diberi adalah RM490 juta sekarang untuk diguna lagi 4 hingga 5 tahun dan mereka pegang duit ini, mungkin mereka masukkan duit itu ke dalam akaun *fixed deposit* ke apa, kita tidak tahu. Akan tetapi dengan RM490 juta di *rolling* dengan faedah yang dia perolehi, di situ sahaja mereka boleh membuat duit itu.

Kemudian, disebabkan duit itu diberi kepada kolej untuk dibayar kepada pelajar sama ada untuk bayaran elaun bulanan ataupun yuran-yuran, pelajar-pelajar dijadikan tebusan. Apa yang dibuat, tiap-tiap kali ada saja benda yang perlu dibayar seperti contoh, Masterskill, dia beritahu kata kamu kurang sedikit bahasa Inggeris, kamu punya mata pelajaran Matematik tidak beberapa bagus, kamu kena ikut kursus baru, ambil tuisyen Matematik, ambil tuisyen Bahasa Inggeris dan dia *charge* pelajar ini RM500 seorang. Dua mata pelajaran RM1,000, kalau 8,000 pelajar, dia buat duit atas angin begitu sahaja. Kemudian dia akan potong ikut suka dia, dia kata kali ini akan perlu ada bayaran insurans, potong. Lepas itu dia kata, kali ini kami hendak buat uniform baru, kasut BATA yang RM18 itu jadi RM120. Duit itu digunakan untuk meletakkan pelajar sebagai tebusan dan banyak aduan diterima, pelajar tidak dapat duit yang sepatutnya dibayar kepada mereka. Saya dapat aduan, contohnya daripada Kolej Islam Sains dan Teknologi, mereka mengadu mereka patutnya dibayar jumlah tertentu dalam tempoh setiap 6 bulan, ada yang dapat RM3,000, RM3,500. Sepatutnya dapat dalam jumlah itu. Akan tetapi bila dapat RM1,800, RM1,600, kolej kata potong ini, potong ini, potong ini. Ikut suka bapak dia

sahaja. Tidak ada peraturan, tidak ada sebab apa diberi, ikut suka dia memotong. Siapa yang memantau? Tidak ada siapa memantau dan yang paling malang apabila pelajar ini mengadu, pelajar ini diugut, kalau kamu mengadu, kamu akan digagalkan.

Ada aduan pelajar, mereka sengaja digagalkan supaya mereka kena tambah tahun, tambah lagi bayar. Siapa yang memantau perkara ini? Saya dapat aduan daripada pegawai-pegawai kementerian sendiri. Mereka contohnya, hendak masuk Masterskill, mereka cuba hendak masuk Masterskill untuk siasat aduan tetapi tidak boleh masuk. Rupa-rupanya maklumat diberi, Masterskill duduk di bawah perlindungan tertentu di dalam kementerian dan saya siasat latar belakang Masterskill, ianya ada kaitan dengan sebuah istana dalam negara ini. Malahan ahli lembaga pengarah dia ada anak-anak raja, jadi mereka berselindung di balik ini untuk mengaut duit sebanyak mungkin. Masterskill contohnya, bila mereka hantar pelajar, dia hantar ke Universiti Hospital, Universiti Hospital ada pelatih-pelatih dia sendiri tetapi apa yang Masterskill buat, dengan *connection* yang dia ada, *cable* yang dia tarik, dia boleh guna masa latihan Universiti Hospital untuk kegunaan dia. Diperkudakan pula institusi kerajaan, dengan dia tidak perlu, lepas tangan, *lecturer* tidak perlu, apa pun tidak perlu. Kadang-kadang dia campak *student* di mana-mana klinik tanpa pemantauan, tanpa *supervision* sesiapa. Ada satu kes, dia campak *student* dia dekat Tasputra Perkim sebagai contoh, dia suruh Tasputra Perkim ajar pelajar dia dalam keadaan satu sen pun dia tidak bayar kepada Tasputra.

Kita dapat aduan, contohnya pelajar-pelajar bumiputera di Masterskill diabaikan. Kita dapat maklumat, contoh Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Masterskill yang wanita di Ipoh dan di Cheras mengadu mereka ada yang di peringkat sampai diganggu. Rupanya apa yang berlaku, Masterskill mengimport pelajar-pelajar lelaki daripada India yang sekarang ini contohnya di Ipoh sudah menjadi masalah. Ada yang terlibat dalam kegiatan samseng, ada pelajar-pelajar bumiputera Melayu contohnya, cuba hendak tolong kawan yang dianiaya, mereka diugut, dipukul. Ini berlaku dan bila pegawai-pegawai kementerian nak siasat, hendak masuk ke Masterskill, tidak boleh, tidak dibenarkan masuk, tidak dibenarkan siasat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, saya amat bersetuju dengan apa yang didedahkan tadi. Adakah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu mengetahui maklumat siapa lembaga pengarah dan siapakah pemegang saham Masterskill ini sebab Yang Berhormat kata, Yang Berhormat sudah membuat penyiasatan dan mengikut dakwaan Yang Berhormat, setuju atau tidak, saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Badan Pencegah Rasuah masuk menyiasat secara menyeluruh kerana dakwaannya cukup berat. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, kalau Yang Berhormat, saya setuju dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Dedahkanlah.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya, kita telah menjalankan siasatan dan kita dapati antara ahli lembaga pengarah yang terlibat di dalam Masterskill ini adalah datangnya dari Istana Perak. Jadi kita hendak tahu daripada kementerian sama ada perkara ini betul atau tidak betul kerana maklumat yang kita berikan bahawa penglibatan kerabat-kerabat daripada Negeri Perak dalam Masterskill adalah jelas. Adakah mereka ini mendapat perlindungan daripada istana ataupun adakah daripada maklumat yang kita dapat, mereka mendapat perlindungan daripada kementerian sendiri. Jadi kita tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku kepada pelajar-pelajar kita di IPTS ini, khususnya yang di Masterskill ini.

■1700

Jadi saya minta dan saya desak pihak kementerian supaya menjalankan siasatan yang menyeluruh terhadap kolej seperti ini. Kolej seperti Masterskill, Kolej Islam Sains dan Teknologi...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titwangsa]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Adakah Yang Berhormat ada menerima aduan-aduan tentang pelajar-pelajar wanita terutama dalam bidang kejururawatan. Iaitu pelajar-pelajar wanita Islam yang hak mereka dinafikan untuk berpakaian menutup aurat. Ada sebahagiannya mungkin terpaksa memakai skirt semasa mereka dalam latihan dan mereka tidak ada pilihan lain.

Jadi saya hendak bertanya, adakah aduan ini ada dan kita berharap supaya aduan ini kita kemukakan, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu kemukakan untuk memastikan supaya pihak kementerian mengambil berat dan memastikan pelajar-pelajar wanita dalam bidang kejururawatan ini dibenarkan berpakaian yang menutup aurat seperti tuntutan syariat. Terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Titwangsa, saya secara peribadi tidak mendapat maklumat tersebut, tetapi jika perkara itu berlaku kita amatlah dukacita. Akan tetapi maklumat yang saya ada terima ialah aduan daripada pelajar-pelajar lelaki yang beragama Islam. Yang menghadapi kesukaran untuk mengerjakan solat Jumaat contohnya, sama ada dari segi kemudahan ataupun dari segi masa. Mereka menghadapi kesukaran untuk mengerjakan solat Jumaat, dan kalau adalah aduan daripada pelajar-pelajar wanita yang beragama Islam, yang mereka tidak dibenarkan memakai pakaian mengikut yang ditetapkan oleh Islam. Saya rasa perkara ini serius dan perlu diambil tindakan segera, apatah lagi ia melibatkan satu kolej yang duduk di bawah naungan kita. Di bawah penguasaan kita, dan kita tidak mahu IPTS ini hanya menjadi lubuk untuk golongan-golongan tertentu membuat duit sambil mengabaikan kualiti pelajaran sampai ke peringkat menganiaya pelajar.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta penjelasan, sekejap sahaja. Adakah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sedar bahawa Masterskill juga adalah satu Kolej

yang telah pun mengambil iklan-iklan yang besar seperti di tol. Seperti di tol Sprint Highway, di Highway NKVE pun ada *banner* di jambatan-jambatan yang besar. Di mana potret-potret pemimpin negara kita Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Presiden MCA dan Presiden MIC dibesar-besarkan.

Apa kaitan di antara muka-muka pemimpin parti politik ini dengan pendidikan yang ditawarkan di Masterskill. Adakah berkaitan? Boleh dikatakan 'bodek' seperti ini untuk melindungi apa yang telah dituduh oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu tadi. Di mana sekolah tersebut atau kolej tersebut dilindungi oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih sahabat saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, saya ingat isu yang Yang Berhormat bangkitkan itu sangat menarik. Dan tidak payahlah beri layanan banyak sangat kepada yang mencelah Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baik, saya pun dah hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang ringkas-ringkas oleh kerana satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya pun hendak habiskan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa iklan Masterskill ini *is everybody to see*. Merata bersepeh dekat mana-mana, saya pun tidak tahu fasal apa dia letak gambar pemimpin-pemimpin negara di dalam iklan-iklan mereka. Adakah mereka ini di bawah naungan ataupun tidak, kita pun tidak tahu apa tujuannya. Akan tetapi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya untuk membenarkan pegawai-pegawainya menjalankan tugas.

Dan membuat satu siasatan menyeluruh tentang masalah pelajar-pelajar di IPTS ini berkaitan dengan PTPTN dan kualiti pelajaran yang mereka berikan khususnya di Masterskill ini.

Kenapa Masterskill ini begitu susah untuk ditembusi, adakah dia diletakan di bawah naungan sesiapa kita tidak tahu. Jadi kita minta supaya perkara ini dirungkaikan untuk kebajikan pelajar-pelajar kita sendiri. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

5.07 ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya singkat sahaja Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kolej-kolej swasta IPTS ini, saya rasa memang penubuhannya pada asalnya baik. Cuma yang kita lihat adalah secara pemantauan yang harus lebih berkesan. Kerana apa yang kita lihat sesetengah kolej swasta apabila dia mengeluarkan graduan-graduan dari kolej tersebut yang mana ia tidak diiktiraf sehingga membebankan kepada *student* ataupun graduan tadi untuk mendapatkan pekerjaan, seperti mana yang dinyatakan oleh kawan-kawan yang lain tadi.

Akan tetapi saya cuma ingin membangkitkan satu masalah yang pernah berlaku di kawasan Parlimen saya. Sebuah kolej swasta sudahlah tidak diiktiraf, tetapi malangnya kolej tersebut ditutup sewenang-wenangnya dalam tempoh waktu yang tidak diberi notis kepada *student*. Sewaktu pelajar-pelajar tersebut mengikuti kursus di tengah jalan tiba-tiba kolej tersebut ditutup. *And then* apabila pelajar-pelajar tersebut membuat tuntutan kepada pemilik kolej tersebut, sehingga hari ini tidak ada tindakan yang diberikan kerana bermacam-macam alasan yang diberikan sehinggakan pelajar tersebut terpaksa membayar hutang kiri dan kanan.

Di mana kolej tersebut sudah pun ditutup dan tidak memberikan ganti rugi kepada pelajar-pelajar tersebut. Sekurang-kurangnya kalau kolej tersebut tutup seharusnya pelajar-pelajar tersebut dialihkan kepada kolej-kolej swasta yang lain yang setanding dengannya supaya mereka dapat meneruskan pendidikan. Sehingga sekarang pelajar-pelajar tersebut menghadapi masalah untuk meneruskan kerana duit pun telah habis dan tidak ada penyambungan daripada kolej tersebut. Saya mohon kepada kerajaan apakah langkah-langkah atau tindakan yang harus diambil kepada pengusaha kolej tersebut supaya perkara-perkara sedemikian tidak berlaku.

Ini yang berlaku di Labuan adalah salah satu contoh yang mana dimiliki oleh istilahnya "orang besar" jugalah. Akan tetapi malangnya perkara ini mengaitkan pelajar-pelajar yang miskin dan sebagainya. Saya rasa dengan adanya pemantauan yang baik daripada kerajaan supaya sebelum meluluskan penubuhan sesebuah kolej itu haruslah pengiktirafan diadakan dahulu. Kerana sesudah beroperasi baru kita mahu mengiktiraf, saya rasa ini satu masalah yang besar kerana kadang-kadang tenaga pengajar juga bukan yang *qualified* untuk mengajar di situ. Jadi diharapkan kepada pihak kementerian supaya lebih peka dan memantau masalah-masalah tersebut. Saya mengharapkan semoga dengan adanya perundangan yang ada pada hari ini, yang kita telah bahaskan agar masalah seperti ini dapat dielakkan. Dengan itu saya turut menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

5.08 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. Di mana Tuan Yang di-Pertua, saya cukup teruja apabila mendengar ucapan dari Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan apa yang dikatakan itu amat serius. Maka Kementerian Pendidikan mestilah memberikan jawapan yang sebaik mungkin, kerana kalau diambil apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, maka sudah tentu kita juga turut merasa dukacita atas apa yang telah didedahkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah isu Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) ini terlalu banyak sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua kalau dikira masa untuk perbahasan, saya sendiri menyenaraikan ada dua belas, tiga belas perkara hendak bangkit tetapi sudah tentulah tidak ada masa.

■1710

Cuma perkara pokok memang saya juga turut bersetuju bahawa IPTS sekarang ini lebih mementingkan komersial daripada kualiti pendidikan itu sendiri. Ianya sudah jadi industri perniagaan yang cukup lumayan. Ia dibantu juga oleh kesedaran rakyat Malaysia, ibu bapa untuk menentukan anak-anak mereka mendapat tempat pendidikan, maka jika tidak dapat tempat di IPTA, maka dengan cara apa sekalipun bergolok bergadai mereka akan mencari tempat untuk anak-anak mereka. Soal pemantauan saya hendak tanya pihak kementerian berapa ramai kakitangan yang menjadi *inspectorate* yang membuat serbuan ataupun memantau perjalanan IPTS daripada semasa ke semasa. Kalau diikuti pada hakikatnya ianya memerlukan kakitangan yang lebih daripada Puspakom.

Inspectorate ini seharusnya lebih serius dan lebih tegas kerana saya bimbang penubuhan IPTS seperti cendawan sekarang ini, akan tidak terkawal dan satu hari nanti saya tidak terkejut kalau ada diploma ataupun ijazah yang dikeluarkan oleh IPTS di peringkat tempatan boleh dibeli ataupun dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya. Sebab penipuan-penipuan yang lebih besar sebelum ini pun berlaku dalam negara kita walaupun tidak dalam sektor IPTS ini, tetapi dalam bidang lain. Sekarang ini manusia pandai mereka boleh buat dan boleh mereka apa saja caranya untuk mencari kepentingan.

Jadi ini yang menjadi kebimbangan, tetapi apa pun satu lagi perkara Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bimbang di mana IPTS ini juga bekerjasama dengan institusi luar negara melalui *twinning programme*. Memang baik, tetapi apakah pihak kementerian sedar apabila seseorang *graduate*, yang keluar daripada IPTA seperti contohnya Universiti Sabah, Universiti Sarawak, sekarang sudah ada Universiti Kelantan, kemudian ada graduan yang belajar di IPTS secara *twinning*, ijazah mereka kalau belajar di *Metropolitan College, Sunway College*, ijazah mereka ialah ijazah luar negeri. Nottingham University, Leeds University, Western Australia University, maka apabila mereka pergi temu duga dari segi psikologi tengok ijazah itu pun sudah kalah daripada Universiti Utara ataupun universiti yang saya sebutkan tadi.

Memang dalam soal konteks penggunaan bahasa Inggeris memang tidak boleh nafikan tentulah yang di IPTS ini agak lebih ke depan sedikit. Itu tidak boleh nafi. Jadi ini juga satu masalah dari segi itu dan akhirnya nanti oleh kerana saya katakan tadi terlalu memusatkan kepada kepentingan keuntungan ianya sudah jadi tidak terkawal, itu perkara yang pertama.

Seterusnya saya hendak tahu pembahagian, tajaan pelajar-pelajar kementerian di IPTS. Pihak kementerian ada membuat penajaan seperti *Masters Skill*, yang disebutkan tadi. Ada juga melalui cara menaja pelajar-pelajar diagih-agih kepada IPTS sekian jumlah pelajar belajar di institusi-institusi tersebut. Sebab ada rungutan dari kalangan IPTS bumiputera bahawa mereka sukar untuk mendapat sejumlah pelajar yang cukup untuk tajaan ini, berbeza dengan Universiti Lim Kok Wing contohnya yang ada sesetengah mengatakan bahawa mendapat layanan yang begitu baik.

Saya tidak tahulah sejauh mana hebatnya Universiti Lim Kok Wing. Cuma saya tahu kehebatannya membuat promosi ataupun PR mereka dengan pihak kerajaan cukup baik. Ini saya hendak tanya Lim Kok Wing ini, cukup hebat Lim Kok Wing ini. Seolah-olah macam tidak boleh disentuh, ini Lim Kok Wing, saya pun hendak tahu juga. Sebab pembahagian-pembahagian ini kenalah diagih dengan baik. Ya lah kalau institusi bumiputera ada, dibagi sama bumiputera secukupnya, IPTS yang bukan bumiputera juga diberi dan diagih juga supaya semua pihak dapat memainkan peranan dan cintakan negara.

Itu yang dahulu saya katakan sayang itu biar merata, jangan benci merata, sayang bertompok. Jadi ini yang menyebabkan keresahan rakyat terhadap kerajaan. Ini pembahagian ini saya hendak tahu. Hendak tahu supaya kalau boleh diberi jumlah angka contohnya tahun 2008, berapa ada IPTS, jumlah tajaan pelajar daripada kementerian, berapa puluh ribu dan diagih ke mana? Dan kita dapat tahu dan kalau ianya adil alhamdulillah kita turut menyokong dan nama kerajaan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, hendak bertanya senarai institusi yang mendapat *student* yang di *sponsor* oleh pihak...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kerajaan, ya. Itu yang saya hendak tahu. Sebab terlalu banyak rungutan. Saya pernah jumpa dengan seorang pengendalilah IPTS Profesor Dr. Ismail yang dia punya pancaindera itu tidak nampak, tetapi orangnya agak terkemuka dan sudah jadi senator sekejap. Dia pernah beritahu kepada saya, dia punya IPTS cukup susah hendak dapat tajaan daripada pihak kerajaan dan ada setengah mudah macam Lim Kok Wing, begitu banyak sekali dapat tajaan daripada FELDA di bawah tabung pendidikan FELDA.

Maka disebut mungkin di sini bagus, program di Lim Kok Wing ini hebat. Ya lah hebat setakat mana? Betullah sekarang ini semuanya main *advertising*, semuanya main cara promosi pengiklanan. Saya diberitahu juga macam di *Sunway University College*, kakitangan yang ada sekarang ini asalnya daripada Kementerian Pendidikan, mereka sudah *counting* awal-awal, ambil orang-orang tertentu letak di situ dengan gaji yang tinggi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini yang menjadi dilema. Jadi kita di sana sini ada sahaja masalah. Ini dari segi yang saya hendak minta supaya kementerian memberi jawapan yang sebaiknya dan apakah dari segi langkah-langkah untuk menentukan bahawa mutu pendidikan di IPTS ini terjamin?

Saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, seperti bank dahulu ada *merger*, bila terlalu banyak bank ia tidak upaya maka mereka *merger*. Sekarang ini tidak bolehkah sudah sampai masanya institusi swasta di setengah-setengah di *merge* supaya pihak kementerian sendiri memainkan peranan yang kecil-kecil yang tidak upaya di *merge* supaya mereka boleh berkongsi dengan memegang saham supaya lebih bertumpu kepada mutu pendidikan itu sendiri. Itu perkara yang ketiga.

Yang keempat masalah kemasukan pelajar asing. Saya diberitahu banyak visa pelajar asing ini disalahgunakan dan untuk pelajar-pelajar mendapat visa belajar masuk ke Malaysia, visa di negara berkenaan di setengah-setengah negara diurus oleh IPTS di sini. Ada juga dikatakan disalahgunakan, bila pelajar itu masuk, mereka belajar sekejap walaupun tamat visa mereka hilang. Akhir, fasal Tuan Yang di-Pertua, sudah tengok jam saya tidak cakup banyak.

Yang akhir sekali yang saya hendak sebut di sini apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Ini masalah pengongkongan pelajar-pelajar ini yang sampai buat PhD pun terlibat dalam politik, ini elemen AUKU ini. Saya hendak beritahu satu sahaja kepada pihak kerajaan, mudah sahaja. Saya memang suka dan setuju kepada kebebasan pelajar sehingga saya mengatakan pihak kerajaan, pihak pembangkang jangan campur. Biarkan pelajar sendiri menentukan idealisme mereka. Tidak kira mana-mana, dua-dua tidak boleh campur, biarkan mereka.

Sebab pada zaman tahun 70-an dahulu Tuan Yang di-Pertua, ini penting saya hendak sebut. Saya hendak minta kerajaan buat kajian. Dahulu pada tahun 70-an dahulu, pelajar-pelajar memang dilihat sebagai radikal dan agresif. Banyak kali mereka mengadakan tunjuk perasaan tetapi dalam kampus *speaker corner* dan sebagainya berlaku hari-hari. Prestasi akademik mereka tidak ada masalah, tetapi apa yang saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua, semua yang ini yang termasuklah yang kena tahan ISA pun ada. Boleh dikatakan semualah nampaknya anti *establishment*. Akan tetapi bila mereka *graduate*, mereka keluar tidak mengambil masa yang panjang semua menyokong *establishment*. Semua menyokong kerajaan. Betul. Akan tetapi sekarang terbalik, di kampus kita masuk semuanya nampak sokong kerajaan, selepas *graduate* mereka semua menentang kerajaan, tidak menyokong kerajaan. Apa sebab?

■1720

Ini penting. Ini memang berlaku. Ini kerana macam kita mendidik anak kita di rumah kalau bapa terlalu mengongkong, bila anak terlepas siap nanti. Samalah apa yang berlaku di IPTA dan di IPTS sekarang ini. Mereka tidak boleh meluahkan perasaan. Oleh sebab itu graduan sekarang ini begitu *inferior complex* tidak macam graduan-graduan dahulu. Saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi saya hendak berkongsi. Saya masih ingat sekarang ini, Ketua Eksekutif PNB Tan Sri Ahmad Kamal Piah. Dahulu daripada ITM seangkatan dengan saya pernah menjadi pemimpin pelajar dalam Exco saya dahulu. Tan Sri Salleh Suluk, Dato' Salleh Majid, Tan Sri Amin Shah ini antara golongan seangkatan dengan saya waktu saya menjadi pemimpin pelajar di ITM dahulu. Semuanya berjaya malah ada beberapa yang *drop out* atau pun terkeluar dipecat pun mereka berjaya sebab mereka ada jati diri mereka berani. Mungkin kerana suasana kampus pada waktu itu agak berbeza dengan suasana di kampus dalam masa lima, sepuluh tahun sekarang ini, kebelakangan ini. Ini kena kaji. Kena kaji balik kenapa semua nampak sokong kerajaan dalam kampus, VC kata semua *under control*, VC kata *everything* okey yang bodek pun kuat.

Akan tetapi apabila sampai masa pilihan raya ramai juga pergi sokong sebelah pihak pembangkang. Bila keluar, tamak mereka mengundi parti pembangkang. Dahulu lain. Dahulu nampak di kampus anti *establishment* keluar menyokong kerajaan. Jadi ini satu perkara yang perlu dibuat kajian supaya kita dapat menentukan. Kalau tidak, saya tidak rugi apa-apa Tuan Yang di-Pertua, cuma saya tolong beritahu supaya dalam kita mendidik anak-anak ini supaya mereka ada jati diri. Tidak ada gunanya nanti ada latihan khidmat masyarakat bagi mereka yang tidak masuk universiti tetapi apabila keluar anak-anak kita atau graduan kaku. Banyak telah diceritakan dalam Dewan yang mulia ini. Bila di *interview*, bila ditemu duga takut itu punya satu macam lah. Akan tetapi dalam perasaan mereka kita tidak tahu, cuma anak-anak muda sekarang ini melepas perasaan mereka melalui peti undi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

5.22 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008 dengan membangkitkan latar belakang pindaan yang menurut Kementerian Pengajian Tinggi digubal untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan diberikan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Saya kira jelas tadi daripada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian bagaimana kawalan kualiti pendidikan yang tertera dalam objektif kementerian ini. Tidak lain tidak bukan hanya langkah untuk memperkukuhkan kawalan kementerian terhadap sektor pendidikan swasta. Sebelum ini tidak dikenakan banyak sangat sekatan dan yang paling penting langkah ini tidak semestinya dapat memperbaiki kualiti Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang sedang dan terus diwujudkan tanpa henti.

Dengan wujudnya akta ini pelbagai larangan dahulunya terhadap kebebasan berserikat pelajar-pelajar dalam IPTS dikenakan terhadap pelajar-pelajar IPTS. Dahulunya IPTA dalam Akta Universiti Kolej Universiti AUKU 1991. Walaupun perbincangan terhadap Akta IPTS kurang hangat berbanding dengan *big brother* nya dengan izin IPTA ia bukannya kerana kurang kealpaan. Akan tetapi kerana ramai tidak menyedari sangat kesan negatif daripada seksyen 47 yang disebut tadi iaitu sekatan yang diwujudkan dalam kebebasan berserikat. Tambahan lagi kerana Akta IPTS dikuatkuasakan ke atas kesemua peringkat Institusi Pendidikan Tinggi bukan sahaja Universiti dan Kolej Universiti. Maka kesan negatif sekatan yang dibawa oleh akta ini lebih tersebar luas kalau dibandingkan dengan AUKU. Ini wajib diberikan perhatian yang setimpal. Saya kira pendapat kami kuasa berleluasa juga diberikan pada Yang Berhormat Menteri dalam pengurusan hal ehwal Universiti dan juga Kolej Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada masalah-masalah am Akta IPTS 1996. Pertama, bila wujud pertindihan antara peruntukan Akta IPTS 1996, AUKU 1996 Pindaan, Akta Syarikat 1995 dan Akta Pendidikan 1996. Contohnya di Universiti dan Kolej Universiti yang

ditubuhkan oleh syarikat-syarikat konglomerat. Apakah perancangan kementerian untuk memastikan penyelesaian kepada pertindihan ini? Mengikut dokumen kualiti portfolio bagi *Monach University Sunway Campus* dengan izin *it is established under the provision of the Private Higher Education Institution Act 1996 Act 555 of Malaysia with the operating company. Monach University Sunway Campus Malaysia Sdn Bhd incorporated in March 1998 under the Companies Act 1965. The company also operates under the University and University College 1996 and the Education Act 1996.*

Dalam keadaan begini akta yang mana yang patut diberikan keutamaan terutamanya bila wujud pertindihan Akta IPTS dan juga AUKU. Jadi keadaan begini boleh mengelirukan pentadbiran dan juga pandangan pensyarah serta staf institusi pengajian terhadap status mereka. Di bawah Akta IPTS, Menteri dan Ketua Pendaftar diberikan kuasa yang tertinggi seperti mana yang diberikan kepada Menteri dan Yang di-Pertuan Agong di bawah AUKU. Antaranya meliputi kuasa pendaftaran dan pertubuhan IPTS, pendaftaran dan pertubuhan syarikat yang mengurus IPTS tertentu. Pendaftaran Ketua Eksekutif IPTS dan juga paling penting hukuman dan penalti ke atas IPTS syarikat dan pelajar. Menteri juga berkuasa meminda dan mengubah beberapa syarat seksyen dan subseksyen Akta IPTS sesuka hati pada bila-bila masa sahaja. Itu pertama ya, pertindihan.

Kedua, saya pergi kepada kontradiksi halangan berpolitik yang tertera dalam akta pindaan ini terutama dalam seksyen 47. Bila dinyatakan sebentar tadi ramai yang bangun kata pelajar tidak boleh berpolitik dan saya ingin bangkitkan di sini, kenapakah pada masa yang sama terdapat Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan dan dikawal oleh parti politik secara langsung dan tidak langsung?. Contoh pertama, *Asean Institute of Medicine Science and Technology* di bawah MIC. Baru-baru ini petikan akhbar BERNAMA 21 Februari 2009 MIED dan AIMST milik MIC mula disiasat di mana polis dan SPRM menyiasat Institusi Pembangunan Pendidikan Maju, MIED sebuah entiti pendidikan MIC yang diberi tanggungjawab membina dan mengurus Institusi Perubatan Sains dan Teknologi Asia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dahulu Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat. Saya akan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya ambil kepilan akhbar saya tidak membangkitkan dalam mahkamah ini penting kerana ini menimbulkan kekeliruan dalam minda masyarakat. Saya tengah bercakap Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan S.K. Devamany: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tengah bercakap, saya tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, peraturan ikut sama juga Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Lembah Pantai bagi peluang, Yang Berhormat boleh...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tidak mahu bagi peluang masa saya pendek sahaja. Saya mahu tekankan di sini ini lah hubung kait politik dan juga Institusi Pendidikan yang akhirnya tidak memanfaatkan sesiapa pun. Saya teruskan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Dato' Koh Hong Soon hari ini pada 21 Februari mengesahkan bahawa JSJK telah memulakan siasatan ke atas pembinaan dan penyelenggaraan AIMST, selepas anggaran kos awal Universiti itu melonjak dari RM230 juta kepada RM500 juta di akhir tempoh pembinaan awal tahun lepas.

Tuan S.K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, kes ini sedang di dalam mahkamah dan di dalam siasatan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ia, AIMST ini telah terletak di Semenyih Kedah. Saya ada hak untuk utarakan. Ini pengetahuan umum.

Tuan S.K. Devamany: Ini adalah sengaja mempolitikkan keadaan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya bukan buat dakwaan jahat. Saya harap Yang Berhormat hormati hak saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Duduklah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai apa pula ini? Yang Berhormat tidak payah tunjuk di sini Yang Berhormat. Yang Berhormat di kalangan kita di Dewan Parlimen ini sudah pergi berperang Yang Berhormat tetapi saya tidak tunjuk garang saya. Saya sudah bunuh orang dan sudah tengok orang berbunuhan di depan saya Yang Berhormat. Saya tidak tunjuk garang. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

■1730

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab premis awal saya, tesis saya adalah kaitan bila parti politik terlibat dengan institusi pendidikan dan ini merupakan pengetahuan umum. Berita yang tersebar luas, imejnya sangat negatif. *[Disampuk]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan mesyuarat]***

Jadi saya bangkitkan, saya teruskan. AIMST University ini terletak di Semeling, Kedah. Mula dibuka 18 bulan yang lalu. Dipetik sebagai hasrat MIC memiliki dan menguruskan sebuah universiti. Dibina atas sumbangan ikhlas orang ramai. Derma dan pungutan dari setiap cawangan MIC. Maksudnya tentulah besar benar amanah mereka yang telah menyumbangkan

sejumlah wang yang besar demi mewujudkan institusi ini. Saya sebut daripada *Police Officer* Koh kami memulakan siasatan selepas beberapa laporan polis..

Tuan S.K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya kembali hendak kata...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Begini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini pengetahuan umum. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak minta jalankah Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau saya sebutkan di sini, dalam berita dan bukannya perkara baru.

Tuan S.K. Devamany: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai hendak bagi jalan, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya teruskan. Jadi walaupun keterangan diambil oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. *[Dewan riuh][Disampuk]* Ya, teruskan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Dalam MIED, siasatan dan teruskan tetapi konflik ataupun skandal ini memberikan imej yang sangat negatif kepada hubungan di antara parti politik dan juga institusi-institusi pendidikan. Di satu kala, kementerian kata pelajar tidak boleh berpolitik. Bagi parti politik, ada pula *their own stake* dengan izin dalam institusi-institusi pendidikan. Bukan sahaja ada *their own stake* tetapi wujud...

Tuan S.K. Devamany: Itu laporan salah Tuan Yang di-Pertua. Institusi itu dimiliki oleh MIED, bukan parti politik. *[Dewan riuh][Disampuk]*

Tuan S. Manikavasagam [Kapar]: Hei, pergi tanya Samy Vellu mana wang pergi?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana wang itu? Mana duit itu? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat, tidak payahlah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tidak bagi laluan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Agen Samy Vellukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Seterusnya, contoh kedua Tuan Yang di-Pertua bila bercakap tentang parti politik dan juga universiti. Di dalam Universiti Tun Abdul Razak yang mempunyai kaitan dengan parti UMNO di mana saya sebut di dalam Perhimpunan

Agong UMNO 2005, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan UMNO tidak bercadang untuk menubuhkan universitinya sendiri, sebaliknya akan memperkukuhkan lagi Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) sebagai platform pendidikan terpentingnya.

Contoh ketiga, wawasan *Open University*. Hubungan dengan Gerakan di mana terbukti Gerakan Pasir Gudang dalam kenyataan akhbar telah *organize* atau mengadakan dan mengaturkan satu *fund raising dinner* dengan izin untuk universiti tersebut. Jadi, *point* saya yang utama adalah apabila institusi pendidikan dikuasai oleh parti politik, ia boleh disalahgunakan untuk tujuan politik dan juga kempen politik. Justeru tidak boleh ada kontradiksi kenapa bila ada realiti sebegini, pelajar masih lagi ditindas melalui seksyen 47 dan tidak boleh langsung dilarang menjadi ahli atau mempunyai apa-apa penggabungan, persekutuan atau urusan lain dengan persatuan pertubuhan, badan, kumpulan orang, kesatuan sekerja dan parti politik.

Maksudnya saya rasa, kementerian perlu menilai, *variety* semasa dan jangan bersikap berat sebelah serta tidak adil kepada pelajar di IPTS dan di IPTA. Ketiga, ini tidak kontroversi. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah bangun. Pertambahan IPTS yang berstatus universiti dan kolej universiti yang disebut tadi tumbuh bagai cendawan.

Saya beri contoh institusi-institusi yang baru dan dilihat sebagai kurang prestijnya. *Twintech*, *Cosmopoint*, sesetengah pihak mempersoalkan kenapa mereka ini diberikan status kolej universiti? Bandingan Kolej *Cosmopoint* ditubuhkan pada tahun 1991, hanya membekalkan program bertaraf diploma dan sijil sebelum dinaiktarafkan sebagai kolej universiti yang boleh membekalkan ijazah sendiri pada tahun 2006. Semasa itu disebut *Kuala Lumpur Metropolitan University College*. Kalau dibandingkan institusi-institusi seperti *Taylor* dan *Inti College*, mereka telah banyak membekalkan Program Ijazah -3+0, nama popularnya Tuan Yang di-Pertua ataupun *twinning* dengan universiti di dalam dan di luar negara serta program pra universiti antarabangsa, *GCE A-Level*, *Canadian Pre-University South Australian Matriculation*, sebelum diberikan status kolej universiti.

Saya bangkitkan isu konsistensi dalam penganugerahan status ini kepada mana-mana kolej universiti perlu ada ketelusan dan juga satu sistem yang dapat diterima pakai oleh semua. Bila ada pihak yang mempersoalkan kenapa berlainan dan sebagainya, akhirnya akan memberi layanan kepada kenapa kualiti institusi pendidikan swasta ini merudum? Kritik pindaan Akta IPTS juga daripada banyak-banyak adalah juga yang menyatakan mungkin seksyen 2, penggantian takrif pemohon untuk menyatakan bahawa hanya syarikat dibenarkan untuk menubuhkan sesuatu IPTS dilihat bertujuan untuk mengawal kualiti IPTS.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya hanya mahu membangkitkan kepada kementerian ia boleh membawa kesan negatif iaitu kalau kita fikirkan syarikat yang mungkin mempunyai minat kepada sektor lain. Syarikat konglomerat atau syarikat perkhidmatan pendidikan yang wujud boleh menubuhkan IPTS. Kalau syarikat tersebut mempunyai banyak pelaburan dalam pelbagai sektor, ia mungkin mewujudkan *conflict of interests* yang berpotensi

menjejaskan kebebasan akademik. Terutamanya dalam kes-kes konsolidasi yang besar, keadaan di mana monopoli akan diwujudkan, kenaikan kos pengajian memang tentunya akan terjadi dan pelajar-pelajar IPTS sekali lagi menjadi mangsa. Yuran tuisyen di IPTS telah begitu tinggi.

Jadi bila beberapa syarikat berjaya mendominasi pasaran ini tanpa persaingan yang sihat, maka mereka tidak akan merasai sebarang tekanan untuk menetapkan yuran yang rendah ataupun berpatutan. Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya juga berharap selepas pindaan seksyen 43, ini berkaitan dengan mata pelajaran wajib. Dahulu banyak yang mengeluh kata pengajian Malaysia, pengajian moral dan pengajian Islam ialah mengambil masa dan juga wang. Akan tetapi sekarang digantikan dengan apa-apa mata pelajaran mengikut pindaan ini yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar. Saya mahu kepastian di pihak kementerian. Adakah ini bermaksud tidak ada mata pelajaran yang tetap di dalam hal ini? Adakah mata pelajaran wajib akan ditukarkan dalam tempoh yang tertentu atau pada bila-bila masa dan kalau tiada mata pelajaran lain yang dicadangkan oleh semua IPTS, kenapakah berlaku pindaan dalam seksyen ini? Bukankah lebih baik sahaja kalau kita batalkan semua mata pelajaran wajib memandangkan ia berlebihan, kalaulah ia berlebihan.

Akhir kata, saya berharap pihak kementerian memandang serius apa yang dibawa pada hari ini. Saya sebut parti politik dan juga institusi pendidikan tadi untuk menunjukkan diketahui umum. Bukan sahaja ini satu dakwaan jahat daripada pihak pembangkang. Ini diketahui umum, kebenaran yang ada di luar sana. Jadi, apa-apa perancangan pihak kementerian untuk mengawal aktiviti politik pelajar itu, lupakan sahajalah. Saya rasa lebih baik kawal syarikat-syarikat besar yang memerah wang daripada pelajar biasa daripada menumpukan untuk mengawal kehidupan sehari-harian pelajar universiti IPTS. Terima kasih.

5.39 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ramai yang telah mengambil bahagian dan saya tidak mengulangi beberapa persoalan yang telah dibangkitkan semula. Memberikan pandangan saya dalam beberapa perkara. Memang Rang Undang-undang IPTS ini untuk meminda Akta Universiti-universiti Pendidikan Swasta 2008. Memang banyak institusi pendidikan tinggi swasta telah tumbuh di negara kita dan bagi hemat saya ini adalah kerana kegagalan Kerajaan Barisan Nasional, dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan peluang yang sama rata kepada pelajar Malaysia untuk belajar di IPTA. Oleh sebab itu banyak tumbuhnya IPTS INI.

■1740

Namun, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan dalam IPTS. Pertamanya, saya rasa yang paling membimbangkan ialah kualiti kursus yang ditawarkan di IPTS-IPTS ini. Memang banyak IPTS yang menawarkan bukan sahaja sijil, diploma mahupun ijazah pertama tetapi yang pentingnya ialah kualiti kursus yang ditawarkan. Kebanyakan kolej swasta ini

mengadakan *twinning programmes* seperti *two plus one* atau *three plus zero* dengan universiti-universiti di luar. Apabila mereka hendak menawarkan sesuatu ijazah itu mereka menggunakan universiti di luar negara. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apabila kita menawarkan *twinning programmes* ini, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya ada satu sistem pemantauan yang lebih baik, yang lebih sistematik untuk memastikan bahawa kursus dan ijazah yang ditawarkan itu memang menepati keperluan dalam pasaran kita, keperluan modal insan dalam negara kita. Ini kerana saya rasa banyak *twinning programmes* yang mengambil nama-nama universiti di luar.

Apabila pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka hendak pergi mendaftar atau selepas SPM mereka pergi buat *twinning programmes* di kolej-kolej swasta, ramai yang mungkin tidak ada pengetahuan apakah jenis universiti ini. Ini kerana dalam universiti kita tahu ada banyak bentuk universiti, ada universiti-universiti yang mempunyai taraf ataupun pangkat yang berlainan, ada universiti yang *Ivy-League*, ada yang berjenama, ada yang *state university* dan sebagainya. Akan tetapi dalam kes *twinning programmes* mungkin banyak universiti yang menawarkan ijazah *twinning programmes* ini bukannya universiti yang baik, yang APEX tetapi universiti-universiti yang mungkin tidak mempunyai kualiti yang tidak begitu baik.

Jadi, saya harap pihak kementerian ada satu sistem untuk memberikan pengetahuan dan maklumat yang lebih tepat kepada pelajar dan ibu bapa. Semasa mereka memastikan mana satu *twinning programmes* yang hendak mereka sertai supaya mereka tahu apakah latar belakang universiti itu. Mungkin dari segi pihak kementerian yang boleh buat ialah memberikan maklumat yang lebih terperinci apakah jenis universiti itu, apakah pangkatnya, apakah taraf universiti itu. Ini supaya apabila mereka membuat *twinning programmes* mereka tahu *twinning programmes* ini apakah jenis universiti yang mereka akan mendapat ijazah daripada *twinning programmes* tersebut.

Saya juga bersetuju bahawa banyak kolej swasta yang tidak tulen, hanya menubuhkan satu kolej swasta kononnya hendak memberikan kursus bahasa Inggeris dan sebagainya untuk menarik pelajar-pelajar daripada luar negara, khasnya ramai daripada negara China dan sebagainya. Akan tetapi kolej-kolej swasta ini banyak kes yang telah berlaku menyalahgunakan nama sebagai kolej swasta, mengeluarkan visa kepada pelajar. Apabila pelajar sampai ke Malaysia ini mereka menyalahgunakan visa itu untuk menjalankan kegiatan yang lain, bukannya belajar tetapi bekerja ataupun selainnya. Jadi, saya berharap satu sistem pemantauan yang lebih baik oleh pihak kementerian untuk memastikan kolej-kolej ini tidak diberikan lesen dan tidak wujud kolej-kolej yang tidak tulen ini.

Saya juga ingin menimbulkan sedikit permasalahan yang pernah timbul dalam beberapa tahun yang lepas. Ada kolej-kolej yang menubuhkan cawangan-cawangan di beberapa negeri di seluruh negara. Akan tetapi apabila mereka menubuhkan cawangan mungkin pada tahun pertama mereka cukup pelajar untuk mendaftarkan diri dan mereka menjalankan kursus itu di

cawangan mereka. Akan tetapi apabila masuk tahun kedua, tahun ketiga serta apabila pengambilan pelajar itu berkurangan. Maka ada pernah kes yang berlaku dengan Kolej Informatics di Seremban dan di Kuching juga pernah berlaku masalah ini. Apabila pengambilan pelajar itu berkurangan, mereka meminta pelajar-pelajar yang telah mendaftarkan diri mereka di cawangan itu supaya berpindah ke Kuala Lumpur ataupun cawangan-cawangan yang lebih besar untuk meneruskan pelajaran. Ini menimbulkan pelbagai masalah dari segi logistik, kos dan sebagainya.

Jadi, saya harap pihak kementerian boleh memastikan kalau ada IPTS ini yang membuka cawangan dan menawarkan kursus itu di pejabat cawangan tersebut. Oleh itu, pastikan mereka supaya memenuhi komitmen mereka serta menghabiskan kursus itu di pejabat cawangan itu dan tidak boleh separuh jalan mereka minta pelajar itu tukar ke cawangan lain atau tukar ke ibu pejabat. Jadi, saya harap ini dapat dikaji dan dipastikan oleh pihak kementerian supaya IPTS-IPTS ini tidak mengambil peluang untuk mengurangkan kos mereka tetapi tidak memenuhi komitmen mereka untuk menghabiskan kursus tersebut.

Tadi ramai juga Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan tentang kebebasan pelajar. Saya melihat bahawa dalam peruntukan-peruntukan rang undang-undang IPTS ini memang mempunyai semangat ataupun falsafah AUKU yang mengongkong pelajar kita termasuk di IPTS. Saya berharap pihak kerajaan melihat bahawa kita hendak pelajar-pelajar kita mempunyai satu persekitaran yang lebih bebas untuk mereka berfikir, untuk mereka berhujah, untuk mereka berdialog dan bertanya soalan dalam kampus. Saya rasa kalau mereka membuat kursus mereka di IPTS, kononnya membuat *twinning program* mungkin ada satu tahun iaitu pada tahun akhir mereka akan belajar di universiti di luar. Akan tetapi kalau kita ada satu suasana yang mengongkong, yang tidak menggalakkan mereka berbahas dan tidak menggalakkan mereka bertanya soalan. Apabila mereka sampai ke kampus di luar negara nanti ini akan menimbulkan masalah kerana mereka tidak bersesuaian dengan konsep keterbukaan dalam persekitaran universiti di luar. Saya berharap perkara ini dapat dilihat supaya kebebasan pelajar itu perlu dikembalikan kepada pihak pelajar. Jangan terlalu mengongkong sehingga mereka ini tidak ada daya berhujah, daya berfikir dan daya bertanya soalan. Saya harap ini dapat diberikan pertimbangan.

Saya tidak mahu berbahas panjang dalam perkara ini kerana ramai yang telah memberikan pandangan mereka. Akan tetapi yang terakhir, sebelum saya ada beberapa rakan lain Ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat PJ Utara dan Yang Berhormat Kepong yang hendak berbahas. Saya juga hendak menimbulkan satu persoalan berkenaan dengan yuran. Saya mendapati bahawa ada IPTS-IPTS yang hendak mengutip yuran keseluruhan apabila mereka masuk tahun pertama. Mungkin kursus itu dua atau tiga tahun. Mereka cuba hendak mengutip yuran keseluruhannya, mungkin memberikan sedikit insentif dan sebagainya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Sedikit sahaja.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sebelum Yang Berhormat menghabiskan ucapan kalau boleh saya hendak bertanya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa seolah-olah ada dua standard yang berbeza dalam pakej rangsangan ekonomi baru ini untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Di mana untuk mereka yang menganggur diberikan peluang yang seluas-luasnya untuk membuat *postgraduate*. Akan tetapi kepada yang sedang bekerja pertamanya mereka mesti disahkan dalam jawatan dan keduanya mestilah penilaian laporan prestasi mereka mencapai 80%. Jadi, minta pandangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Mungkin dalam segi pelaksanaan itu memang ada ketelusannya. Saya tidak begitu pasti tentang apa masalah yang berlaku tetapi saya harap pihak kementerian boleh memastikan bahawa semua pelajar IPTS juga mendapat peluang yang sama. Mungkin pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa tadi.

Saya hendak mengatakan bahawa mengenai yuran tadi ada IPTS-IPTS yang mereka hendak mengutip yuran keseluruhannya. Mungkin *one-shot* mereka hendak kutip keseluruhan yuran itu dan mungkin mereka memberikan sedikit insentif beri *laptop* dan sebagainya. Saya memang ada kes-kes berlaku seperti ini di mana pelajar memberikan yuran keseluruhannya sekali gus. Namun, saya hendak menasihatkan dan meminta pihak kementerian supaya melarang mana-mana pihak IPTS untuk mengutip yuran. Walaupun mereka belajar di semester pertama, mereka hendak mengutip yuran bagi semester kedua dan seterusnya. Saya rasa ini adalah satu risiko yang tinggi kepada pelajar. Apa kata kalau IPTS itu gulung tikar, maka pelajar itu akan hilang wang yuran mereka yang telah dibayar. Mereka tidak ada satu mekanisme untuk menuntut semula bayaran yuran mereka dan keadaan ini berlaku. Saya hendak minta supaya pihak kementerian memastikan bahawa mana-mana IPTS tidak dibenarkan, tidak boleh membenarkan mereka mengutip yuran sebelum mereka menawarkan perkhidmatan ataupun pengajaran mereka.

Saya juga hendak bertanya satu soalan berkenaan PTPTN kerana saya difahamkan sekarang ini PTPTN ada *practice* yang diberikan apabila mereka membuat pinjaman pelajar. Mereka sekali gus memberikan keseluruhan pinjaman itu kepada kolej ataupun pelajar itu. Saya hendak mendapatkan kepastian sama ada ini adalah *practice* PTPTN kerana bagi saya ini adalah sesuatu yang tidak wajar dilakukan. Ini kerana pelajar ini mungkin dia ada satu kelemahan dari segi mengawal perbelanjaan mereka. Saya harap PTPTN sepatutnya diagihkan, diperuntukkan semester demi semester kerana saya tahu bahawa semasa PTPTN dimulakan mereka akan mengedarkan ataupun mengagihkan pinjaman itu mengikut semester. Mereka akan beri kepada IPTA ataupun IPTS itu dahulu, selepas ditolak yuran persekolahan mereka, maka baki itu akan dimasukkan ke dalam akaun pelajar. Saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu penjelasan yang lebih terperinci mengenai PTPTN ini. Terima kasih.

5.49 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut berbahas mengenai rang undang-undang untuk meminda Akta IPTS 1996 ini.

■1750

Seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain tadi, IPTS ini tumbuh dengan hebat seperti cendawan yang keluar selepas hujan. Dari satu sudut, ia menggambarkan tahap keperluan pendidikan swasta yang lebih tinggi memandangkan kepada kekurangan tempat di institusi pendidikan awam kita. Yang ini pun saya rasa kerajaan harus mengambil berat kerana tanggungjawab pendidikan ini memang diamanahkan kepada Kerajaan Pusat. Jadi sebolehnya dirangka rancangan supaya IPTA yang ada diperluaskan dan IPTA-IPTA yang baru sedia dilancarkan dalam masa-masa yang terdekat bagi menghadapi persaingan dan keperluan tempat-tempat belajar ini.

Kalau kita pergi ke luar negara dan melihat IPTS mereka, kita akan nampak kehebatan dari sudut pembangunan fizikalnya. Ini kita belum bercakap dari segi hasil pendidikan mereka iaitu anak-anak yang dididik tetapi dari segi fizikal mereka pun cukup hebat. Saya pernah melihat di Brisbane, Australia ada University of Queensland. Itu kerajaan punya, tetapi tidak jauh daripada situ ada Griffith University, sebuah institusi swasta. Dalam konteks pembangunan fizikalnya, Universiti Griffith ini juga tidak kurang hebatnya dengan kemudahan-kemudahan fizikal seperti asrama, seperti kolej tempat belajar, dari segi kemudahan padang, rekreasi dan sebagainya.

Jadi ianya memberikan suasana pendidikan yang agak menyeluruh dan menyihatkan dan sudah pasti suasana yang baik ini akan menggalakkan satu suasana atau *mood* pendidikan yang lebih baik. Begitu juga beberapa tempat lain universiti swasta di Amerika Syarikat yang sebahagiannya termasuk dalam universiti-universiti Ivy League, dan juga British Top University, United Kingdom. Mereka swasta tetapi mereka merancang begitu lama untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Kalau kita tengok kemudahan IPTS dalam negara kita, kadang-kadang bangunannya pun sangat terhad. Tidak usah ceritalah hendakkan padang, hendakkan pusat rekreasi, bangunan tempat mengajarnya pun sangat terhad. Di tengah-tengah bandar misalnya, kalau kita tengok satu kampus di persimpangan Kampung Baru dengan Jalan Sultan Ismail, ada kampus universiti yang hanya bangunan sahaja dan tidak nampak kemudahan lain. Mungkin dalam bangunan itu disediakan *facility* sukan, saya tidak tahu tetapi rasa-rasanya tidak ada.

Sedangkan semasa kita mencipta Universiti Kebangsaan Malaysia dahulu, kita diberitahu bahawa tanah yang disediakan untuk pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi dahulu 1,000 ekar lebih. Punya luasnya. UPM agaknya lebih luas. Akan tetapi bagi

universiti swasta ini, hanya bangunan itu sahaja. Itu pun disewa. Jadi bagaimanakah kita hendak menyediakan satu suasana pendidikan yang lebih kondusif kepada pelajar-pelajar kita.

Jadi saya tidaklah mengatakan bahawa untuk meluluskan pembentukan sebuah universiti swasta ini mesti lengkap segala-galanya. Kalau macam itu memang tidak adalah akan dapat universiti swasta kerana kosnya yang tinggi. Akan tetapi kita boleh lihat seperti yang dibangkitkan tadi, Lim Kok Wing University, prasarannya pun nampaknya macam hebat di Cyberjaya. Kita ada juga universiti-universiti swasta yang lain kalau kita pergi ke selatan lalu ikut Semenyih, terlelap dalam kereta sebentar, tiba-tiba buka mata, katanya berada di Nottingham. Jadi ada kampus, cukup hebat.

Jadi bukan tidak boleh, tetapi kita hendak memastikan supaya adalah disediakan sedikit syarat supaya perkara-perkara minimum bukan hanya dari segi pensyarahnya, dari segi pentadbirannya, dari segi kurikulumnya tetapi juga dari segi pembangunan fizikal. Diharap dipastikan supaya perkara-perkara ini diambil kira dalam kita mendaftarkan kolej-kolej yang baru.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai syarat yang dikenakan dalam pindaan ini mengenai pindaan terhadap seksyen 47 Akta 555 untuk memberikan ruang kepada para pelajar melibatkan diri dengan badan-badan dan pertubuhan. Saya rasa ini bagus kerana dengan cara ini pelajar-pelajar kita akan dapat mengembangkan minda, mengembangkan inteleknya dan mengembangkan hubungan sosialnya dengan masyarakat yang di luar kampus melalui penyertaan dalam persatuan-persatuan yang baik untuk mereka. Akan tetapi saya yakin pelajar-pelajar ini tentulah pandai membahagikan masa kerana terlibat dengan persatuan di luar kampus ini juga memerlukan masa.

Isunya yang kita hendak kawal pelajar-pelajar ini saya rasa bukan pencemaran minda sangat tetapi pandai menggunakan masa. Sebab itu saya hendak mencadangkan supaya penetapan bahawa pelajar-pelajar ini boleh bergabung kecuali tiga kumpulan iaitu parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan yang bertentangan dengan undang-undang dan yang ketiga tadi, mana-mana pihak yang dianggap boleh merosakkan pelajar-pelajar ini, tidak dikelompokkan sekali.

Saya cukup sensitif apabila parti politik dikelompokkan sekali dengan badan-badan yang bertentangan dengan undang-undang. Kenapa? Parti politik ini bahaya sangat kah? Kongsi gelap kah? Melatih samseng-samseng kah? Kita parti yang terbuka, berdaftar, membuat laporan tahunan, muktamar, mesyuarat agung, perhimpunan agung dibuka untuk pemerhatian semua termasuk *bloggers* kecuali Perhimpunan UMNO sahaja ada yang dihalang. Itu tidak apalah, itu mungkin ada perkiraan semasa.

Jadi apakah yang ditakutkan dengan parti-parti politik? Yang kalau hendak ditakutkan bahawa dengan penglibatan dalam parti politik ini mereka habis masa, ini bermakna mereka boleh juga habis masa dengan mana-mana organisasi yang lain, kalau itu hujahnya. Akan tetapi kalau menghabiskan masa di panggung wayang, minum-minum atau merempit juga

menghabiskan masa. Jadi saya tidak nampak logiknya kalau masa itu yang menjadi ukuran kerana kita tahu di luar negara, anak-anak kita terutamanya anak Malaysia yang belajar di luar negara, ada pula yang digalakkan untuk terlibat dengan badan-badan politik – dalam UMNO. Baru-baru ini ada pula taklimat kepada pemimpin-pemimpin pelajar di luar negara tentang politik UMNO.

Dalam Dewan ini ada yang berhujah dahulu, Yang Berhormat Kuala Terengganu kata sana boleh sini tidak boleh sebab sana jauh. Hujah itu telah ditolak oleh Rembau sendiri. Saya rasa tidak munasabah, sedangkan mana-mana anak yang mahu terlibat, bukan semua pelajar mahu terlibat dengan politik ini, Tuan Yang di-Pertua tetapi bagi mereka yang mahu terlibat, sepatutnya diberikan galakan, diberikan bimbingan dan kita harus meyakini bahawa anak-anak kita ini boleh bertanggungjawab dengan penglibatan mereka.

Jadi saya minta janganlah dikelompokkan parti politik dengan kumpulan-kumpulan yang dikenal pasti oleh ketua pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar dan juga dengan pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Jangan dikelompokkan sekali dan kita minta parti politik ini dibenarkan untuk diceburi oleh anak-anak kita ini dengan harapan mereka akan menjadi pemimpin yang lebih baik seperti yang disebut oleh Pasir Mas tadi walaupun berbeza pandangan di peringkat awal iaitu mereka sebenarnya tidak terlibat politik tetapi akhirnya terlibat dan berjaya dalam politik. Tidak semestinya sedemikian.

Point terakhir saya Tuan Speaker, iaitu mengenai satu kompelin yang saya dapat daripada penaja dari luar negara, datang mengadu bahawa mereka dilayan tidak baik oleh salah sebuah institusi di Malaysia iaitu sebuah IPTA. Mereka menghantar pelajar ke universiti ini. Universiti ini, Tuan Yang di-Pertua adalah universiti yang sangat sensitif untuk membenarkan pelajar-pelajar bukan bumiputera masuk ke dalamnya. Apabila dengar bukan bumiputera hendak masuk, mereka sensitif. Ini hanya untuk bumiputera.

Akan tetapi kita dimaklumkan oleh penaja dari luar negara ini, mereka menghantar ramai pelajar dari luar negara untuk belajar di IPTA ini. Jadi saya pun terkejut. Saya ingat memang ada *restriction*, dengan izin, kepada pelajar-pelajar selain daripada bumiputera. Rupa-rupanya dari luar ramai masuk. Mungkin kerana mereka membayar fi yang tinggi, mereka dapat masuk.

■ 1800

Jadi ini semacam ada suatu *double standard* yang saya baru dimaklumkan. Ertinya ada pelajar luar masuk tetapi pelajar dalam negara dihalang. Jadi kita minta penjelasan. Yang saya hendak bawa ini ialah apabila fi telah dibayar oleh penaja kepada universiti untuk menampung pelajar-pelajar mereka ini, kompelinnya ialah wang itu telah didapati *misplaced* dengan izin. Hilang atau salah letak sehingga penaja ini didenda kerana lewat membayar sedangkan hujahnya mereka telah membayar. Ini hampir-hampir pergi ke mahkamah. Jadi untuk menyelesaikannya, universiti kata tidak apalah. Dianggap sudah bayar tapi kena bayar denda

sedikit lagi. Jadi ini menimbulkan kemarahan dan menyebabkan imej pendidikan negara kita ini terjejas kerana sikap tidak profesional salah sebuah IPTA kita.

Jadi diharap apa yang berlaku di UiTM ini dapat dilihat kerana pelajar-pelajar luar yang datang daripada Pulau Mauritius ini berada dalam keadaan dianggap sebagai belajar tanpa yuran dan terpaksa mengalami tekanan pada suatu ketika. Jadi itu saja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan panggil dua Ahli Yang Berhormat yang terakhir ini. Saya panggil Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dahulu. Selepas itu Yang Berhormat Kepong. Kemudian saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.01 ptg.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak perkara yang saya ingin bangkitkan telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan saya. Saya tidak akan memanjangkan perbincangan saya dengan mengulangi isu-isu yang telah dibangkitkan. Sektor pengajian tinggi di Malaysia telah pun berkembang dengan cepat sekali sejak tahun 90-an. Kini, kita ada 19 buah universiti swasta, meningkat daripada 11 pada tahun 2005, 5 pada tahun 2000. Kita ada 18 kolej universiti, meningkat daripada 11 pada tahun 2005 dan 0 pada tahun 2000 dan 400 lebih kolej dan institusi swasta.

Ini merupakan satu perkembangan yang mungkin dari segi *democratization of education* dengan izin, adalah satu perkembangan yang sihat. Namun, adakah perkembangan di Malaysia ini seperti apa yang telah pun dibangkitkan tadi, mementingkan kuantiti dan mengabaikan kualiti. Mengapa saya kata begitu? Banyak kolej telah pun dinaiktarafkan kepada status kolej universiti. Apakah perbezaan antara kolej universiti dengan kolej? Kolej pun boleh mengeluarkan *degree* tetapi *degree*nya perlu dikeluarkan daripada institusi yang lain yang dapat mengeluarkan *degree*. Misalnya, kolej boleh ada *twinning program* dengan universiti di luar negara seperti University of Tasmania kah, University of Hertfordshire kah, untuk mengeluarkan *degree*.

Namun, kolej universiti boleh mengeluarkan *degree* sendiri. So, kita boleh ada Taylor's University College Degree, ada Sunway University College Degree dan lain-lain. Banyak juga *university college* yang telah pun dinaiktarafkan kepada taraf universiti dengan cepat sekali dan dalam masa yang singkat. Apabila Lim Kok Wing diberi taraf *university college*, ia di naiktarafkan dalam masa satu hingga dua tahun saja kepada universiti. Kita hendak tahu apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menaiktarafkan kolej-kolej tersebut kepada *university college* dan kepada universiti.

Adakah kriteria tersebut termasuklah boleh jadi kualiti-kualiti yang tertentu ataupun mempunyai saiz kampus yang tertentu dan lain-lain. Perkara-perkara ini kita tengok laman web kementerian, tidak dapat tahu. Kolej-kolej ini mempunyai banyak tekanan komersial. Kita ada banyak kolej di Malaysia. 400 lebih campur kolej universiti dan universiti. Banyak kolej. Kita bukan kata banyak penduduk. Malaysia bukan banyak penduduk kalau dibandingkan dengan

Singapore. Institut pengajian tinggi di Malaysia berbanding dengan institut pengajian tinggi di Singapore mengikut *ratio* penduduk, kita melebihi Singapore lebih daripada dua kali ganda. Dari segi *market*, *market* kita kecil. Oleh kerana *market* kita kecil, mereka mempunyai tekanan komersial. Mereka menjadi kreatif kerana mereka pihak swasta. Kena ada untung. Tidak boleh rugi. Tidak macam IPTA. Rugi sikit tidak apa. Kerajaan boleh tampung.

Namun bagi IPTS, tidak ada *choice*. Tidak ada pilihan. Mesti untung. Oleh kerana mereka mesti untung, mereka ada strategi-strategi yang selalunya membawa kesan-kesan negatif kepada mutu dan kualiti pendidikan ataupun pendidikan yang diberikan. Dari satu segi, mereka mengeluarkan iklan-iklan yang saya agak amat mengelirukan. Kita mempunyai kolej universiti dan universiti yang okey. Bukan kata teruk sangat. Ada yang teruk tetapi banyak okey. Tidak teruk sangat, boleh tahan, dan boleh guna. Ada yang lebih baik sikit. Namun, banyak antara semua *university college* dan universiti tersebut semua kata dalam iklan-iklan mereka, kita memberikan *world class education*. Kita adalah *world class university*. Siapa yang *world class university*?

Kita tahu *world class university* kalau tanya siapa-siapa di tepi jalan. Kita tanya siapa *world class university*. Kita boleh kata Harvard, kita boleh kata Yale, kita boleh kata Princeton ataupun Cambridge. Ini *world class university*. Tidak dinafikan universiti-universiti yang dalam peringkat *top ten* atau *top twenty* di ranking *stable*. Times Higher Education kah, Shanghai Jiao Tong University kah. Ranking *stable* tersebut *top ten* atau *top twenty*, kita semua setuju *world class university*. Akan tetapi universiti-universiti yang kita tidak kenal, yang berada di luar lingkungan *top 500 in the world* yang *mediocre*, yang okey, ada peranannya. Okey tapi digelar sebagai *world class university*. Ini amat mengelirukan ramai penuntut di Malaysia.

Saya berasa kesian kerana saya pernah ada satu syarikat IT pada masa dahulu. Saya dapati banyak penuntut SPM yang telah mencapai keputusan yang cemerlang. Mereka keliru kerana tidak ada kaunseling yang sepatutnya di sekolah. Mereka masuk ke IPT yang kurang bermutu. Oleh kerana itu, dia punya *result is not as good as they can actually be*. So, dari segi iklan, adakah kementerian akan mengambil tindakan untuk mengehadkan apa yang mereka boleh *claimed*. *Whether as world class* kah, *top of the world* kah, *the best there is* kah atau *learn from the best* kah. Semua iklan ini *not very right*lah kerana mereka memang okey dari segi mutu tapi bukannya seperti apa yang didakwa dalam iklan-iklan tersebut. Saya agak ini perlu dihadkan. Kalau hendak kata *world class*, mesti ada ciri-ciri yang tertentu baru boleh kata *world class*. Kalau hendak kata *we are the best physics department in the country*, mesti ada *the defense*. Mesti ada bukti-bukti atau *specs* yang tertentu.

Tekanan yang lain, mereka telah pun mencipta kursus-kursus yang *special* untuk menarik penuntut-penuntut yang *don't know better*. *Don't know any better*. Sistem IPTS di Malaysia amat *special* juga kerana mereka adalah pertama di dunia saya agak yang mencipta kursus-kursus tiga campur kosong. Apakah kursus tiga campur kosong? *Degree* memang tiga

tahun. Banyak negara. Di Malaysia seperti di UM dan di mana-mana. Apakah tiga campur kosong? Tiga campur kosong itu, kosong masuknya tidak payah masuk *A-Level* iaitu STPM ataupun apa-apa kolej penyediaan sebelum masuk *degree* selepas SPM. Jimat sekurang-kurangnya satu tahun dan boleh jadi dua tahun. Penuntut kita semua lebih cepat dapat *degree*, lebih cepat dapat keluar bekerja dan lebih cepat dapat wang.

Namun, ini adalah tindakan yang salah kerana mereka tidak masuk satu kolej penyediaan dan tidak diberikan pimpinan dan sokongan yang mencukupi sebelum mereka masuk peringkat *degree* atau ijazah. Bila mereka keluar, mereka tidak dapat bertanding dengan penuntut-penuntut yang keluar daripada institusi lain di mana penuntut mereka diperlukan masuk dalam satu status *foundation* kah, *A-Level* kah atau lain-lain.

■1810

Ini adalah perkara benar, saya berasa kesal kerana saya nampak ramai penuntut yang cemerlang. Oleh sebab nak cepat habiskan pendidikan mereka, mereka pergi kepada kolej 3+0 yang sekali lagi mengiklankan kolej mereka sebagai bertaraf *world class*. Kenapa *world class* ini mesti sedunia, di Oxfordkah, di Harvardkah dan mana-mana, Melbournkah, Sydneykah, mereka memerlukan penuntut-penuntut mereka menghabiskan peringkat penyediaan, matrikulasi, *A-level* kah atau sebagainya, mesti ada peringkat penyediaan. Sebab kalau mereka tidak bersedia, *they are not ready to enter a degree course*. So why should we allow, kenapa kita izinkan kolej di negara kita ini memberikan *degree* untuk penuntut yang belum lagi sedia masuk kursus ijazah.

Kita juga ada universiti IPTS yang telah pun mengeluarkan, *started courses*, kursus yang tidak ditauliahkan ataupun diiktiraf oleh badan-badan yang tertentu. Multimedia Universiti, mereka ada kursus undang-undang, *Law Degree Course* yang dimulakan lebih kurang lima tahun yang lalu. Pada masa kursus tersebut dimulakan, penuntut yang masuk dalam kursus, dijanjikan kursus ini mendapat akreditasi daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Sudah ada akreditasi, tidak ada masalah tetapi selepas masuk *diralized*, 'Eh, kursus kita tidak diiktiraf, tidak *direcognized* oleh Bar Council'. Bila mereka mengadu kepada pihak universiti, pihak universiti kata jangan takut, kita MMU. Walaupun kita swasta, kita ada sedikit *connection* dengan pihak kerajaan dan kita telah pun diakreditasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, *Bar Council* akan berikan pengiktirafan.

Akan tetapi sampai hari ini, dua tahun selepas *batch* yang pertama *graduate* daripada MMU, mereka masih tidak *direcognized*, diiktiraf oleh *Bar Council*, penuntut-penuntut di MMU. Sama juga dengan penuntut-penuntut undang-undang yang *bachelor degree* mereka di UUM, IPTA. *Law Degree Course* di UUM juga tidak *direcognized*, diiktiraf oleh *Bar Council*. Kenapa Kementerian Pengajian Tinggi tidak mengambil tindakan yang betul, yang tertentu supaya mahasiswa-mahasiswa Malaysia tidak diperangkap dalam kursus-kursus yang mereka tidak dapat menjalankan pekerjaan yang spesifik selepas mereka *graduate*.

Isu ini tidak sahaja *content* dalam bidang undang-undang, bidang *engineering* pun sama. Ini adalah disebabkan tekanan komersial yang amat tinggi kepada pihak-pihak kolej IPTS sebab kalau tidak menggalakkan lebih ramai penuntut masuk ke dalam kolej, mereka akan ditimpa kesusahan kewangan. Apa lagi mereka buat? Ramai di antara pensyarah-pensyarah di kolej-kolej ini tidak mempunyai kelayakan yang cukup berbanding dengan IPTS dan IPTA, *percentage* peratusan pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD adalah amat rendah, tidak melebihi 10%. Manakala di IPTA, sekurang-kurangnya walaupun belum sampai peringkat yang kita ingin capai, tetapi sekurang-kurangnya 30%, 40% ada PhD.

Akan tetapi di kalangan IPTS, peratusan itu amat rendah dan bukan itu sahaja, kita juga ada ramai pensyarah di kolej-kolej yang tertentu yang bukan jenama macam Sunway, Taylor, itu ada jenama sedikit. Yang bukan ada jenama mempunyai ijazah-ijazah daripada universiti palsu. Itu pun ada, adakah kementerian membuat kajian sama ada sekolah-sekolah ini memberikan kerja atau menggaji pensyarah-pensyarah yang tidak mempunyai kelayakan yang tidak mencukupi. Saya bimbang tentang perkara ini, saya bimbang tentang perkara ini sebab ini telah menjadi *bogus degree problem*, telah menjadi masalah yang meluas bukan sahaja di bidang pendidikan tetapi juga di bidang politik.

Kita tahu di antara pemimpin-pemimpin, satu Timbalan Menteri dari MCA pun mempunyai MBA daripada satu universiti yang palsu, yang telah ditutup di mahkamah di United States. Kita mempunyai satu Menteri Besar UMNO di Perlis yang juga mempunyai satu *doctorate* daripada satu universiti yang telah pun *discharged* dalam mahkamah di US sebagai universiti palsu. Kita mempunyai Ketua Putera UMNO yang mempunyai MBA sama di universiti palsu. Ini telah menjadi satu budaya yang kalau kita tidak *check* terutamanya di kalangan institut pengajian tinggi, ini akan menjadi satu *disease* yang akan *spread* kepada orang ramai. Semua orang senang hendak dapat pencapaian yang tinggi, beli saja *degree* daripada universiti-universiti yang tidak tulen (*bogus*).

Akhir sekali bagi pakej *stimulus* ekonomi yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Biasiswa dan peruntukan kepada pengajian tinggi peringkat *master* dan kedoktoran akan diberikan kepada semua yang ingin melanjutkan pengajian mereka. Ini adalah satu tindakan yang baik yang patut disokong, tetapi bila kita tengok *details* dia, penuntut-penuntut ini boleh meneruskan pengajian mereka di IPTA, okey itu tidak ada masalah. Akan tetapi juga di tiga IPTS, tiga IPTS yang tertentu iaitu UNITEN, Universiti Teknologi Petronas dan MMU. Kenapa hanya tiga IPTS ini? Kenapa hanya ketiga-tiga IPTS ini diberikan *special treatment* dan lain-lain IPTS tidak mempunyai hak untuk menerima penuntut yang mendapat biasiswa ini. Kenapa tidak? Adakah yang lain tidak mencukupi dari segi kualiti ke, dari mutu ke, adakah ketiga-tiga IPTS ini adalah IPTS yang terbaik di Malaysia di mana yang lain adalah *second tier*. Kita tidak tahu tetapi kita rasa sedikit curiga kenapa ada *discrimination* seperti ini.

Akhir sekali saya ingin membawa sedikit cadangan kepada pihak kementerian untuk meningkatkan mutu pengajian tinggi di Malaysia. Yang pertama, kita mesti ada kebebasan maklumat. Maklumat apa, maklumat seperti apakah kelayakan kesemua pensyarah yang ada dalam universiti tersebut. Maklumat-maklumat tersebut bukan sahaja diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi tetapi juga di *publish* di *website*, laman web universiti-universiti tersebut supaya semua orang, semua penuntut dapat tahu apakah kelayakan pensyarah-pensyarah yang ada di universiti tersebut.

Kita juga perlu tahu apakah standard penuntut yang diterima setiap tahun oleh universiti-universiti tersebut. Sebenarnya semua orang yang lulus di peringkat SPM atau lulus iaitu 2E, 3E, itu pun lulus, boleh masuk ke universiti tetapi untuk mengetahui yang mana lebih berkualiti, yang mana dapat menarik penuntut yang lebih cemerlang dalam keputusan peperiksaan mereka, kita mesti tahu apakah *minimum level of acceptance* yang diberikan.

■1820

Apabila saya pada masa dahulu memohon ke universiti di UK apa yang saya kena buat adalah membuat permohonan. Selepas itu saya diberi satu *conditional offer* iaitu sekurang-kurangnya dapat 2A, 1B atau pun 3A, atau pun 3B saya dapat masuk ke universiti tersebut. Itu merupakan satu *baseline standard* universiti-universiti yang tertentu dan kita perlukan sistem ini di Malaysia supaya kita lebih *transparent* dalam sistem pengurusan universiti pengajian tinggi swasta di Malaysia.

Kita juga mesti ada satu sistem untuk memantau *minimum level of qualification of the lecturers in our local universities*. Dengan itu saya harap Menteri Pengajian Tinggi akan memberikan pertimbangan yang secukupnya untuk cadangan-cadangan yang dibawa dan soalan-soalan yang ditanyakan sebelum ini. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua.

6.21 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua. Kerana ramai yang sudah menutup perkara termasuk Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi. UMNO memang tidak ada orang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua. Memang setelah undang-undang ini dikuatkuasakan 12 tahun, ini memang terlewat untuk meminda tetapi saya berharaplah dengan pindaan-pindaan 46 fasal ini, itu semua dapat dikuatkuasakan dengan baik supaya IPTS di Malaysia ini tidak mempunyai kualiti yang begitu teruk seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi. Ada yang tidak mempunyai kualiti langsung, ada yang palsu dan sebagainya.

Sebenarnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi pun sudah menarik balik lesen kepada 25 kalau tidak silap saya, IPTS dan ada 50 buah sudah menerima amaran dan sebagainya. Ini memang langkah yang perlu diambil untuk memastikan IPTS kita mempunyai tahap yang tinggi,

tambahan pula Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan kita hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bukan sahaja di rantau ini bahkan di dunia. Saya pun sokong hendak menjadikan pusat kecemerlangan pendidikan di dunia, tetapi jauh lagilah. Memang jauh. *[Ketawa]*

Ini termasuklah hasrat sasaran untuk mengambil 80,000 pelajar asing tahun hadapan. Tidak tahulah macam mana kita boleh mencapainya dan di sini saya hendak dengan ringkas mengulas mengenai daripada 46 fasal ini. Fasal 4 - kelayakan Ketua Pendaftar IPTS tidak lagi terbatas kepada pelantikan dari kalangan pegawai dan perkhidmatan pendidikan sahaja. Di sini saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada kita semua bagaimana kita dapat mewujudkan satu kriteria bagi pelantikan dari kalangan pegawai dan perkhidmatan pendidikan sahaja.

Sekarang kita hendak memperluaskan kepada orang lain kerana ketua pendaftar memang penting bukan sahaja IPTS bahkan IPTA. Saya berharap ini dapat dilaksanakan dengan berkesannya.

Fasal 10 - mengurangkan tempoh IPTS dikehendaki memohon untuk pendaftaran institusi iaitu lima tahun kepada tiga tahun. Saya terima aduan mengenai IPTS. Apabila membuat permohonan kepada KPT maka tempoh yang diambil sangat panjang. Bagaimana Yang Berhormat dapat mengurangkan kepada tiga tahun untuk permohonan, saya hendak tahu kerana di dalam rang undang-undang tidak disebutkan cara-cara untuk mengurangkan kerana birokrasi ini. Memang kita setuju kita boleh berjaya untuk mengurangkan kerana birokrasinya.

Fasal 20, membenarkan sesuatu IPTS mengendalikan kursus pengajian dalam apa-apa bahasa selain bahasa kebangsaan tertakluk kepada kelulusan Menteri. Jika menggunakan bahasa lain, bahasa kebangsaan hendaklah dijadikan satu mata pelajaran wajib. Jika pelajar telah mencapai satu tahap pencapaian, beliau boleh dikecualikan. Peruntukan ini tidak terpakai bagi pelajar asing dan di sini walau pun Yang Berhormat tidak sebutkan di dalam rang undang-undang, bagaimana kita boleh menjadikan bahasa kebangsaan satu mata pelajaran wajib pada pelajar-pelajar. Saya tidak nampaklah macam mana kita boleh buat.

Walaupun dari segi bahasa kebangsaan saya setuju semua rakyat Malaysia mesti fasih, mahir di dalam bahasa ini tetapi macam mana kita dapat mewajibkan bahasa ini di IPTS. Kita boleh lihat sekarang tidak ada kaedah langsung untuk mewajibkan bahasa kebangsaan kita di IPTS. Di sini saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan.

Fasal 21 membolehkan ketua pendaftar menentukan mata pelajaran wajib yang hendak diajar di IPTS dengan kerenah birokrasi yang begitu rumit. Macam mana kita dapat menentukan, mungkin tiga tahun tidak dapat, hendak tentukan mata pelajaran wajib sahaja. Ini akan mengambil masa kerana kita ada beratus-ratus IPTS di dalam negara ini.

Mengenai fasal 23 kawalan mengenai tahap pendidikan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia, memang LAN sudah dimansuhkan tetapi kita perlu Agensi Kelayakan Malaysia. Di sini

masa dahulu kita pernah membahaskan LAN di dalam Dewan yang mulia ini dan beberapa syor yang dibuat untuk memperkukuhkan keberkesanan LAN. Di sini dengan menggantikan LAN dengan agensi kelayakan Malaysia, macam mana kita boleh meningkatkan keberkesanannya untuk mengawal tahap pendidikan di semua IPTS ini. Memang perlu kita mengkaji dengan teliti bagaimana kita boleh menjayakan MCQ ini.

Juga pindaan kepada seksyen 51 Akta Ibu mengenai daftar guru. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun tahu ada pensyarah yang mempunyai ijazah palsu. Saya setuju kita mesti adakan kaedah yang lebih berkesan untuk mengesan pensyarah-pensyarah yang mempunyai kelayakan yang palsu. Bukan sahaja IPTA menghadapi cabaran kekurangan pensyarah yang berkualiti tinggi bahkan di IPTS. Kekurangan pensyarah memang sangat dahsyat.

Di sini kita pun nampak ada pensyarah-pensyarah daripada luar negara yang diambil untuk menjadi pensyarah di IPTS dan di sinilah penting bagi kita untuk mengesahkan dengan daftar guru ini kita boleh mengelakkan daripada menghadapi masalah pensyarah-pensyarah palsu.

■1830

Seorang Ahli: Ada banyak kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak palsu lah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Menteri Besar palsu pun banyak juga. Menteri Besar palsu pun ada juga.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya dengar ada satu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Satu saja, satu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Saya dengar ada satu saja itu. Mengenai fasal 36, saya akan membahaskan dengan lebih panjang mengenai membenarkan audit dijalankan ke atas IPTS. Sekarang memang penting, kita mesti adakan audit cuma dengan bilangan IPTS yang begitu banyak, bagaimana kita dapat mewujudkan audit untuk menyelesaikan masalah ini. Di sini Tuan Yang di-Pertua, mengenai fasal 7 dan fasal 2 iaitu takrif pemohon IPTS. Pindaan ini menunjukkan pemohon perseorangan tidak dibenarkan menubuhkan IPTS. Saya setuju iaitu seseorang itu susahlah hendak kita ada kecuali orang seperti *Princeton*, ada *Princeton University*.

Sebenarnya universiti yang terkemuka di dunia ini biasanya universiti swasta. *Cambridge, Oxford, Princeton, Harvard*, semua universiti swasta dan di sini takrif pemohon digantikan dengan menyatakan hanya syarikat dibenarkan untuk menubuhkan suatu institusi pendidikan swasta. Orang perseorangan tidak layak memohon. Saya setuju. Kita mestilah ketat daripada segi syarat untuk permohonan seumpama ini. Oleh kerana kita tidak cukup masa, saya tidak akan panjangkan. Mengenai audit, peruntukan ini sangat wajar dan tepat kerana audit perlu dijalankan ke atas kesemua IPTS bagi memastikan semua IPTS berkualiti dan mengikut syarat-

syarat yang telah ditentukan di samping mengkategorikan IPTS mengikut kelayakan masing-masing berdasarkan kriteria yang telah ditentukan.

Persoalan yang berkaitan perkara ini ialah berapa kerap pengauditan dijalankan ke atas IPTS dan oleh siapa? Apakah tidak ketidakpatuhan yang sering dikenal pasti oleh pihak audit apabila mengaudit IPTS? Tuan Yang di-Pertua, memang ini satu perkara yang susah dilaksanakan. Akan tetapi perlu kita mendapat penjelasan yang lebih lanjut mengenai audit IPTS ini. Mengenai fasal 20, di sini memang saya sebutkan tadi kita hendak tahu bagaimanakah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia dilaksanakan di IPTS dan mengenai daftar guru, saya sebutkan dengan lebih lanjut ini.

Pindaan ini tepat dan wajar kerana penting setiap IPTS menyimpan dengan sistematik daftar atau rekod guru atau pensyarah selain memastikan setiap pensyarah di IPTS mempunyai permit mengajar dan kelayakan yang sah. Langkah ini baik untuk mengelakkan IPTS mempunyai masalah kekurangan tenaga pengajar ataupun tenaga pengajar yang cukup tetapi tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan. Di sini, penalti berbentuk denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya kerana ketidakpatuhan tidak menyediakan daftar guru adalah munasabah.

Di sini yang penting sekali, saya diberitahu bahawa mengenai PhD. Pensyarah yang mempunyai Ijazah PhD. Sebenarnya saya hendak menekankan bahawa bukan sebarang PhD. PhD mesti diiktiraf oleh universiti antarabangsa. Ini bermakna setiap kali ada PhD, PhD itu bukan satu peperiksaan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri dah tahu. Mesti ada penyelidikan dan hasil daripada tesis itu sama ada pihak *external examiner* bersetuju untuk meluluskan sebagai seorang yang lulus PhD dan sebagainya. Memang saya menekankan sekali lagi PhD memanglah mesti diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kalau tidak, tidak boleh diterima dan di sini adakah matlamat untuk...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Penjelasan. Sekarang kita pun mengecualikan PhD-PhD yang palsu. Akan tetapi ada juga sebahagian PhD yang didapati oleh ramai orang buat masa ini untuk dapat *doctorate* lah sebenarnya didapati melalui *long distance course*. Boleh tak kita dapat PhD melalui *long distance course*? PhD ini boleh pakai tak di kalangan terutamanya di kalangan-kalangan *academia*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Ini tak boleh dipakai, memang tak boleh disetujui. *Long distance* PhD tak ada wujud, memang tak ada wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, adakah yang dapat PhD sebegitu Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada, itu kita ada, memang ada. [Ketawa] Jadi, tak bolehlah. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri dia mesti fasih di dalam hal ini dan kita mesti menghalang sesiapa saja dapat PhD yang tidak diiktiraf. Di sini, pensyarah-pensyarah di IPTA itu pada tahun lepas, kita telah tetapkan satu matlamat 80% akan mendapat PhD pada

tahun 2010. Kalau tak silap saya, sekarang dikurangkan kepada 60% dan bagi pensyarah-pensyarah di IPTS, apakah sasarannya? Matlamatnya? Adakah 60% mesti mempunyai PhD ataupun 80% sekarang?

Tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada menyebutkan kegiatan promosi untuk mendapat pelajar dan di sini saya sering ada dengar pihak Timbalan Menteri pun ada pernah mengatakan kementerian minta IPTS berusaha mengatasi masalah mendapat pelajar dengan melakukan lebih banyak kegiatan promosi bagi mendedahkan kepada orang ramai terutama pelajar mengenai pengajian yang ditawarkan. Akan tetapi kadangkala iklan itu tidak membayangkan keadaan yang sebenar, palsu pun ada. Sehubungan dengan itu, sejauh manakah keberkesanan Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (*Malaysian Education Promotion Center*) MEPC di luar negara mempromosikan dan memasarkan pendidikan tinggi Malaysia.

Saya berharap dapat dijawab mengenainya dan di sini terbaru Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengambil langkah aktif dengan membawa dua universiti terkemuka di dunia.

■1840

Bukan terkemuka yang itulah. Satunya *University of Newcastle and the other one, I think is Sheffield University*, UTM untuk menyertai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Memang kedua-dua universiti ini pun saya pun biasalah dengan universiti ini. Sama ada Universiti Sheffield ataupun Universiti Newcastle dan memang saya mengalu-alukan dan salah satu *Newcastle University Medical School* atau perubatan akan diadakan di Wilayah Pembangunan Iskandar. Di sini apakah status dan prasarana yang telah disediakan untuk membolehkan universiti-universiti ini beroperasi di wilayah itu. Ini bermakna UTM akan membantu mereka mengadakan prasarana dan sebagainya.

Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai universiti-universiti di Wilayah Pembangunan Iskandar ini? Di sini Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi mengenai KPT hanya mengeluarkan kelulusan kepada 200 dan tujuh kolej dan universiti swasta untuk ejen menawarkan kursus-kursus di universiti ini. Dua ratus dan tujuh dan di sini saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana kita mengawal ejen-ejen? Saya diberitahu bukan sahaja dua ratus dan tujuh ada yang lebih daripada itu ejen-ejen yang membuat tawaran pada kursus-kursus IPTS ini. Kita mestilah ada satu kawalan yang ketat ke atas ejen-ejen seumpama ini.

Satu lagi masalah iaitu mengenai IPTS yang menyalahgunakan visa. Di sini ada sepuluh IPTS yang dikenakan tindakan kerana menyalahgunakan visa dan membawa masuk pekerja-pekerja asing. Memang langkah-langkah dan tindakan KPT mestilah dipertingkatkan untuk mengelakkan menyalahgunakan visa ini. Mengenai penarafan *grading* sistem. Sistem penarafan ini memang diadakan di IPTA tetapi belum lagi diadakan di IPTS. Dan menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyeru supaya sistem penarafan diadakan di IPTS.

Kalau itulah hasrat Yang Berhormat apakah yang sudah dibuat Yang Berhormat untuk mengadakan satu sistem penarafan di IPTS ini. Ini kerana kalau kita hendak meningkatkan kualiti di IPTS kita mesti adakan sistem penarafan yang hebat untuk menentukan kualiti-kualiti dan sebagainya. Di sini memang ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua cuma saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi tetapi itulah mengenai *governance*, hendak meningkatkan *governance*. Kalau hendak meningkatkan *governance* ini memang pihak Kementerian Pengajian Tinggi mesti memperbaiki sistem *governance* sekarang. Saya diberitahu bahawa sistem *governance* sekarang adalah tidak mencukupi untuk mengawal semua IPTS ini dan sebab itulah saya menyeru sekali lagi supaya sistem *governance* kita di dalam KPT sendiri mestilah dipertingkatkan supaya kita sama-sama boleh melihat IPTS yang lebih mempunyai kualiti yang lebih tinggi. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua lima minit Tuan Yang di-Pertua tidak lebih dari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat minta maaf tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Minta tolong kalau saya bohong lima minit tidak lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua. Beberapa persoalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh mencelah sahaja Yang Berhormat boleh mencelah. Mana yang penting boleh mencelah Yang Berhormat. Saya minta maaf Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Takut tidak diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah buat keputusan tadi fasal saya kira tidak ada orang bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya pergi sembahyang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya saya faham saya faham.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Izinkan saya bertanya sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, selepas Menteri menggulung yang boleh masuk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Takut tidak masuk *line* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh, Yang Berhormat. Mencelah nanti Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik. Terima kasih.

6.46 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 atau Akta 555. Menjawab tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, Pasir Mas dan juga Rasah tentang bantuan atau PTPTN. Pada dasarnya IPTS yang telah diluluskan penubuhan serta kursus-kursus telah diluluskan JPT dan MQA layak untuk memohon kemudahan di bawah PTPTN untuk pelajarannya.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah berkenaan adakah PTPTN membayar sekali gus pinjaman kepada IPTS. Jawapannya ialah berdasarkan parti semasa PTPTN hanya mengeluarkan pinjaman kepada IPTS atau pelajar mengikut semester berasaskan perkara berikut:

- (i) pelajar telah mendaftar pada semester tersebut ;
- (ii) CGPA mestilah tidak kurang 2.00; dan
- (iii) mendapat pengesahan aktif belajar dari IPTS.

Hanya setelah syarat seperti di atas dipenuhi barulah pengeluaran pinjaman akan dibuat pada semester tersebut sahaja. Proses ini akan dibuat pada setiap semester sehingga pelajar tamat belajar. PTPTN tidak mengeluarkan pinjaman secara sekali gus kepada pelajar dan semua yang saya sebut tadi keperluan itu. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tentang keluaran pinjaman PTPTN bagi tahun 2008 mengikut IPTA dan IPTS. Bagi tahun 2008 sejumlah 56,302 peminjam telah diluluskan pinjaman yang melibatkan amaun peruntukan sehingga mereka tamat pengajian sebanyak RM2.2 bilion.

Yang tadi itu IPTS manakala bagi IPTA pelajar IPTA telah melibatkan sejumlah 100,278 peminjam yang telah diluluskan dengan peruntukan sehingga mereka tamat pengajian sebanyak RM1.8 bilion. Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah berhubung kes seorang pelajar yang menghadapi masalah PTPTN saya berharap Yang Berhormat dapat kemukakan. Saya rasa tadi sudah berikan satu surat dan saya akan menyiasat tentang isu ini dan harapkan Yang Berhormat dapat bincang dengan saya tentang *detail* itu.

Saya yakin pihak PTPTN akan mengambil tindakan dan juga menyiasat tentang perkara ini. Berkenaan dengan beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan kebimbangan kualiti kursus ataupun IPTS yang sedang berlaku sekarang.

■1850

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, semua kursus yang dijalankan oleh kolej-kolej perlu mendapat kelulusan MQA. Ini bermakna kualiti kursus adalah terkawal dan dijamin kualitinya. Program-program yang ditawarkan oleh IPTS akan dinilai dan dipantau oleh MQA di pelbagai peringkat. Seperti yang kita ada di peringkat pertama ialah profesional akreditasi yang perlu memenuhi keperluan minimum.

Kedua ialah akreditasi iaitu tahap yang lebih tinggi yang boleh membawa kepada pengiktirafan pihak-pihak berkaitan. Perenggan ini berasaskan kepada standard yang membangunkan iaitu *Code of Practice for Program Accreditation* ataupun COPA. Sembilan *area* dengan izin penilaian COPA adalah:

- (i) visi, misi dan *educational goals*;
- (ii) reka bentuk kurikulum dan penyampaian;
- (iii) penilaian pelajar;
- (iv) pemilihan pelajar dan perkhidmatan sokongan;
- (v) staf akademik;
- (vi) sumber pendidikan;
- (vii) pemantauan program;
- (viii) kepimpinan *governance* dan juga pentadbiran; dan
- (ix) *continual* kualiti *improvement* dengan izin.

Tentang soalan ataupun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, KPT...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya. Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Saya bercadang sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua untuk bertanya Timbalan Menteri berkenaan keupayaan IPTS untuk *survive* adalah cukup penting. Persoalan dana mereka itu adalah cukup penting. Akan tetapi untuk sekian kalinya saya dengar kalau perbincangan tentang IPTS adalah fokus kepada membiayai pelajar itu sendiri dengan PTPTN dan sebagainya. Apakah sudah sampai masanya kementerian memikirkan kalau benar-benar IPTS mahu diberikan keupayaan, *empowerment* untuk bersama-sama bergandingan dengan IPTA serta melahirkan bersama-sama sebagai *partners* untuk menjana Malaysia sebagai sebuah *educational hub*.

Apakah sudah sampai masanya kementerian dan juga kerajaan memandang kepada IPTS dengan pandangan yang lebih berbelas ihsan supaya menghulurkan sedikit *funding* kepada mereka. Saya diberitahu pengusaha-pengusaha IPTS kalau buat pinjaman pun 8% bukan seperti *soft loan* dalam industri yang lain. Di sini kita akan lihat bahawa mereka di sana dikekang dengan persoalan ini. Dalam perkara yang Timbalan Menteri sebutan sebentar tadi *survivality* mereka itu dalam *the business survivality*. Keupayaan mereka untuk terus *survive* perlu juga dilihat *because they can have a good business yet very bad cash flow* ataupun aliran tunai mereka.

Apakah perlu juga kementerian melihat untuk mereka ini diberikan peluang supaya ada sokongan daripada kerajaan. *You got to decide* hendak adakan IPTS bukan hanya sekadar ada tetapi *they must survive and accept. How to that?* Kerajaan perlu menyuntik beberapa perhitungan dana di sini. Terima kasih kalau dapat penjelasan.

Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Yang Berhormat, memang ini merupakan satu perkara yang diambil perhatian oleh kementerian. Kalau Yang Berhormat faham apa perkembangan IPTS memanglah selalu mereka telah bekerjasama dengan IPTA. Sebab kalau kita lihat ramai pensyarah dari IPTS adalah bekas pensyarah di IPTA juga. Ini memang memberikan mereka satu latar belakang yang begitu kukuh untuk bekerja kuat dengan IPTA.

KPT mementingkan bukan sahaja penubuhan dari segi penyelidikan juga. Di samping itu, untuk IPTS mereka boleh memohon *fund* penyelidikan seperti dari sains *fund* ataupun *techno fund*. Ini juga merupakan satu *grant* yang saya rasa cukup banyak bagi mereka memohon. Dari segi penubuhan pula, masa sekarang mungkin ada sesetengah IPTS yang menghadapi masalah. Memang kami telah memahami masalah mereka dan kita telah menggalakkan supaya kolej-kolej yang kecil itu dapat digabungkan supaya mereka dapat menjadi lebih kompetitif. Di samping itu, kita juga ada empat jenis insentif cukai yang boleh dimanfaatkan oleh IPTS secara terus menerus. Manakala terdapat lima lagi insentif cukai kepada menyumbang dalam sektor pendidikan ini.

Kementerian Pengajian Tinggi akan terus mengkaji dan juga mendengar daripada pemain-pemain dalam bidang pendidikan tinggi untuk menambah lagi insentif-insentif ini. Bagi menjawab soalan yang lain tentang...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit lagi Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hou Kok Chung: Hah?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau boleh mendapat penjelasan.

Dr. Hou Kok Chung: Saya rasa masa tidak...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sejauh mana kejayaan *merger acquisition* ataupun *merger of* kolej-kolej swasta ini? Sekian lama perkara ini disebutkan, saya sudah dengar sekian lamanya tetapi sejauh manakah kejayaan itu kalau boleh menteri tolong jelaskan?

Dr. Hou Kok Chung: Saya rasa ini memerlukan masa.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apakah ada kejayaan di sana atau tidak ada langsung kejayaan?

Dr. Hou Kok Chung: Sekarang kita masih nasihatkan mereka supaya buat demikian. Inilah merupakan satu idea yang baru dan kami haraplah mereka sanggup menerima cadangan ini. Inilah saya jawab untuk waktu ini. Bagi menjawab soalan yang lain berkenaan dengan kualiti IPTS. Selain daripada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Kepong semua bimbang tentang kualiti yang telah dipaparkan oleh IPTS. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, KPT memang sentiasa menjalankan audit kepada IPTS dari masa ke semasa. Sekurang-kurangnya sekali setahun.

Di samping itu, MQA juga memantau iklan-iklan IPTS mengenai program-program yang ditawarkan supaya tidak memberi gambaran yang salah. Kementerian memantau iklan di surat khabar yang pada setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum. Ini sebab masa lepas kita

memang menerima banyak aduan dan untuk tahun ini ataupun dua tahun memang aduan seperti ini telah dikurangkan. Saya sendiri telah membuat siasatan ke atas IPTS yang tertentu untuk memastikan sama ada aduan itu benar ataupun tidak. Kementerian Pengajian Tinggi juga ada mewujudkan bahagian penguatkuasaan dan *inspectoral* bagi mengawas selia IPTS, memantau iklan-iklan IPTS selain tadi yang saya sebut, menjalankan pemeriksaan atau audit terhadap IPTS.

Selain itu, menangani aduan terhadap IPTS dan mengambil tindakan terhadap salah laku IPTS. Bagi maklumat Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi, sekarang ada 61 IPTS yang tidak aktif dan bilangan lesen yang ditarik balik ialah 28. Bagi dalam proses rayuan adalah 33. Ini menunjukkan bahawa kementerian memanglah mengambil berat tentang perkembangan yang dihadapi IPTS sekarang. Berkenaan dengan kolej yang ditutup tiba-tiba iaitu isu Yang Berhormat Labuan. Kes dikemukakan juga adalah spesifik dan saya haraplah Yang Berhormat berikan nama kolej berkenaan. Sebenarnya sudah ada peraturan dalam Akta IPTS bahawa IPTS yang akan ditutup perlu memberi notis sekurang-kurangnya 12 bulan. Mereka juga bertanggungjawab menempatkan pelajar-pelajar terbabit ke IPTS yang lain.

Dalam hal ini kementerian akan memudahkan cara urusan pemindahan sekiranya diperlukan oleh IPTS yang terlibat. IPTS yang menutup operasinya tanpa notis adalah melakukan kesalahan di bawah Akta 555 ini. Mereka boleh didenda sebanyak RM100,000 atau satu tahun penjara. IPTS yang gagal mengambil tindakan yang diarahkan oleh ketua pendaftar boleh dikenakan denda RM200,000 atau dua tahun penjara. Bagi...

■1900

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Saya hendak tahu setakat ini, apakah ada kes di mana pihak kementerian ada mengambil sebarang tindakan dan berjaya mengambil tindakan terhadap IPTS yang telah menutup tanpa notis dihadapkan ke mahkamah? Apa yang berlaku kepada pelajar-pelajar ini? Apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh kementerian dalam kes sedemikian kepada pelajar yang telah menjelaskan yuran tetapi universiti atau IPTS itu telah ditutup, telah mengambil masa belajar di sana atau biasiswa telah diberi tetapi tidak dapat sambung pendidikan? Jadi apa bantuan kepada kumpulan pelajar dalam kes yang sedemikian?

Dr. Hou Kok Chung: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Batu Gajah, kalau mengikut peringatan saya, yang saya boleh jawab memang ada satu atau dua kes yang saya sendiri telah siasat. Oleh kerana pelajar yang terlibat itu sudah habis belajar dan ini tidak menimbulkan banyak masalah. Kami juga akan mengatur supaya mereka yang terlibat kepada kolej yang sangat dekat. Biasanya kolej-kolej yang terlibat itu adalah kolej cawangan untuk sebuah kolej induk yang besar. Memanglah dari segi ini, kolej induk itu mempunyai upaya untuk mengatur supaya pelajar itu dapat ditempatkan di kolej lain yang sesuai.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penjelasan mengenai pemindahan pelajar kalau kolej itu ditutup.

Saya ada menerima aduan daripada pelajar-pelajar, kalau kolej yang mereka telah daftar itu ditutup, mereka hendak berpindah ke kolej lain seperti yang diaturkan oleh kementerian, tetapi, masalahnya kolej yang baru itu mereka tidak mengiktiraf *credit transfer* mereka. Maksudnya mereka perlu memulakan lagi pengajaran mereka, kursus mereka dan membuat bayaran lagi.

Walaupun mereka di pindahkan, diserapkan di dalam kolej itu tetapi masalahnya kalau mereka sudah habiskan satu tahun pengajian di kolej yang lama itu, mereka tidak diiktiraf *credit transfer*. Masalahnya, mereka perlu memulakan sekali lagi dan membayar yuran pengajian lagi. Saya harap pihak kementerian boleh mengkaji dan melihat dalam perkara ini. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Yang Berhormat Rasah dan perkara ini akan saya ambil perhatian. Kalau betul-betul ada kes yang serius, saya sendiri akan menyiasat dan pegawai-pegawai saya, saya rasa mereka dapat membantu saya juga. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, bagi tahun 2009, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan 39 jawatan di bahagian penguat kuasa atau *inspectorate*. KPT ada memohon jawatan tambahan bagi tahun 2010 dan juga 2011.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kepong tentang iklan palsu. Sebagai pindaan kepada IPTS, kementerian mengeluarkan kod etika pengiklanan IPTS yang dibaca bersama pekeliling dan pindaan berhubung iklan. Seksyen 72 dan 75 akta juga memperuntukkan kuasa dan penalti untuk mengawal tatacara pengiklanan oleh IPTS. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai tentang apakah kriteria-kriteria untuk menaiktarafkan dari kolej kepada kolej universiti atau kolej universiti kepada universiti.

Sebenarnya, bagi sesebuah kolej atau kolej universiti untuk dinaikkan taraf, ia sebenarnya hendaklah dijemput oleh Menteri Pengajian Tinggi. Ini bermakna, ianya adalah satu keistimewaan dan jemputan itu dibuat berasaskan kepada laporan prestasi yang dikumpulkan oleh KPT di sepanjang penubuhan IPTS berkenaan. Kriteria-kriteria ini termasuklah:

- (i) pengalaman dalam mengendalikan sesebuah IPT;
- (ii) kewangan syarikat kukuh;
- (iii) kekuatan kakitangan akademik;
- (iv) kualiti kursus pengajian;
- (v) *track* rekod yang cemerlang;
- (vi) kekuatan pengurusan;
- (vii) pengantarabangsaan;
- (viii) kampus yang kondusif; dan
- (ix) penglibatan dalam R&D.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah tentang cadangan kementerian sediakan maklumat mengenai universiti asing yang membuat *training program* dengan IPTS. Sebenarnya, maklumat-maklumat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat

sudah ada dan mudah diperoleh menerusi laman web. Malah, laman web JPA sudah menyenaraikan universiti luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, pelajar dan ibu bapa pelajar juga mempunyai peranan untuk menyiasat latar belakang IPTS dan kursus yang diminati.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat Lipis tentang cadangan KPT ada kajian yang menyeluruh mengenai pengajian tinggi atau pun pelan strategik. Kementerian sebenarnya sudah ada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan pada tahun 2007. Pelan ini menggariskan hala tuju pendidikan negara sehingga 2010. Seterusnya, pelan ini mempunyai tujuh teras dan inilah bukannya. Teras yang pertama, iaitu:

- (i) meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti;
- (ii) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) memperteguh pendidikan dan inovasi;
- (iv) memperkasa institusi pengajian tinggi;
- (v) mempergiat pengantarabangsaan;
- (vi) membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- (vii) mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi.

Tentang masalah tenaga pengajar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mambong. Bagi program-program profesional seperti perubatan, kualiti program pengajian adalah mengikut piawai yang ditetapkan oleh badan profesional yang berkaitan. KPT sentiasa memantau program-program yang dijalankan oleh IPTS agar mematuhi kualiti yang ditetapkan.

Kementerian prihatin dengan isu ini dan tidak menghalang IPT untuk berfungsi tenaga pengajar dengan syarat proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Untuk isu kualiti tenaga pengajar juga di IPTS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam. Setiap tenaga pengajar di IPTS perlu mendapat permit mengajar sebelum mereka boleh menjadi pensyarah. Ini juga merupakan satu cara untuk kita mengawal supaya kualiti seseorang pensyarah itu dapat dikawal.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Dalam proses menilai permohonan permit mengajar itu, kelayakan akademik pemohon akan disemak. Ini juga, kita akan pastikan supaya tidak ada PhD palsu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan juga Yang Berhormat Kepong. Tentang program MMU dan UUM yang...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan *respond* dengan orang yang duduk Yang Berhormat. Pandang ke sini Yang Berhormat. Yang Berhormat pandang sana...

Dr. Hou Kok Chung: Okey, tentang program MMU dan UUM yang tidak diiktiraf oleh *Bar Council* tetapi dapat akreditasi MQA, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya ingin membuat pembetulan maklumat iaitu pengiktirafan ini bukan daripada *Bar Council* tetapi dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang. Tindakan MQA ialah perbincangan dengan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang telah didakan. Kami akan menguruskan perkara ini dan berharap perkara ini akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis tentang yuran. Memanglah kementerian tidak mengawal fi yang dikenakan, ianya adalah tertakluk kepada permintaan pasaran. Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, terlalu banyak IPTS perubahan dan kejuruteraan. Isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah.

■1910

Penubuhan kolej-kolej sedemikian adalah terkawal dari segi keperluan dan KPT sentiasa berunding dan mendapat ulasan daripada badan seperti MMC dan *nursing board* dengan izin. Kedua-dua badan ini juga menetapkan bilangan pelajar yang boleh diambil oleh kolej berkenaan.

Isu-isu yang dibangkitkan tentang penglibatan pelajar dalam politik sebenarnya isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat yang lain dan kalau kita lihat ini ialah supaya dapat selaras dengan AUKU dan dari segi AUKU kami memang tidak menghalang pelajar-pelajar untuk menceburi dalam aktiviti-aktiviti yang sihat. Untuk maklumat...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dr. Hou Kok Chung: ...Dewan yang mulia ini, isu pelajar-pelajar IPTS yang terlibat dalam politik adalah satu *non issue* selama ini. Ini kerana setakat ini tiada isu ini yang ditimbulkan ataupun diperbesarkan seperti di IPTA. Dalam hubungan ini saya mendapati majoriti besar pelajar IPTS tertumpu pada tujuan mereka berada di IPTS malah pilihan raya kampus di IPTS adalah sesuatu yang kita jarang dengar dan ini tidak seperti apa yang berlaku di IPTA.

Untuk isu Masterskills yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, dakwaan-dakwaan Ahli Yang Berhormat sangat mengejutkan kerana sehingga hari ini kementerian tidak ada menerima sebarang laporan daripada mana-mana pihak. Oleh kerana kes yang dibangkitkan itu adalah spesifik, kementerian sudah mengambil maklum dan siasatan lanjut dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Hou Kok Chung: Belum, ada lagi satu atau dua. Tentang pelajar-pelajar IPTS hanya untuk mengambil sekumpulan kaum sahaja dan saya hendak menegaskan di sini, IPTS ini mereka mengambil semua pelajar mengikut merit dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga,

IPTS sememangnya diwajibkan mengambil pelajar yang mempunyai kelayakan minimum yang ditetapkan oleh MQA.

Saya rasa inilah yang saya dapat jawab. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dimaklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ada usul.

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai No. 3 ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu apa sebabnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa? Tidak payah tanyalah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum ini rang undang-undang ditarik balik, dibentangkan semula. Sekarang ini ditangguh dan hari ini juga ditangguh. Saya hendak tahu apa sebabnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah sebablah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh saya tahu apa alasannya Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu urusan kerajaanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di bawah peraturan Parlimen kita, Tuan Yang di-Pertua tidak perlu memberi sebab tapi apabila kementerian yang bertanggungjawab kepada satu-satu rang undang-undang hendak menarik balik di bawah Peraturan 62, Menteri berdiri daripada tempatnya boleh menarik balik rang undang-undang ini sebelum perkara itu dibincangkan. Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957****Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Modal Perdana
Sdn. Bhd. (KMPSB)****7.17 mlm.**

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pertukaran sebahagian pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB) kepada ekuiti. Resolusi ini dibentangkan mengikut keperluan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Resolusi ini dibentangkan berikutan keputusan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya sejumlah RM30 juta yang merupakan sebahagian daripada jumlah pinjaman kerajaan sebanyak RM190 juta ditukarkan kepada ekuiti. Jumlah ekuiti sebanyak RM30 juta akan dipegang oleh Menteri Kewangan diperbadankan. Keputusan ini telah diambil untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan KMPSB. Bagi melaksanakan resolusi ini KMPSB perlu menerbitkan saham biasa baru sebanyak RM30 juta bernilai RM1 setiap satu yang kesemuanya dipegang oleh Menteri Kewangan diperbadankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon mencadangkan supaya resolusi berkaitan ketetapan mengenai pertukaran sebahagian pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd (KMPSB) kepada ekuiti seperti yang dijelaskan diluluskan oleh Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

7.19 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita pun sudah hendak habis sudah ini. Daripada KMPSB, RM190 juta sekarang ditukar RM30 juta kepada ekuiti dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita apakah faedah yang kita akan dapati daripada ditukar kepada ekuiti ini. Bukan satu jumlah yang kecil RM30 juta daripada RM190 juta.

Walaupun Yang Berhormat Sri Gading tidak berminat, dia minat dengan Johor sahaja. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, mengapa kita hendak tukar kepada ekuiti ini dan bukan untuk kekalkan sebagai yang sedia ada dan di sini saya mengulangi apakah faedah kita akan dapati. Sekian terima kasih.

7.20 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya pada masa sekarang, KMPSB hanya mempunyai modal berbayar atau *paid up capital* sebanyak RM3 sahaja. Oleh kerana itu dalam kaca mata dunia ini, oleh kerana KMPSB ini mempunyai modal teroka antarabangsa sama seperti Amerika Syarikat, China, ASEAN dan sebagainya. Jadi ini untuk mengukuhkan keadaan syarikat KPMSB dengan rakan kongsi mereka dan untuk memberi keyakinan kepada rakan kongsi mereka. Pada masa yang sama supaya kedudukan KPMSB itu lebih kompetitif dengan syarikat modal teroka yang lain di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, yang paling penting adalah untuk memenuhi kehendak FIC, kerana pelaburan KPMSB di dalam syarikat-syarikat ini kadangkang, oleh kerana FIC ini memerlukan bahawa syarikat ini mempunyai suatu modal berbayar yang lebih tinggi dari RM3. Ini adalah sebab-sebab mengapa KMPSB ini menukar sebahagian pinjaman itu kepada ekuiti, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 13 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut 32 tahun 2009 disahkan, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

AKTA KASTAM 1967

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-negeri Anggota ASEAN dengan Jepun) 2008 PU(A) 476/2008 bertarikh 31 Disember 2008

7.23 mlm

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 2, Seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bil. ST.32 tahun 2009 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-negeri Anggota ASEAN dengan Jepun) 2008 PU(A) 476/2008 bertarikh 31 Disember 2008. Perintah ini disediakan untuk memenuhi komitmen

Malaysia di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan Jepun yang telah ditandatangani pada 14 April 2008. Tujuan perjanjian tersebut adalah untuk menggalakkan perdagangan bebas yang lebih komprehensif di antara negara-negara ASEAN dan Jepun meliputi sektor perdagangan produk dan perkhidmatan serta sektor pelaburan.

Melalui Perintah Duti Kastam ini, pengurangan dan penghapusan takrif ke atas senarai barangan yang dipersetujui untuk ditawarkan oleh Malaysia di bawah perjanjian tersebut telah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2009. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Kepong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong, tidak payah dengar dia orang Yang Berhormat. Yang Berhormat memang sudah pakar dalam soal ini. Sila Yang Berhormat.

7.26 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bukan pakar, tetapi inilah, tengok begitu tebal. Yang Berhormat Sri Gading tidak berminat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itulah, orang yang mempunyai kepakaran sahaja boleh membaca semua itu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan, memang banyak yang terkandung di dalamnya kerana ini Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-negeri Anggota ASEAN dengan Jepun) 2008. Kita merupakan salah satu negara di antara sepuluh buah negara ini. Di sini banyak barang yang perlu kita luluskan di sini. Misalnya di sini, muka 37. *Fish filelets and other fish meat (whether or not minced), fresh, chilled or frozen - heading/Subheading 03.04* dan sebagainya. Banyak di sini.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah amaun yang terlibat, jumlah wang. Memang banyak dianggarkan. Yang Berhormat Padang Rengas, kita ada banyak di sini. Saya memang hendak tahu melalui Perintah Duti Kastam ini, apakah amaun anggaran perdagangan di antara Jepun dan ASEAN dan juga dengan Malaysia ini. Kalau hendak sebut satu persatu, tidak habislah, tidak boleh balik.

Seorang Ahli: Merapulah....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini tidak merapu, ini memang wang yang terlibat itu berbilion ringgit.

Seorang Ahli: Wang politik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Wang politik? Itu masalah UMNO, sekarang. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Banyak cukai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagilah. Saya tidak mahu sebutkan kerana kita tidak cukup masa. Semua hendak kembali ke rumah, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.28 mlm.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya yang tebal itu Yang Berhormat Kepong tunjuk tadi, sebenarnya bukan amaun, ini adalah senarai kod takrif sahaja, tetapi ia tidak melibatkan berapa banyak perdagangan yang dijalankan. Semua itu adalah menunjukkan apakah takrif yang dikenakan atas satu-satu barangan dari tahun sekarang hingga ke tahun 2018, di mana kebanyakan takrif-takrif itu semua jadi kosong apabila akta masuk dan sebagainya. Jadi untuk menjawab, kalau Yang Berhormat hendak tahu berapakah banyak perdagangan di antara Malaysia dan Jepun ini, untuk makluman Yang Berhormat saya bagi tahu berapa tahun sahaja. Kalau misalnya pada tahun 2006...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan panjang-panjang...

Dato' Kong Cho Ha: 2006, perdagangan di antara Malaysia dan Jepun sebanyak RM115 bilion dan tahun 2007 sebanyak RM120 bilion dan untuk tahun 2008 adalah sebanyak RM136 bilion. Sekian terima kasih.

■1930

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, penjelasan yang jelas Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 14 yang telah dibentangkan bagi Kertas Statut bilangan 32 tahun 2009 disahkan, hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui

AKTA CUKAI JUALAN 1972**Perintah Cukai Jualan, Kadar Cukai No. 2 (Pindaan) 2009
P.U.(A) 89/2009 bertarikh 26 Februari 2009****7.31 mlm.**

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 36 tahun 2009 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan, Kadar Cukai No. 2 (Pindaan) 2009 P.U.(A) 89/2009 bertarikh 26 Februari 2009. Perintah ini disediakan untuk menaikkan Kadar Cukai Jualan bagi diesel daripada 19.64 sen seliter kepada 40 sen seliter. Perubahan kadar cukai jualan ini berkuat kuasa pada 1 Februari 2009. Kenaikan kadar cukai jualan ini adalah untuk memberi fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengekalkan harga runcit diesel semasa, seperti yang telah dijanjikan khususnya dalam keadaan di mana harga asas diesel tidak stabil.

Adalah dikhuatiri sekiranya harga runcit diesel terlalu terdedah kepada turun naik harga asas pada masa ini, ia akan memberi kesan kepada harga barangan serta kadar inflasi negara, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita sudah nak siap untuk balik. Diesel penting bagi semua, di Padang Rengas pun orang guna diesel juga dan disubsidikan, walaupun Yang Berhormat Padang Rengas tidak memberitahu kepada penduduk di situ, diesel itu sudah disubsidikan, dan ini satu Perintah Cukai Jualan, bukan subsidi itu untuk selama-lamanya. Memang ada terhad, jadi tak boleh lah macam tu.

Di sini amaun yang terlibat di dalam Kertas Statut 36, P.U.(A) 89 ini, jika kita luluskan malam ini, apakah amaun yang terlibat? Saya nak tahu, walaupun ini cukai jualan ditetapkan satu kadar sahaja, dan apakah anggarannya? Walaupun Yang Berhormat katakan tadi kita mesti tetapkan kerana ada fleksibiliti sedikit kerana perubahan harga diesel, tapi nampak sekarang tak begitu hebat kerana semua turun dan kalau semua turun, kita masih perlukan satu usul seperti ini untuk menetapkan apa yang diluluskan masa tahun lepas.

Saya hendak tahu sama ada cukai jualan ini akan di ubahkan pada masa hadapan ataupun pada sesi yang kedua tahun ini, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya saya tidak boleh janji ataupun sesiapa pun tidak boleh janji, adakah harga ataupun cukai itu akan diubah pada masa hadapan. Jadi perubahan ini yang saya katakan tadi adalah untuk supaya harga am itu lebih stabil dan kenaikan ini memberikan satu longgaran fleksibiliti kepada kerajaan, kerana itu adalah hak maksimum.

Akan tetapi, kebanyakan seperti pada tahun 2008 kerajaan tidak mengutip cukai, bukan sahaja tidak mengutip cukai tetapi membayar subsidi yang tinggi seperti pada bulan Mei, kerajaan membayar subsidi sebanyak RM1.83 seliter diesel di stesen pam, dan pada bulan Jun sebanyak RM1.09 dan sebagainya.

Jadi untuk menjamin bahawa kerajaan tak perlu selalu berubah harga minyak diesel di stesen pam, jadi kita memberi satu fleksibiliti yang lebih besar supaya harga minyak itu tidak menjejaskan pembangunan ekonomi dan lebih stabil untuk pihak peniaga di negara kita, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 15 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut 36 hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat pertama Penggal Kedua Parlimen Kedua belas telah berlangsung selama 22 hari dari 16 Februari 2009 hingga 25 Mac 2009. Saya bagi pihak Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat disempurnakan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan, Pegawai Parlimen serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat kali ini. Akhir kata selamat pulang, selamat sampai ke destinasi masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.38 malam.